

PELAN PENGAJARAN HAK ASASI MANUSIA

Untuk Sekolah-Sekolah Asia Tenggara



Untuk Menyokong Dekad Bangsa-Bangsa Bersatu
Bagi Pendidikan Hak Asasi Manusia



PELAN PENGAJARAN HAK ASASI MANUSIA

Untuk Sekolah-Sekolah Asia Tenggara



Tingkat 29, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 603 - 2612 5600
Fax: 603 - 2612 5620
e-mail: humanrights@suhakam.org.my

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2006

Hakcipta Asia-Pacific Human Rights Information Center,
2003

Copyright Asia Pacific Information Center, 2003

Kesemua atau mana-mana bahagian laporan ini boleh disalin dengan syarat pengakuan sumber dibuat.

Pemberitahuan penngunaan amatlah dihargai.

All or any portion of this report may be reproduced provided acknowledgement of source is made.

Notification, of such use would be appreciated.

Diterjemah dan diterbitkan di Malaysia oleh / *Translated and published in Malaysia by*
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA / *HUMAN RIGHTS*
COMMISSION OF MALAYSIA

Tingkat 29, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur

Email: humanrights@suhakam.org.my

URL: <http://www.suhakam.org.my>

Ilustrasi muka hadapan oleh / *Front cover illustration by*

Gee Meng Ann

Umur / Age 17

SMK (P) Methodist, Klebang Kecil

Melaka

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*

PERCETAKAN HAJI JANTAN SDN. BHD.

12, Jalan 4/118C, Desa Tun Razak, Cheras

56000 Kuala Lumpur

Tel: 03-9173 1997

Faks: 03-9173 1835

fn. pmi

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Pelan pengajaran hak asasi manusia untuk sekolah-sekolah Asia Tenggara

ISBN 983-2523-35-4

1. Human rights--Study and teaching--Asia, Southeastern.

323.071059

1234567890

1234567890

1234567890

Pelan Pengajaran ini adalah terjemahan daripada Human Rights Lesson Plan
For Southeast Asian Schools yang diterbitkan oleh Asia-Pacific Human
Rights Information Center.

KANDUNGAN

	Halaman
Penghargaan	v
Perutusan	
Yoshio Kawashima	vii
Fe A. Hidalgo	ix
Pengenalan	xi
Membina Pelan Pengajaran Hak Asasi Manusia	3
A. Kerangka Kurikulum Hak Asasi Manusia	
1. Kemboja	16
2. Indonesia	17
3. Malaysia	18
4. Filipina	19
5. Thailand	21
6. Vietnam	22
B. Pelan Pengajaran	
I. Peringkat Sekolah Rendah	
1. <i>Hidup dalam Persekitaran Bersih</i> (Sains)	27
2. <i>Saya Berhak untuk Beriadah</i> (Pengajian Sosial, Pendidikan dan Kesihatan Jasmani)	30
3. <i>Penjagaan dan Perlindungan</i> (Pendidikan Moral, Pengajian Sosial)	34
4. <i>Saya Terlibat</i> (Pendidikan Moral)	38
5. <i>Penyalahgunaan Dadah</i> (Pengajian Sosial)	42
6. <i>Hak kepada Pendidikan</i> (Pendidikan Moral)	46
7. <i>Buruh Kanak-Kanak</i> (Pengajian Sosial)	50
8. <i>Pendapat Saya</i> (Pendidikan Sivik, Pengajian Sosial)	52
9. <i>Kesanggupan Kita untuk Berkongsi</i> (Pendidikan Sivik, Pengajian Sosial)	56
10. <i>Bekerja Semasa Musim Kemarau</i> (Pengajian Sosial, Sains, Ekonomi Rumah Tangga)	60

II. Peringkat Sekolah Menengah

1. <i>Harga Diri Manusia</i> (Pendidikan Moral, Pendidikan Sivik)	65
2. <i>Rasuah dan Penyelewengan</i> (Pendidikan Moral)	71
3. <i>Hidup adalah Penuh Makna</i> (Pendidikan Moral)	76
4. <i>Kebebasan dari Diskriminasi</i> (Pengajian Sosial)	80
5. <i>Pekerja-Pekerja Asing</i> (Pendidikan Moral, Pengajian Sosial)	85
6. <i>Kanak-Kanak Jalanan</i> (Pendidikan Sivik)	90
7. <i>Belanjawan dan Percukaian Negara</i> (Ekonomi, Pengajian Sosial)	97
8. <i>Prosedur Undang-Undang</i> (Pengajian Sosial)	103
9. <i>Pembangunan dan Hak Asasi Manusia</i> (Pengajian Tempatan, Ekonomi)	108
10. <i>Hak Asasi Manusia adalah Sejagat</i> (Pengajian Sosial)	114

C. Bahan-Bahan Rujukan

1. Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat	123
2. Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak	134
3. Pengenalan kepada Istilah Hak Asasi Manusia	182

Lampiran

1. Senarai Peserta Bengkel Penulisan Asia Tenggara	189
2. Pasukan Kaji semula Serantau	196
3. Gambar	198

PENGHARGAAN

Kami ingin merakamkan penghargaan terhadap sokongan sebegitu ramai pihak individu dan institusi dalam usaha menyediakan penerbitan ini.

Kami ingin mengucapkan terima kasih kami kepada para peserta Bengkel Penulisan Asia Tenggara (*SEA Writeshop*) bertajuk Pembinaan Panduan Mengajar Hak Asasi Manusia yang hasilnya menjadi bahan asas bagi penerbitan ini. Pada masa yang sama, kami ingin memohon maaf kerana tidak dapat menyiarkan nama-nama penggubal Pelan Pengajaran itu. Hal ini bertujuan untuk mewujudkan jati diri Asia Tenggara, bukan sekadar jati diri negara pada Pelan Pengajaran itu. Disebabkan bilangan peserta bengkel penulisan Asia Tenggara yang ramai maka pihak kami tidak dapat menyiarkan nama mereka secara perseorangan dalam ruang penghargaan ini. Oleh itu, satu senarai nama yang lengkap dimuatkan dalam lampiran.

Kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada anggota Pasukan Kaji semula Serantau yang berikut atas kesabaran dan daya usaha mereka dalam penyemakan Pelan Pengajaran tersebut:

1. Dr. Nguyen Thanh Hoan
Kementerian Pendidikan dan Latihan, Vietnam
2. Cik Chin Yahan
Kementerian Pendidikan, Belia dan Sukan, Kemboja
3. Dr. Valai na Pombejr
Rangkaian Asia-Pasifik untuk Pendidikan Antarabangsa
Dan Pendidikan Nilai-Nilai Murni (APNIEVE), Thailand
4. Dr. Sirilus Belen
Kementerian Pendidikan dan Kesenian, Indonesia
5. Dr. Chiam Heng Keng
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, Malaysia
6. Cik Zaida T. Azcueta
Jabatan Pendidikan, Filipina.

Kami berhutang budi kepada Dr. Valai na Pombejr kerana usahanya membaca pruf penerbitan ini, 101 *freelance* untuk kerja-kerja susun atur, Cik Rungtip Imruangruang dan Suruhanjaya Katolik bagi Keadilan dan Ketenteraman, Thailand atas sokongan administratif.

Kami menghargai sokongan yang diberi oleh Encik Jefferson R. Plantilla dari Pusat Penerangan Hak Asasi Manusia Asia-Pasifik (HURIGHTS OSAKA) serta Cik Nerissa L. Losaria dari Pejabat Pendidikan (Filipina) dalam usaha menyempurnakan Pelan Pengajaran ini.

Kami turut berterima kasih kepada pihak Pejabat Suruhanjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Hak Asasi Manusia serta Dana Kanak-Kanak Bangsa-Bangsa Bersatu – pejabat Kanada (UNICEF-Kanada) kerana sudi memberikan kebenaran untuk menggunakan versi bahasa mudah Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat, Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak, dan satu pengenalan kepada istilah hak asasi manusia sebagai bahan-bahan rujukan dalam penerbitan ini.

Kami merakamkan penghargaan bagi semua lukisan, ilustrasi serta gambar foto daripada negara Kemboja, Vietnam dan Thailand yang dapat mengurangkan monotoninya.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih kami kepada pihak Yayasan Friedrich Naumann melalui pejabat serantaunya di Bangkok kerana telah membiayai majlis mesyuarat Pasukan Kaji Semula Serantau dan pencetakan penerbitan ini. Kami juga merakamkan terima kasih kami kepada Encik Uwe Johannsen, ketua pejabat serantau, atas sokongan sepenuh beliau terhadap penerbitan, serta Cik Wallaya Pinprayoon bagi urusan pentadbiran.

PERUTUSAN

Para guru merupakan tenaga kerja barisan depan dalam bidang pendidikan. Pada bahu merekalah kita meletakkan tanggungjawab untuk membantu para pelajar kita membina masa hadapan mereka. Justeru itu, amat tepat sekali untuk kita memperakui peranan guru dan memberi mereka segala sokongan yang diperlukan untuk melaksanakan tugas-tugas mereka itu.

Situasi guru adalah faktor utama yang kita pertimbangkan di Pusat Penerangan Hak Asasi Manusia Asia-Pasifik (HURIGHTS OSAKA) untuk meningkatkan pengajaran hak asasi manusia di sekolah-sekolah. Hanya jika para guru tidak diberi sokongan, maka sebarang program dalam pendidikan hak asasi manusia di sekolah-sekolah akan menemui jalan buntu.

Oleh yang demikian, kami amat menghargai sokongan yang diberikan oleh para pendidik kepada Bengkel Penulisan Asia Tenggara bertajuk Membina Panduan Mengajar Hak Asasi Manusia (*SEA writeshop*), yang menghasilkan Pelan Pengajaran yang diubah suai dalam penerbitan ini. Kami mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada para peserta, juga kepada rakan-rakan kongsi kami (Jabatan Pendidikan Filipina, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Filipina, serta Dana Asia Tenggara bagi Kemajuan Institusi dan Perundangan) kerana telah berkongsi dengan kami visi, komitmen dan sumber-sumber mereka dalam usaha mengendalikan bengkel penulisan SEA ini.

Kami akhirnya berjaya menghasilkan suatu set Pelan Pengajaran hak asasi manusia yang bertujuan untuk kegunaan para guru Asia Tenggara terutamanya, walaupun bukan secara eksklusif. Kini kami mempunyai tugas untuk menggalakkan penggunaan Pelan Pengajaran ini oleh para guru dalam kelas-kelas di Asia Tenggara.

Kami berharap agar para guru akan mendapati setiap kandungan dan kaedah dalam pelan-pelan pengajaran itu adalah bersesuaian dengan keperluan mereka dan sesuai bagi pelajar-pelajar mereka itu. Kami juga berharap agar pelan pengajaran ini akan merangsang para guru dan pendidik yang lain supaya lebih melibatkan diri dalam pendidikan hak asasi manusia.

Kami amat menghargai sokongan yang diberikan oleh Yayasan Friedrich Naumann untuk membiayai pencetakan penerbitan ini.

Akhir sekali, dalam usaha menawarkan penerbitan ini kepada guru di Asia Tenggara juga di rantau yang lebih jauh lagi, kita juga turut menyumbang kepada keperluan matlamat Dekad Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pendidikan Hak Asasi Manusia (1995-2004). Dekad ini telah menjadi kerangka keseluruhan kita dalam usaha mempromosikan pendidikan hak asasi manusia di daerah ini.

Prof. Yoshio Kawashima

*Pengarah
HURIGHTS OSAKA
Jepun*

PERUTUSAN

Pendidikan hak asasi manusia menterjemahkan prinsip-prinsip hak asasi manusia yang abstrak menjadi pengalaman-pengalaman yang praktikal di bilik-bilik darjah. Model-model pengajaran hak asasi manusia yang kami perkenalkan di sekolah-sekolah awam Filipina berguna sebagai alat untuk menyerapkan konsep-konsep serta nilai-nilai hak asasi manusia di dalam semua bidang pengajaran – Matematik, Sains, Seni Komunikasi (bahasa Filipino dan Inggeris) dan MAKABAYAN (Pengajian Sosial, Musik, Seni, Pendidikan Jasmani, Teknologi dan Pendidikan Kemahiran Hidup serta Pendidikan Nilai-Nilai Hidup). Dalam model-model ini, konsep dan nilai-nilai hak asasi manusia dengan sendirinya berhubungan dengan kebolehpayaan pembelajaran kami yang ditetapkan dalam kurikulum asas pendidikan.

Bahan-bahan yang berbentuk pengajaran itu adalah amat diperlukan untuk memberi jaminan bahawa pendidikan hak asasi manusia sebenarnya memenuhi tujuan untuk menyemaikan rasa hormat terhadap maruah seseorang dan kesedaran terhadap rasa bertanggung jawab sebagai warga negara dan dunia. Bengkel Penulisan Asia Tenggara bertemakan Pembinaan Panduan Mengajar Hak Asasi Manusia telah diterajui oleh Jabatan Pendidikan, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia di Filipina, dan HURIGHTS OSAKA untuk sama-sama berkongsi pengalaman Filipina tentang perkembangan bahan-bahan berbentuk pembelajaran dan rujukan-rujukan kepada rakan-rakan kita di Asia Tenggara dalam bidang pendidikan dan untuk mempromosikan pendidikan hak asasi manusia di rantau ini. Diharapkan bahawa model-model pengajaran ini yang merupakan kontinum pendidikan hak asasi manusia dengan suatu cara yang merangkumi unsu-unsur kebudayaan, keagamaan dan unsur kepelbagaian lain yang akan dipergunakan di sekolah-sekolah Asia Tenggara. Ini dapat membantu kita dalam mendidik kanak-kanak yang membolehkan kita berbangga mempunyai satu generasi yang terdidik.

Objektif-objektif pendidikan hak asasi manusia adalah berfaedah bagi jangka masa panjang dan sebarang manifestasi perubahan tingkah laku tidak akan dapat dilihat dan dinilai di bilik darjah dalam jangka masa pendek. Perubahan tingkah laku ini akan dapat dilihat dengan jelas dalam hal perhubungan kanak-kanak dengan orang lain sewaktu mereka membesar menjadi dewasa dan berhadapan dengan dunia sebenar dan yang mencabar itu. Oleh itu, pendidikan hak asasi manusia mengajar bukan sahaja hak kanak-kanak dan manusia yang dasar tetapi juga mengajar mereka menjadi warganegara yang bertanggungjawab dan berdaya saing, demokratik, cinta akan kebebasan, prihatin terhadap negara dan dunia, kepekaan terhadap isu-isu wanita serta kanak-kanak, perlindungan alam persekitaran, dan pembangunan yang terus-menerus. Penyuaan objektif-objektif pendidikan hak asasi manusia ini adalah nyata dalam model pengajaran Asia Tenggara. Oleh itu, kami mengharapkan sokongan kementerian-kementerian pendidikan di rantau ini agar dapat memastikan model-model ini dipergunakan di bilik-bilik darjah/sekolah-sekolah di rantau Asia Tenggara. Sudah tentu akan selalunya terdapat tugas yang berat untuk mempromosikan pendidikan hak asasi manusia yang akhirnya akan memberi banyak manfaat kepada perhubungan antara manusia dan menghasilkan pandangan yang positif terhadap dunia kita ini.

Model bahan pengajaran Asia Tenggara ini merupakan suatu langkah besar untuk merealisasikan visi kita bagi pendidikan hak asasi manusia.

Fe A. Hidalgo, Ph.D.

*Penolong Setiausaha bagi Program dan Projek
Jabatan Pendidikan
Filipina*

PENGENALAN

Penerbitan ini adalah usaha awal untuk tujuan membina panduan mengajar hak asasi manusia bagi sekolah-sekolah di Asia Tenggara. Ia berdasarkan pengalaman para pendidik dalam bidang pengajaran hak asasi manusia di rantau ini. Penerbitan ini adalah hasil perkongsian yang berterusan di kalangan para pendidik dan institusi-institusi di Asia Tenggara.

Dengan itu, usaha kerjasama adalah kunci utama bagi menghasilkan penerbitan ini.

Penerbitan ini adalah suatu sumbangan bagi merealisasikan objektif-objektif Dekad Bangsa-bangsa Bersatu untuk Pendidikan Hak Asasi Manusia (1995-2004)[*UN Decade*]. Dekad Bangsa-bangsa Bersatu menyokong perkembangan bahan-bahan pengajaran hak asasi manusia. Dekad Bangsa-bangsa Bersatu juga menggalakkan usaha kerjasama di kalangan institusi sebagai suatu cara penting untuk memahami program pendidikan hak asasi manusia.

Kisah usaha kerjasama ini bermula dalam suatu siri aktiviti tentang pendidikan hak asasi manusia di sekolah-sekolah bermula di rantau Asia Tenggara lewat tahun 1990an. Aktiviti yang pertama adalah suatu bengkel khidmat nasihat 1998 (Bengkel Surabaya).¹ Ia meneliti pendidikan hak asasi manusia dalam program-program sekolah di beberapa negara Asia Tenggara, masalah-masalah yang dihadapi dan peluang-peluang yang wujud. Para peserta² mengenalpasti beberapa perkara yang memerlukan peningkatan:

- Metodologi pengajaran - perkembangan proses dan metodologi-metodologi berorientasi-pengalaman dalam pengajaran hak asasi manusia.
- Bahan-bahan mengajar – peningkatan bahan-bahan mengajar hak asasi manusia bagi guru-guru di bilik darjah.
- Pendekatan-pendekatan kepada pendidikan hak asasi manusia – penyelidikan terhadap kaedah-kaedah mengajar hak asasi manusia selain daripada pendekatan-nilai.
- Mempopularkan konsep-konsep hak asasi manusia – menjadikan prinsip dan standard hak asasi manusia yang mudah untuk difahami melalui penggunaan bahasa yang mudah (bukan bahasa hak asasi manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu), dan membicarakan isu pencabulan hak asasi manusia serta masalah-masalah yang konkrit di dalam masyarakat dan di dalam kehidupan seharian manusia.

- Memperkasakan guru – melancarkan usaha memperkasakan guru melalui latihan perguruan dan kaedah-kaedah lain yang akan membolehkan mereka mengajar secara inovatif, dan mencipta persekitaran pembelajaran yang lebih baik. Bidang kuasa mereka itu seharusnya berkaitan dengan “cara-cara mereka dapat berhubungan dengan birokrasi pendidikan dan menyumbang kepada rasa kepuasan dalam pengajaran mereka. Perkara ini turut melibatkan pemberian kredit secara profesional atas usaha mereka menyelesaikan program latihan perguruan dalam pendidikan hak asasi manusia, dan memberi insentif dalam pengajaran hak asasi manusia.”
- Kandungan pendidikan hak asasi manusia – memperluaskan skop pendidikan hak asasi manusia dengan cara memuatkan juga perkara-perkara seperti “konsep negara dari segi politik, dan unsur keamanan, pembangunan, persekitaran, jantina, etnik dan isu-isu lain berhubungan dengan hak asasi manusia yang saling berkaitan antara satu sama lain sebagai suatu naungan di bawah sebuah payung.”³

Setelah bengkel itu tamat, para peserta telah bersetuju untuk membina bahan panduan bagi mempromosikan pendidikan hak asasi manusia di kawasan-kawasan kecil. Bengkel Latihan Perguruan Perintis Asia Tenggara bertemakan Hak Asasi Manusia⁴ yang berlangsung pada 26-29 April 1999 di Bali, Indonesia adalah lanjutan kepada Bengkel Surabaya. Bengkel latihan ini (latihan Bali) mempunyai agenda berikut:

- Konsep dan visi hak asasi manusia, yang meneliti situasi dan isu-isu hak asasi manusia, sejarah-sejarah negara, dan perkara-perkara penting berkaitan dengan hak asasi manusia mengikut sektor (seperti hak yang berkaitan dengan wanita, kanak-kanak, pihak minoriti, dll.).
- Pendidikan hak asasi manusia dan kurikulum sekolah, termasuk
 - (i) usaha mengemaskinikan hasil pendidikan hak asasi manusia,
 - (ii) perbincangan tentang peranan sekolah dalam usaha mempromosikan hak asasi manusia dalam masyarakat,
 - (iii) menunjukkan pandangan penyokong hak asasi manusia (guru dan pelajar) dalam bentuk profil, dan
 - (iv) membina model kurikulum hak asasi manusia.

- Metodologi pengajaran, termasuk pembinaan Pelan Pengajaran, modul-modul, dan panduan mengajar.
- Mekanisme penyebaran bagi output latihan (di dalam dan di luar sistem sekolah).
- Penilaian program dan aktiviti pendidikan hak asasi manusia.

Para peserta mengadakan sesi demonstrasi pengajaran di sebuah sekolah tinggi awam di Bali untuk menguji Pelan Pengajaran yang dibuat pada waktu bengkel. Akhir sekali, para peserta telah bersetuju untuk mengadakan aktiviti-aktiviti susulan yang akan “mempromosikan usaha untuk membuat rangkaian dan usaha saling sokong-menyokong secara berlanjutan pada peringkat nasional.” Mereka bersetuju, di antara yang lain, tentang perkara-perkara berikut:

- Mengadakan bengkel penulisan (*writeshop*) bagi fasilitator-fasilitator.
- Membina modul-modul pendidikan hak asasi manusia bagi fasilitator dan guru.⁵

Para peserta memperakui kepentingan bengkel penulisan sebagai suatu cara untuk mempertingkatkan kemahiran dalam penulisan Pelan Pengajaran Hak Asasi Manusia.

Bengkel Surabaya secara umumnya menyatakan keperluan untuk latihan bagi pembinaan Pelan Pengajaran Hak Asasi Manusia apabila para peserta menyenaraikan pembinaan bahan-bahan pengajaran hak asasi manusia bagi guru-guru di bilik darjah sebagai suatu bidang yang memerlukan pembaharuan. Latihan Bali, sebaliknya, menjadi landasan untuk mengadakan aktiviti latihan selaras dengan tujuan ini.

Seramai dua puluh enam orang peserta yang terdiri daripada guru, penyelidik dalam bidang pendidikan, pembentuk kurikulum dan pekerja NGO dari Kemboja, Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Vietnam telah berkumpul di Filipina pada 19-27 Jun 2001 bagi menyertai Bengkel Penulisan Asia Tenggara selama sembilan hari bertemakan Pembinaan Panduan Mengajar Hak Asasi Manusia (*SEA writeshop*).⁶

Objektif umum bengkel penulisan SEA ialah untuk “membina panduan mengajar hak asasi manusia bagi sekolah-sekolah Asia Tenggara.”

Secara khusus ia bertujuan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- Untuk merumuskan visi dan misi pendidikan hak asasi manusia Asia Tenggara.
- Untuk meneliti standard dan prinsip hak asasi manusia dengan tujuan untuk mengenal pasti konsep hak asasi manusia yang teras bagi pendidikan asas.
- Untuk meneliti semula hubungan-hubungan antara hak asasi manusia dan kebudayaan negara-negara Asia Tenggara untuk menterjemahkan konsep-konsep hak asasi manusia menjadi bahan-bahan pendidikan.
- Untuk melatih tentang cara untuk mengaitkan Pelan Pengajaran Hak Asasi Manusia dengan kurikulum sekolah yang telah sedia ada.
- Untuk mengenal pasti berbagai strategi bagi penyerapan nilai hak asasi manusia ke dalam kurikulum pendidikan yang formal.
- Untuk mengenal pasti program-program bagi aktiviti ko-kurikulum dan/atau aktiviti-aktiviti hak asasi manusia berlandaskan-komuniti.
- Untuk menyediakan pelan tindakan tentang strategi di peringkat serantau untuk melobi pendidikan hak asasi manusia.
- Untuk mengukuhkan hubungan-hubungan antara para pendidik di Asia Tenggara yang terlibat dengan pendidikan hak asasi manusia di sekolah-sekolah.
Dalam jangka masa sembilan hari itu, peserta-peserta bengkel penulisan itu mempunyai program-program seperti berikut:
- Penelitian semula terhadap program-program pendidikan hak asasi manusia, prinsip-prinsip hak asasi manusia, pendekatan-pendekatan pendidikan hak asasi manusia, metod dan strategi; dan rumusan tentang visi serta Misi ASEAN untuk pendidikan hak asasi manusia.
- Menulis panduan-panduan mengajar hak asasi manusia.
- Demonstrasi pengajaran dengan cara menggunakan panduan-panduan mengajar yang telah dibentuk
- Merancang aktiviti-aktiviti susulan.

Para peserta telah menulis kerangka-kerangka kurikulum hak asasi manusia serta Pelan Pengajaran mengikut negara masing-masing. Mereka juga telah bersetuju terhadap cadangan untuk menerbitkan Pelan Pengajaran itu, dan untuk menganjurkan latihan tentang cara untuk menggunakannya.

Berikutannya, suatu Pasukan Pengulas Serantau (Pasukan Pengulas) telah ditubuhkan dan ia terdiri daripada wakil yang terkemuka daripada enam buah negara di Asia Tenggara. Pasukan pengulas itu mempunyai tugas-tugas berikut:

- Mengemaskinikan set Pelan Pengajaran dan bahan-bahan lain yang akan dimuatkan di dalam penerbitan.
- Meneliti semula draf terakhir Pelan Pengajaran itu sebagai pasukan pengarang.
- Mencadangkan suatu pelan untuk pengedaran hasil penerbitan kepada para pendidik/sekolah-sekolah di Asia Tenggara.

Pasukan Pengulas telah bertemu sebanyak dua kali di Bangkok pada tahun 2002. Pasukan ini telah memilih Pelan Pengajaran yang akan dimuatkan di dalam penerbitan, membincangkan cara ia dapat dipertingkatkan, dan mengusahakan Pelan Pengajaran itu sendiri. Draf-draf Pelan Pengajaran itu diedarkan kepada anggota-anggota pasukan pengulas selepas pertemuan kedua untuk mendapatkan cadangan serta komen masing-masing.


Oleh sebab timbulnya masalah untuk menghasilkan Pelan Pengajaran mengikut masa yang telah ditetapkan itu, maka ujian terhadap keberkesanan Pelan Pengajaran di peringkat sekolah rendah telah dilaksanakan hanya di Kemboja sahaja. Sekolah-sekolah di negara-negara lain telah tutup bagi cuti musim panas (April-Mei 2003). Maka ujian di bilik darjah tidak mungkin dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, sekumpulan guru Thai telah berpeluang untuk meneliti semula Pelan Pengajaran itu.

Versi muktamad Pelan Pengajaran itu menggabungkan cadangan-cadangan serta komen-komen anggota pasukan kaji semula itu. Walaupun ringkas sahaja, tetapi perbincangan yang substantif tentang konsep-konsep hak asasi manusia telah ditambahkan.

Proses ini menyempurnakan edaran kerjasama di kalangan para pendidik Asia Tenggara dalam usaha menghasilkan suatu set bahan mengajar hak asasi manusia. Suatu edaran kerjasama yang baru sudah pasti akan bermula apabila kini penerbitan ini telah pun terhasil. Oleh itu, suatu edaran adaptasi dan penterjemahan penerbitan ini ke dalam bahasa negara-negara yang terlibat dan usaha melatih para pelatih guru masing-masing akan dikelolakan dengan giatnya sebagai suatu langkah untuk mempromosikan pendidikan hak asasi manusia selanjutnya di sekolah-sekolah di Asia Tenggara.

Nota akhir

1. Suruhanjaya Kebangsaan Indonesia bagi Hak Asasi Manusia (KOMNASHAM), Pusat Pengajian Hak Asasi Manusia Universitas Surabaya (Bandar Surabaya, Indonesia) dan Pusat Penerangan Hak Asasi Manusia Asia Pasifik (HURIGHTS OSAKA) mengelolakan bengkel rundingan secara bersama.
2. Terdapat peserta-peserta dari Kemboja, Indonesia, Malaysia, Filipina dan Vietnam.
3. Payung adalah perkataan bahasa Melayu. Untuk mendapatkan laporan lengkap tentang bengkel rundingan ini, sila layari laman www.hurights.or.jp/database/E/98wsrpt/chapter2.html
4. KOMNASHAM, Pusat Pengajian Hak Asasi Manusia Universitas Surabaya dan HURIGHTS OSAKA sekali lagi berganding bahu untuk mengendalikan latihan Bali. Ia dibiayai oleh Dana Asia Tenggara bagi Pembangunan Legal dan Institusi (SEAFILD).
5. Para pendidik dari Kemboja, Indonesia, Filipina, Thailand dan Vietnam telah menyertai bengkel latihan ini. Untuk mendapatkan laporan lengkap tentang bengkel latihan ini, sila rujuk kepada Jilid tiga dalam *Human Rights Education in Asian Schools* (HURIGHTS OSAKA:2002) atau sila layari laman www.hurights.or.jp/hreas/3/14osaka.htm
6. Jabatan Pendidikan (Filipina), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Filipina), dan HURIGHTS OSAKA mengendalikan bengkel penulisan SEA secara bersama. Bantuan kewangan telah disumbangkan oleh SEAFILD secara sebahagiannya.



MEMBER PETA PERNAGA.JARAN

HAK ASASI MANUSIA



Lukisan : **Kawin Daengki**
Sekolah Rendah Assumption, Bangkok, Thailand

MEMBINA PELAN PENGAJARAN

HAK ASASI MANUSIA

Pembinaan pelan pengajaran hak asasi manusia adalah suatu tugas yang mencabar. Tugas ini mencabar guru-guru untuk menggabungkan bahan-bahan pendidikan yang standard dengan aplikasi konsep-konsep hak asasi manusia yang praktikal. Ia memberikan suatu dimensi baru dalam usaha membincangkan subjek-subjek dalam kurikulum sekolah.

Terdapat dua peringkat persediaan pelan pengajaran hak asasi manusia Asia Tenggara. Peringkat pertama ialah peringkat menulis pelan pengajaran pada masa Bengkel Penulisan Asia bertemakan Membina Panduan Mengajar Hak Asasi Manusia (bengkel penulisan SEA) pada tahun 2001. Peringkat kedua ialah peringkat penelitian semula dan penyuntingan yang dilakukan oleh Pasukan Kaji semula Serantau pada tahun 2002. Terdapat proses-proses ketara yang terlibat dalam setiap peringkat itu.

Proses Bengkel Penulisan

Proses bengkel penulisan untuk membina pelan pengajaran hak asasi manusia terdiri daripada dua bahagian utama: menghasilkan kerangka kurikulum hak asasi manusia, dan menulis pelan pengajaran.

Kerangka kurikulum hak asasi manusia merupakan suatu peninjauan multitaraf, multisubjek terhadap program pendidikan hak asasi manusia. Kerangka ini terdiri daripada tiga komponen utama – isu atau masalah, konsep hak asasi manusia, nilai-nilai yang terpenting. Sewaktu bengkel penulisan itu dijalankan, perwakilan negara menghasilkan kerangka kurikulum hak asasi manusia negara masing-masing meliputi peringkat sekolah rendah dan menengah. Kerangka-kerangka kurikulum hak asasi manusia ini mengikuti suatu corak yang berkembang. Ia bermula dengan isu-isu, konsep-konsep hak asasi manusia dan nilai-nilai utama yang ada kaitan dengan Diri, diikuti dengan Keluarga, Komuniti, Negara, Rantau dan akhir sekali Global / Dunia. Dengan cara ini, isu-isu serta konsep-konsep hak asasi manusia akan saling menjadi lebih rumit lagi kerana “dunia” para pelajar kian meluas. Peringkat-peringkat (Diri, Keluarga, Komuniti, Negara, Rantau, Dunia) adalah bersesuaian dengan peringkat-peringkat tahun yang berlainan itu. Tahap sekolah rendah mungkin meliputi peringkat Diri hingga ke peringkat Negara, sementara tahap sekolah menengah pula mungkin meliputi peringkat-peringkat yang lain.

Panduan umum ialah isu-isu itu seharusnya bersesuaian dengan peringkat perkembangan dan pengalaman para pelajar. Mungkin terdapat persepsi yang berbeza-beza tentang isu-isu yang berkaitan bagi berbagai-bagai peringkat itu. Isu-isu itu mungkin juga sama dalam beberapa peringkat. Isu-isu perkembangan dan persekitaran, sebagai contoh, mungkin relevan pada peringkat komuniti, juga Negara dan Rantau. Oleh itu tidak terdapat isu-isu tertentu yang boleh dikaitkan dengan setiap peringkat secara eksklusif. Penentuan isu-isu itu bergantung pada keputusan pihak-pihak yang membina kerangka kurikulum hak asasi manusia.

Nilai-nilai yang terpenting merujuk kepada set nilai dalam kurikulum yang telah sedia ada yang perlu diperolehi oleh para pelajar. Nilai-nilai ini boleh didapati daripada pengajian moral, pendidikan sivik dan daripada subjek-subjek relevan yang lain dalam kurikulum sekolah. Pengenalpastian nilai-nilai ini adalah penting dalam usaha menghubungkan kerangka kurikulum hak asasi manusia kepada kurikulum-kurikulum sekolah. Nilai-nilai itu mungkin sama dengan nilai-nilai kebudayaan, sosial, keagamaan/kerohanian negara-negara di Asia Tenggara.

Maka kerangka kurikulum hak asasi manusia adalah suatu cara untuk merancang program pendidikan hak asasi manusia di sekolah-sekolah rendah dan menengah. Ia memberikan suatu panduan tentang cara bagaimana konsep-konsep hak asasi manusia dapat diperkenalkan pada peringkat setiap tahun. Ia bertujuan untuk memberikan suatu perspektif kepada para guru serta pentadbir sekolah tentang cara bagaimana konsep-konsep hak asasi manusia itu dapat diajar mengikut kurikulum sekolah yang sedia ada.

Suatu kerangka kurikulum hak asasi manusia yang lebih sempurna mungkin termasuk senarai subjek yang sepadan dan yang relevan dengan isu-isu, konsep-konsep hak asasi manusia serta nilai-nilai terpenting mengikut peringkat bagi setiap tahun.

Dengan penyempurnaan kerangka kurikulum hak asasi manusia itu, langkah berikutnya ialah langkah pembinaan pelan pengajaran hak asasi manusia.

Sebagai respon kepada isu kerelevanan pendidikan hak asasi manusia dalam kehidupan seharian para pelajar, langkah utama dalam pembinaan pelan pengajaran hak asasi manusia ialah langkah untuk mengenal pasti isu-isu yang lebih kurang berkaitan dengan para pelajar. Persoalannya ialah: apakah isu-isu yang mungkin dihadapi pelajar sama ada secara lazim atau secara berkemungkinan dalam kehidupan seharian mereka? Jawapan kepada persoalan ini adalah berbagai-bagai, ia berbeza daripada satu peringkat pelajar ke peringkat yang lain, dari sekolah ke sekolah, dari satu latar belakang pelajar ke latar belakang pelajar yang lain. Maka isu-isu yang diambil kira untuk pelan pengajaran hak asasi manusia itu adalah berbeza-beza dengan begitu ketara sekali.

Daripada perspektif nasional, persoalan ini boleh terjawab melalui suatu penelitian semula terhadap isu-isu terkini yang dihadapi oleh pihak negara. Jawapannya mungkin berbeza-beza, daripada isu kemiskinan kepada isu penyalahgunaan dadah juga kepada isu keganasan rumah tangga.

Pada waktu bengkel penulisan SEA itu, para perwakilan daripada enam buah negara Asia Tenggara telah menemui beberapa isu seperti: penganiayaan kanak-kanak (termasuk buruh kanak-kanak), diskriminasi berdasarkan isu etnik, jantina dan kedudukan ekonomi, keganasan rumah tangga, penyalahgunaan dadah, pencemaran alam disebabkan faktor persekitaran, masalah kesihatan, dan isu kemiskinan. Isu-isu ini mencerminkan sebahagian besarnya kedua-dua konteks tempatan dan situasi kenegaraan di Asia Tenggara. Isu-isu ini juga membuktikan keseragaman beberapa isu berkaitan yang diambil kira bagi berbagai-bagai pendidikan hak asasi manusia dalam program-program sekolah di Asia Tenggara.

Komponen kedua dalam pembinaan pelan pengajaran hak asasi manusia ialah hubungannya dengan kurikulum sekolah yang sedia ada. Ada keperluannya untuk memastikan kandungan pelan pengajaran itu dihubungkan dengan bidang-bidang pembelajaran dalam kurikulum sekolah dan yang akan memperkayakan pengajaran subjek-subjek yang relevan.

Isu-isu hak asasi manusia lazimnya dilihat sebagai sesuai dalam subjek-subjek sains sosial (sejarah, bahasa, pengajian sosial, pengajian moral dan ekonomi), kini terdapat suatu trend ke arah penggunaan subjek-subjek matematik, dan sains semula jadi bagi tujuan ini. Dengan demikian pelan pengajaran itu dapat meliputi hampir kesemua subjek termasuk subjek pendidikan jasmani dalam kurikulum sekolah.

Pada waktu bengkel penulisan SEA itu, perwakilan dari sebuah negara memasukkan subjek-subjek biologi dan kesihatan serta sains bagi pelan pengajaran hak asasi mereka.

Aktiviti-aktiviti ko-kurikulum didapati dimuatkan ke dalam aplikasi konsep-konsep hak asasi manusia yang dipelajari di bilik darjah. Lantas aktiviti-aktiviti ko-kurikulum itu turut membentuk sebahagian daripada pelan pengajaran hak asasi manusia.

Nilai-nilai terpenting yang relevan yang dikenal pasti dalam kerangka kurikulum hak asasi manusia itu diserapkan ke dalam pelan pengajaran. Nilai-nilai ini dianggap sebagai isi kandungan subjek-subjek yang diperlukan dalam kurikulum sekolah. Pengenalpastian nilai-nilai terpenting yang relevan itu bertujuan untuk mengukuhkan hubungan antara pelan pengajaran hak asasi manusia dengan kurikulum sekolah. Perbincangan tentang isu-isu serta konsep-konsep hak asasi manusia yang berkaitan akan menjadi lebih mudah bagi para guru apabila ia dikaitkan dengan nilai-nilai yang dimuatkan dalam subjek-subjek mereka masing-masing.

Proses kajian semula peringkat serantau

Untuk menjamin kualiti, pengadaptasian dan penggunaan pelan-pelan pengajaran dengan lebih meluas di negara-negara Asia Tenggara, sebuah Pasukan Kaji Semula Serantau (Pasukan Pengulas) telah dibentuk untuk melaksanakan tugas-tugas berikut:

- a. Menyempurnakan set pelan pengajaran dan bahan-bahan lain untuk dimuatkan ke dalam penerbitan;
- b. Meneliti semula draf terakhir pelan pengajaran itu sebagai suatu pasukan penyunting;
- c. Memilih pelan pengajaran untuk penerbitan bagi para pendidik/sekolah di Asia Tenggara.

Pasukan Kaji Semula telah bersetuju untuk menggunakan panduan-panduan umum yang berikut:

1. Kerangka kurikulum

Kerangka kurikulum hak asasi manusia yang asas bagi peringkat sekolah rendah dan peringkat sekolah menengah yang dipilih dalam bengkel penulisan SEA itu telah digunakan oleh pihak Pasukan Kaji Semula dalam usaha mengkaji semula pelan pengajaran. Pelan pengajaran itu meliputi peringkat-peringkat sekolah rendah dan menengah. Bagi setiap peringkat, pelan pengajaran itu diklasifikasikan selanjutnya kepada peringkat-peringkat yang lebih rendah dan lebih tinggi lagi. Dengan itu, bagi sekolah rendah maka terdapat pelan pengajaran bagi peringkat sekolah rendah bawah dan sekolah rendah atas. Begitu juga terdapat pelan pengajaran bagi peringkat sekolah menengah rendah dan sekolah menengah atas. Sistem ini memberikan suatu fleksibiliti dalam penggunaan pelan pengajaran itu dalam lingkungan setiap peringkat. Penggunaan pelan pengajaran itu adalah berbeza-beza mengikut takrif sekolah-sekolah rendah bawah dan atas serta sekolah menengah rendah dan atas negara masing-masing. Pasukan Kaji Semula juga mengakui bahawa pelan pengajaran peringkat sekolah rendah mungkin dapat digunakan bagi peringkat sekolah menengah.

2. Format pelan pengajaran

Format pelan pengajaran yang digunakan dalam bengkel penulisan SEA itu telah dikekalkan dalam usaha penyemakan semula dan penyuntingan pelan pengajaran. Pelan pengajaran adalah selaras dengan pendekatan 4A (Aktiviti, Analisis, Abstraksi dan Aplikasi). Bagi pelan pengajaran sekolah rendah, tajuk-tajuk kecil merujuk kepada Aktiviti, Analisis dan Abstraksi tidak diambil kira untuk membuatkan pelan pengajaran itu kelihatan lebih mudah.

Format pelan pengajaran yang muktamad mengandungi beberapa bahagian tambahan untuk membuatkan isu-isu serta konsep-konsep hak asasi manusia lebih jelas. Sila lihat Lampiran 1 bagi format pelan pengajaran yang muktamad.

Nota pada permulaan pelan pengajaran secara ringkasnya menjelaskan isu-isu dan juga hak-hak asasi manusia yang berkenaan. Ia menekankan kepentingan serta kerelevanannya kepada para pelajar. Suatu nota lagi pada bahagian akhir pelan pengajaran memberikan penjelasan tambahan atau informasi yang relevan dengan hak-hak asasi manusia yang berkenaan.

Pasukan Pengulas itu telah memastikan bahawa berbagai-bagai bahagian pelan pengajaran adalah saling tekal antara satu dengan yang lain.

3. Isu-isu

Isu-isu dalam pelan pengajaran telah dikenal pasti dengan cara menggunakan kerangka-kerangka kurikulum hak asasi manusia bengkel penulisan SEA. Isu-isu yang sama dalam kerangka-kerangka kurikulum hak asasi manusia di kalangan enam negara itu dimasukkan bersama dengan kerangka-kerangka kurikulum hak asasi manusia yang dianggapkan sebagai relevan di rantau ini.

Setiap satu pelan pengajaran itu tertumpu pada satu-satunya isu yang berhubungan dengan satu konsep hak asasi manusia.

4. Konsep-konsep hak asasi manusia

Konsep-konsep hak asasi manusia dipersembahkan dalam bentuk: a) peruntukan asal suratcara hak asasi manusia antarabangsa (termasuk dalam senarai sumber-sumber pelan pengajaran), b) dalam bentuk yang mudah, ringkas dalam bahagian “Abstraksi” pelan pengajaran, juga (dalam hal-hal tertentu) dalam c) nota terakhir pelan pengajaran. Untuk membuatkan konsep-konsep hak asasi manusia itu relevan dengan sistem perundangan domestik, peruntukan perlembagaan kebangsaan serta undang-undang adalah juga dinyatakan dengan menggunakan bahasa yang mudah. Para guru menambahkan undang-undang tempatan yang relevan apabila mereka menggunakan pelan pengajaran itu.

Pelan pengajaran itu memberikan fokus kepada dua dokumen hak asasi manusia – Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat Bangsa-Bangsa Bersatu dan Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak. Dokumen-dokumen hak asasi manusia yang lain ada disebutkan dalam beberapa pelan pengajaran.

5. Ciri pelan pengajaran

Secara umumnya pelan pengajaran itu boleh diaplikasikan dalam konteks Asia Tenggara dan cukup fleksibel untuk diaplikasikan dalam kurikulum nasional, dan mengikut keadaan pendidikan nasional yang lain. Kisah-kisah, petikan-petikan dan pernyataan-pernyataan lain dalam pelan pengajaran dituliskan dengan menggunakan bahasa yang mudah untuk membuatkan pelan pengajaran itu senang diadaptasikan bagi mana-mana negara di Asia Tenggara. Pelan pengajaran itu juga ditulis dengan menggunakan bahasa yang mudah.

Pelan pengajaran itu ialah untuk satu sesi sahaja dengan satu sesi itu meliputi masa selama 40 hingga 50 minit. Had masa sebenar bagi pelan pengajaran itu bergantung kepada sistem yang lazimnya di sesebuah negara.

6. Penulis

Sebagai langkah untuk membuatkan pelan pengajaran itu boleh diadaptasikan untuk kegunaan mana-mana negara Asia Tenggara, maka nama- nama penulis serta negara mereka yang berkenaan tidak tercatat pada pelan pengajaran itu. Nama-nama penulis (para peserta bengkel penulisan SEA) ada disenaraikan dalam lampiran penerbitan ini.

Pasukan Kaji Semula telah berusaha dengan gigihnya untuk menimbangkan garis-garis panduan ini dalam pelan pengajaran hak asasi manusia dalam penerbitan ini.

Ujian terakhir terhadap pelan pengajaran hak asasi manusia ini terletak pada penggunaannya di bilik darjah. Oleh sebab pelan pengajaran ini bertujuan untuk menjadi bahan-bahan panduan, maka para guru diharapkan untuk menggunakannya dan menambahbaikkannya. Apabila hal ini berlaku, maka penerbitan ini telah mencapai matlamatnya.

Lampiran 1

FORMAT PELAN PENGAJARAN HAK ASASI MANUSIA

1. Nota : *Penjelasan tentang gambaran sebenar pelan pengajaran*
2. Tajuk : *(topik, peringkat tahun, subjek, konsep hak asasi manusia, masa)*
3. Objektif : *Mempelajari hak-hak asasi manusia ialah objektif terakhir.*
4. Sumber : *Petikan tentang peruntukan spesifik hak asasi manusia diambil kira.*
5. Bahan : *Disenaraikan secara berasingan.*
6. Prosedur :
 - a. Pembukaan: *Informasi ringkas yang membawa kepada Aktiviti (nyanyian, petikan, pernyataan, soalan, dll.)*
 - b. Aktiviti: *Tugas /latihan yang boleh menggalakkan penyertaan yang berhubung dengan isu-isu hak asasi manusia dan topik subjek.*

Tugas-tugas/latihan-latihan seharusnya merangkumi elemen-elemen berikut:

- | | <i><Kandungan></i> | <i><Proses></i> |
|--|--|--------------------------|
| | Hal berkaitan(Nilai/Sikap) | : Analisis |
| | Sebab (Pengetahuan) | : Analisis |
| | Konsep (Pengetahuan) | : Abstraksi/Generalisasi |
| | Sumbangan (Kemahiran) | : Aplikasi |
| | c. Penutupan: <i>Pernyataan semula mesej pelan pengajaran.</i> | |
7. Tugas : *Ini adalah bahagian pilihan dalam pelan pengajaran.*
 8. Penilaian : *Cadangan-cadangan tentang cara untuk menilai keseluruhan proses, merangkumi pelbagai aspek pelan pengajaran.*
 9. Nota tentang topik: *Informasi tambahan tentang konsep hak asasi manusia yang dibincangkan dalam pelan pengajaran.*

Lampiran 2

PELAN PENGAJARAN HAK ASASI MANUSIA BAGI PERINGKAT SEKOLAH RENDAH

(Isu-isu Hak Asasi Manusia dalam Pelan Pengajaran - pengenalan kepada kepentingan isu-isu hak asasi manusia dalam pelan pengajaran)

Topik	:
Peringkat	: Peringkat rendah
Subjek	:
Konsep Hak Asasi Manusia	:
Peruntukan Masa	: Satu sesi

- I OBJEKTIF
- II SUMBER
- III PROSEDUR
 - A. Pembukaan
 - B. Perkembangan Aktiviti
 - C. Penutupan
- IV PENILAIAN

Nota tentang konsep-konsep hak asasi manusia

Lampiran 3

PELAN PENGAJARAN HAK ASASI MANUSIA BAGI PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH

(Isu-isu Hak Asasi Manusia dalam Pelan pengajaran - Pengenalan kepada kepentingan isu-isu hak asasi manusia dalam pelan pengajaran)

Topik	:
Peringkat	: Peringkat Menengah
Subjek	:
Konsep Hak Asasi Manusia :	
Peruntukan Masa	: Satu sesi

I OBJEKTIF

II SUMBER

III PROSEDUR

A. Pembukaan

B. Perkembangan Aktiviti


1. Aktiviti
2. Analisis
3. Abstraksi
4. Aplikasi
5. Penutupan

IV PENILAIAN

V TUGASAN

Nota tentang konsep-konsep hak asasi manusia





KERANGKA KURIKULUM HAK ASASI MANUSIA

- * **Kemboja**
- * **Indonesia**
- * **Malaysia**
- * **Filipina**
- * **Thailand**
- * **Vietnam**



Lukisan: Preeyaporn Asavapinyokit
Sekolah Convent Sacred Heart, Bangkok, Thailand

KEMBOJA

PERINGKAT GRED	KERANGKA KURIKULUM HAK ASASI	ISU-ISU	KONSEP HAK ASASI	NILAI TERPENTING
7	Diri	<ul style="list-style-type: none"> - Konsep pembangunan - Hak dan menghormati orang lain - Pencabulan hak asasi manusia - Pengurusan situasi yang bermasalah 	<ul style="list-style-type: none"> - Hak kanak-kanak - Hak kepada pendidikan - Hak untuk memajukan potensi seseorang - Hak kepada kebebasan daripada gangguan privasi 	<ul style="list-style-type: none"> - Kesamarataan - Cinta terhadap sekolah - Percaya pada diri sendiri - Tanggungjawab - Hormat pada diri sendiri
8	Orang lain	<ul style="list-style-type: none"> - Hubungan antara manusia - Diskriminasi - Kelakuan moral - Berkongsi dan saling menyayangi 	<ul style="list-style-type: none"> - Tanpa diskriminasi - Kesamarataan - Hak kepada kebebasan daripada diskriminasi - Bertindak dengan semangat persaudaraan - Hak kepada keselamatan - Kesamarataan jantina 	<ul style="list-style-type: none"> - Kemanusiaan - Kesantunan, Kesopanan - Keiklasan - Kemurahan hati - Berkongsi kesamarataan
9	Komuniti	<ul style="list-style-type: none"> - Hak dan tanggungjawab - Pembangunan - Persekitaran - Menghormati undang-undang 	<ul style="list-style-type: none"> - Hak kepada penglibatan - Hak sosial - Hak ekonomi - Adil dalam membuat keputusan 	<ul style="list-style-type: none"> - Penyertaan - Kreativiti - Tanggungjawab - Menghormati - Peraturan
10	Negara	<ul style="list-style-type: none"> - Kemiskinan - Ketidakeselamatan - Hak dan tanggungjawab terhadap Negara - Perpaduan 	<ul style="list-style-type: none"> - Hak sosial - Hak sivil - Hak politik 	<ul style="list-style-type: none"> - Patriotisme - Kerjasama - Menghormati - Peraturan
11		<ul style="list-style-type: none"> - Hak kebudayaan dan asasi manusia - Rawatan bagi mangsa-mangsa trauma pencabulan hak asasi manusia 	<ul style="list-style-type: none"> - Hak kepada kebebasan beragama - Bebas bersuara - Keadilan di bawah undang-undang dan perlindungan undang-undang 	<ul style="list-style-type: none"> - Rasa kesungguhan - Ketulusan - Tanggungjawab - Kesempurnaan
12	Rantau dan Dunia	<ul style="list-style-type: none"> - Serantau - Globalisasi 	<ul style="list-style-type: none"> - Hak untuk martabat sosial dan ketenteraman antarabangsa - Kewajipan terhadap komuniti dan keterbatasan hak - Tindakan bertentangan sebarang hak di bawah UDHR bukan suatu hak 	<ul style="list-style-type: none"> - Tanggungjawab - Berfikir terbuka - Kerjasama - Hormat dan suka pada pekerjaan

INDONESIA

PERINGKAT GRED	KERANGKA KURIKULUM HAK ASASI	ISU-ISU	KONSEP HAK ASASI	NILAI TERPENTING
I	Diri	<ul style="list-style-type: none"> - Malnutrisi - Pengabaian oleh ibu bapa 	<ul style="list-style-type: none"> - Hak kepada kehidupan - Hak kepada kesihatan - Hak kepada perlindungan 	<ul style="list-style-type: none"> - Kasih sayang dan penjagaan - Perlindungan keluarga dan sosial
II	Keluarga	<ul style="list-style-type: none"> - Keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak - Hukuman dera di rumah - Kadar kematian kanak-kanak yang tinggi 	<ul style="list-style-type: none"> - Hak kepada perlindungan - Hak kepada bantuan perubatan 	<ul style="list-style-type: none"> - Penjagaan dan rawatan - Maruah kemanusiaan
III	Komuniti	<ul style="list-style-type: none"> - Situasi konflik - Konflik antara kumpulan-kumpulan etnik 	<ul style="list-style-type: none"> - Hak-hak Orang Asli - Hak untuk menyertai pembangunan yang diperkenankan 	<ul style="list-style-type: none"> - Kesamarataan dan Keadilan - Maruah kemanusiaan - Kepelbagaian
IV	Negara	<ul style="list-style-type: none"> - Bencana-bencana alam tahunan yang lazim - Ketiadaan pendidikan bagi Orang Asli 	<ul style="list-style-type: none"> - Hak kepada kehidupan - Hak kepada keselamatan sosial - Hak kepada pendidikan - Hak untuk Orang Asli 	<ul style="list-style-type: none"> - Persekitaran alam semulajadi yang baik - Maruah kemanusiaan - Persamaan dan keadilan
V	Rantau	<ul style="list-style-type: none"> - Pencemaran alam sekitar disebabkan oleh kesan racun serangga buatan - Kemiskinan yang tidak terbandung di kawasan bandar dan perkampungan 	<ul style="list-style-type: none"> - Hak kepada persekitaran yang berkualiti - Hak kepada kesihatan - Hak kepada peruntukan asas - Hak untuk bekerja 	<ul style="list-style-type: none"> - Persekitaran alam semulajadi yang baik - Cinta - Kasih sayang - Maruah kemanusiaan
VI	Dunia	<ul style="list-style-type: none"> - Diskriminasi etnik - Diskriminasi jantina 	<ul style="list-style-type: none"> - Hak kepada layanan yang sama - Hak kepada keselamatan antara wanita dengan lelaki - Hak kaum wanita 	<ul style="list-style-type: none"> - Kesatuan dalam kepelbagaian - Kesamarataan - Kesaksamaan

MALAYSIA

PERINGKAT GRED	KERANGKA KURIKULUM HAK ASASI	ISU-ISU	KONSEP HAK ASASI	NILAI TERPENTING
Menengah Atas	Komuniti	<ul style="list-style-type: none"> - Kebebasan bersuara - Budaya ketakutan - Perbuatan menilai diri sendiri - Pemikiran tidak kritis 	<ul style="list-style-type: none"> - Bebas menyatakan pendapat dan bersuara - Hak untuk menyampaikan maklumat - Bebas untuk mengadakan perhimpunan 	<ul style="list-style-type: none"> - Pemikiran kritis - Dinamisme - Pemikiran yang rasional - Menjadi berani - Minda yang sentiasa ingin tahu
10	Negara	<ul style="list-style-type: none"> - Diskriminasi - Ketegangan perkauman - Kemuliaan polisi yang memihak kepada satu bahagian penduduk sahaja - Prejudis kebudayaan segi jantina - Diskriminasi kelas - Ketidakadilan dari segi pemilihan kawasan 	<ul style="list-style-type: none"> - Tanpa diskriminasi - Persamaan - Hak untuk bebas daripada diskriminasi - Kesamarataan dari segi jantina - Peluang yang sama 	<ul style="list-style-type: none"> - Rasa hormat - Persefahaman - Toleransi - Kesamarataan - Perpaduan
11	Rantau dan Dunia	<ul style="list-style-type: none"> - Budaya penindasan, undang-undang dan kerajaan yang menimbulkan kesusahan 	<ul style="list-style-type: none"> - Hak kepada kebebasan beragama - Hak kepada bebas menikmati budaya seseorang 	<ul style="list-style-type: none"> - Pertimbangan kepada nilai-nilai asli yang dominan dan sejagat

FILIPINA

PERINGKAT GRED	KERANGKA KURIKULUM HAK ASASI	ISU-ISU	KONSEP HAK ASASI	NILAI TERPENTING	
RENDAH BAWAH	1	Diri	<ul style="list-style-type: none">- Penderaan seksual	<ul style="list-style-type: none">- Hak kepada penjagaan dan bantuan khas- hak kepada perlindungan daripada penderaan fizikal	<ul style="list-style-type: none">- Harga diri- Penghormatan diri- Maruah kemanusiaan
	2	Keluarga	<ul style="list-style-type: none">- Pengabaian ibu bapa- Keretakan rumah tangga	<ul style="list-style-type: none">- Hak kepada bimbingan ibu bapa	<ul style="list-style-type: none">- Kasih sayang- Penjagaan kanak-kanak- Keperihatinan terhadap kanak-kanak
	3	Komuniti	<ul style="list-style-type: none">- Kemerosotan hidup disebabkan persekitaran contohnya sistem pembuangan sampah yang tidak tersusun- Perumahan yang kurang bagi golongan miskin di kawasan bandar	<ul style="list-style-type: none">- Hak untuk menikmati persekitaran yang berkualiti- Hak ke atas cara hidup yang memuaskan- Hak ke atas harta	<ul style="list-style-type: none">- Kebersihan- Kehidupan yang sihat- Bebas daripada gangguan(privasi)- Pemilikan sesuatu
RENDAH ATAS	4	Negara	<ul style="list-style-type: none">- Keganasan polis- Bantuan yang tidak mencukupi kepada golongan miskin kebudayaan tradisional	<ul style="list-style-type: none">- Hak kepada layanan berperikemanusiaan- Hak ke atas perlindungan sosial- Hak ke atas pemeliharaan budaya seseorang	<ul style="list-style-type: none">- Maruah kemanusiaan- Keprihatinan terhadap orang lain- Penjagaan dan perlindungan- Rasa hormat kepada warisan- Kepelbagaian budaya
	5	Rantau	<ul style="list-style-type: none">- Penyalahgunaan dadah- Buruh kanak-kanak- Pelacuran kanak-kanak	<ul style="list-style-type: none">- Hak kepada perlindungan daripada penggunaan dadah- Hak ke atas masa rehat dan riadah- Hak ke atas perlindungan daripada semua bentuk penindasan	<ul style="list-style-type: none">- Penjagaan dan perlindungan- Keprihatinan terhadap keselamatan kanak-kanak
	6	Dunia	<ul style="list-style-type: none">- Kemerosotan keadaan alam persekitaran (contohnya kemusnahan lapisan ozon, kepanasan global)	<ul style="list-style-type: none">- Hak kepada persekitaran yang berkualiti	<ul style="list-style-type: none">- Keselamatan dan perlindungan- Kehidupan yang sihat

FILIPINA

PERINGKAT GRED		KERANGKA KURIKULUM HAK ASASI (Men)	ISU-ISU	KONSEP HAK ASASI	NILAI TERPENTING
MENENGAH RENDAH	1	Komuniti	<ul style="list-style-type: none"> - Kesesakan lalu lintas di kawasan bandar - Pembelian undi - Rampasan tanah - Pertelingkahan buruh 	<ul style="list-style-type: none"> - Hak kepada keamanan dan keselamatan awam - Hak mengundi - Hak memiliki harta benda - Hak bekerja 	<ul style="list-style-type: none"> - Ketenteraman awam - Keselamatan - Keadilan - Keprihatinan terhadap orang lain - Bertimbang rasa
	2	Negara	<ul style="list-style-type: none"> - Rasuah dan korupsi - Perkhidmatan sosial yang buruk dan kekurangan 	<ul style="list-style-type: none"> - Hak kepada pemerintahan yang baik - Hak kepada keselamatan sosial 	<ul style="list-style-type: none"> - Bertanggungjawab - Kejujuran - Tanggungjawab - Bantuan serta merta
MENENGAH ATAS	3	Rantau	<ul style="list-style-type: none"> - Jurang perbezaan terus-menerus antara golongan kaya dan miskin - Nepotisme - Pengangguran 	<ul style="list-style-type: none"> - Hak kepada kesamarataan - Hak kepada pemerintahan yang baik - Hak bekerja - Hak kepada pekerjaan yang berfaedah 	<ul style="list-style-type: none"> - Kesamarataan - Keadilan - Kesaksamaan - Kesamarataan - Kehidupan yang berfaedah - Kehidupan yang berhasil
	4	Dunia	<ul style="list-style-type: none"> - Orang tahanan politik - Diskriminasi etnik - Keganasan di Asia 	<ul style="list-style-type: none"> - Kebebasan - Hak kepada undang-undang yang sewajarnya - Bebas daripada diskriminasi - Hak kepada keselamatan awam - Hak kepada pemulihan dari segi undang-undang 	<ul style="list-style-type: none"> - Kebebasan - Keadilan - Kesatuan dalam kepelbagaian - Toleransi - Keselamatan - Keamanan - Keadilan

THAILAND

PERINGKAT GRED	KERANGKA KURIKULUM HAK ASASI	ISU-ISU	KONSEP HAK ASASI	NILAI TERPENTING
MENENGAH RENDAH	Komuniti	- Persekitaran	- Hak kepada penyertaan dalam pembangunan terus-menerus	- Keprihatinan dan tanggungjawab terhadap ekologi
		- Nilai dan jati diri	- Hak untuk melindungi dan mempromosi kebudayaan tradisi	- Jati diri kebudayaan
	Negara	- Jantina	- Penerimaan dan rasa hormat terhadap perbezaan jantina	- Keadilan
		- Buruh /eksploitasi tenaga kanak-kanak	- Hak kepada perlindungan terhadap perbuatan ganas atau eksploitasi - Hak untuk tidak dipaksa melakukan kerja yang akan membantut perkembangan fizikal mahupun mental	- Kebebasan
		- Pelacuran kanak-kanak	- Hak kepada perlindungan terhadap perbuatan ganas atau eksploitasi dan untuk tidak dipaksa melakukan kerja yang akan membantut perkembangan fizikal mahupun mental	- Kebebasan
MENENGAH ATAS	Rantau	- Penyalahgunaan dadah	- Hak kepada penjagaan dan perlindungan istimewa	- Kebebasan dan maruah
	Dunia	- Persekitaran	- Hak kepada penyertaan dalam pembangunan yang lestari	- Keprihatinan dan tanggungjawab terhadap ekologi
		- Diskriminasi	- Hak kepada keamanan, kasih sayang, persefahaman, toleransi dan persahabatan antara manusia	- Menghormati - Kesatuan dan kepelbagaian

VIETNAM

Sistem Pendidikan : 5 + 4 + 3 = 12 Tahun Bersekolah
 Untuk disepadukan ke dalam : Pendidikan Sivik, Biologi, Geografi, Sejarah

PERINGKAT GRED	KERANGKA KURIKULUM HAK ASASI	ISU-ISU	KONSEP HAK ASASI	NILAI TERPENTING
1	Komuniti	1. Pencemaran alam sekitar 2. Kumpulan-kumpulan sosial dan kebudayaan orang asli	- Hak kepada persekitaran bersih - Hak kepada adat resam dan tradisi seseorang	- Mesra alam (prihatin, hormat dan melindungi alam sekitar) - Harga diri - Identiti diri - Hormat pada orang lain
2	Negara	1. Buruh kanak-kanak 2. Malnutrisi kanak-kanak 3. Kekurangan riadah bagi kanak-kanak 4. Penyalahgunaan dadah 5. Rasa hormat terhadap undang-undang	- Hak kanak-kanak - Hak kepada pendidikan - Hak untuk dilindungi - Hak kepada rekreasi dan masa luang - Hak kepada kehidupan - Hak kepada keselamatan sosial	- Kasih sayang dan prihatin terhadap kanak-kanak yang malang - Kasih sayang dan prihatin terhadap kanak-kanak yang malang - Hormat kepada kehidupan - Hormat kepada peraturan undang-undang
3	Rantau	1. Vietnam masih belum diserap lagi ke dalam kawasan dan komuniti global	- Hak kepada penyertaan sepenuhnya - Hak kepada pembangunan dan keamanan - Hak untuk dilindungi - Hak kepada pembangunan mampan	- Menghormati, berkongsi, dan bekerjasama untuk kemajuan, keamanan dan harmoni bersama - Pembangunan mampan - Persefahaman bersama
4	Dunia	2. Memelihara identiti dan warisan nasional serta kebudayaan	- Hak untuk memelihara jati diri dan warisan kebudayaan seseorang	- Nilai diri - Harga diri - Apresiasi dan penerimaan bersama



PELAN PENGAJARAN HAK ASASI MANUSIA

- **Peringkat Sekolah Rendah**



Lukisan: Chainuvat Kitporka
Sekolah Rendah Assumption, Bangkok, Thailand

HAK UNTUK HIDUP DALAM PERSEKITARAN YANG BERSIH

Setiap orang berhak kepada suatu taraf kehidupan yang memuaskan untuk menjamin kesihatan yang baik dan kesejahteraan diri. Alam sekitar kita seharusnya bersih supaya kita semua akan hidup sihat. Persekitaran tidak menjadi kotor dengan sendirinya. Manusialah yang mencemarkan alam sekitar. Kita semua harus memainkan peranan kita untuk memelihara alam sekitar agar bersih dan segar.

Topik	: Hidup dalam Persekitaran Bersih
Peringkat	: Rendah (Gred 1-3)
Subjek	: Sains
Konsep Hak Asasi Manusia	: Hak kepada persekitaran bersih
Peruntukan masa	: Satu sesi

I OBJEKTIF

Para pelajar akan dapat:

- Menentukan cara untuk menjaga persekitaran mereka agar bersih
- Menyenaraikan kepentingan untuk tinggal dalam persekitaran bersih
- Menyuarakan hak kepada persekitaran yang bersih dan segar

II SUMBER

- **Perkara 25 dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat**
Setiap orang berhak ke atas suatu taraf kehidupan yang memuaskan untuk menjamin kesihatan yang baik dan kesempurnaan diri sendiri serta keluarganya, termasuk makanan, pakaian, perumahan dan rawatan perubatan juga perkhidmatan-perkhidmatan sosial yang diperlukan, dan hak kepada keselamatan jika terjadinya pengangguran, kesakitan, ketidakupayaan, kematian suami, lanjut usia atau kekurangan bentuk-bentuk mata pencarian lain dalam keadaan yang tidak terkawal.
- **Tiga buah gambar**
Gambar 1 : Tong-tong sampah tanpa penutup yang dikerumuni lalat
Gambar 2 : Tong-tong sampah yang bertudung di kawasan bersih
Gambar 3 : Sungai yang dipenuhi sampah-sarap yang terapungan

III PROSEDUR

A. Pembukaan

Guru meminta pelajar menyanyi atau mendengar sebuah lagu atau puisi tentang kepentingan persekitaran yang bersih seperti *Anak ng Pasig* (Kanak-Kanak dari Sungai Pasig). Sebagai pilihan mereka boleh menyanyikan lagu *The Earth is Ours*, atau mana-mana lagu tempatan tentang persekitaran.

Guru meminta pelajar menjelaskan tentang kandungan nyanyian itu.

B. Perkembangan

Guru memberikan Gambar 1 dan 2. Guru meminta pelajar memilih cara yang betul untuk membuang sampah-sarap dan untuk memberikan alasan-alasan bagi pilihan mereka itu.

Guru memberikan Gambar 3 dan meminta pelajar untuk menjelaskan perihal gambar yang mereka lihat itu dan untuk menjelaskan sebab perkara ini terjadi.

Guru mengemukakan persoalan-persoalan berikut:

- a) Siapakah orang yang mencemari alam sekitar?
- b) Apa akan terjadi apabila orang membuang sampah-sarap ke dalam sungai?
- c) Apa akan terjadi apabila orang membuang sampah-sarap di serata tempat?
- d) Apa akan terjadi kepada kesihatan mereka sekiranya persekitaran menjadi kotor?
- e) Apakah yang boleh dilakukan oleh mereka untuk menjaga kebersihan alam sekitar?
- f) Bagaimanakah boleh kita membersihkan persekitaran yang kotor (seperti sungai yang tercemar atau padang permainan yang dipenuhi kertas atau sampah-sarap)? Beri beberapa cadangan.

Guru menulis jawapan pada papan tulis.

Jawapan-jawapan yang dijangkakan:

- a) Orang ramai mencemarkan persekitaran dengan cara membuang sampah-sarap merata-rata.
- b) Orang ramai akan menjadi sakit sekiranya persekitaran tidak bersih.
- c) Orang ramai ingin memelihara kesihatan yang baik dan oleh itu mereka akan bersetuju untuk membersihkan persekitaran mereka.
- d) Orang ramai harus bekerjasama untuk mengawal pembuangan sampah-sarap dan membersihkan kawasan-kawasan yang kotor.

Dengan cara menggunakan respon-respon daripada para pelajar itu, guru menjelaskan keperluan hak kepada persekitaran yang bersih berdasarkan Perkara 25 dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. Guru memberikan penekanan bahawa hak ke atas persekitaran bersih melindungi kebajikan setiap orang.

Guru kemudian memberi ringkasan berikut:

Kita perlu mempunyai persekitaran yang bersih bagi kesejahteraan kesihatan kita sendiri. Kita mempunyai hak kepada persekitaran yang bersih. Kita berharap agar setiap orang akan menghormati hak ini dengan cara menjaga persekitaran supaya tidak kotor.

Guru menyoal pelajar, sekiranya anda melihat kanak-kanak lain membuang sampah-sarap di merata-rata tempat di kawasan sekolah, apakah yang akan anda katakan kepada mereka?

C. Penutup

Guru mencadangkan usaha untuk mengumpulkan slogan-slogan tentang persekitaran yang bersih ditampal dalam bilik darjah atau di papan buletin sekolah.

IV PENILAIAN

Guru meminta pelajar membaca senarai di bawah dan meletakkan tanda (✓) jika ia adalah cara untuk menjaga kebersihan persekitaran di sekeliling dan tanda (x) jika ia tidak.

- ___ 1. Letakkan sampah sarap ke dalam bekas sampah dan pastikan agar ia ditutup dengan sempurna.
- ___ 2. Bersihkan longkang dan pastikan supaya ia tidak tersumbat.
- ___ 3. Beri nasihat kepada orang ramai supaya tidak mengotorkan bekas sampah mereka.
- ___ 4. Buang sampah-sarap di merata-rata tempat.
- ___ 5. Bakar sampah-sarap.
- ___ 6. Persekitaran yang bersih adalah hak saya.

V TUGASAN

Guru meminta pelajar untuk menyenaraikan beberapa projek kerajaan yang mempromosikan persekitaran yang bersih dan hijau. Guru meminta pelajar menyediakan suatu laporan tentang topik ini untuk kelas bagi pertemuan yang berikutnya.

HAK UNTUK BEREHAT DAN BERIADAH

Rehat dan rekreasi adalah perlu untuk kesihatan fizikal dan mental kanak-kanak. Kanak-kanak akan rasa amat tertekan jika mereka sentiasa dipaksa belajar untuk mendapatkan keputusan yang baik dalam peperiksaan mereka tetapi mereka tidak diberikan peluang untuk berehat. Tekanan akan memberi kesan terhadap kesihatan mental kanak-kanak. Kanak-kanak remaja seharusnya melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti fizikal, seperti berlari, melompat, menunggang kerbau, dan memanjat pokok untuk membina otot-otot dan stamina mereka.

Topik	: Saya Berhak untuk Beriadah
Peringkat	: Rendah (Gred 1-3)
Subjek	: Pengajian Sosial dan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
Konsep Hak Asasi Manusia	: Hak untuk Berehat dan Beriadah
Peruntukan Masa	: Satu sesi

I OBJEKTIF

Para pelajar akan dapat:

- Menjelaskan sebab kenapa masa rehat adalah penting untuk proses pertumbuhan dan perkembangan mereka dari segi kesihatan.
- Memilih aktiviti-aktiviti masa rehat yang bersesuaian.
- Menjelaskan pentingnya keseimbangan yang betul di antara pelajaran dan rehat.
- Menyatakan bahawa kanak-kanak berhak ke atas masa rehat dan beriadah.

II SUMBER

- **Perkara 31(1) dalam Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak.**
Negara-negara Pihak mengiktiraf hak setiap kanak-kanak untuk rehat dan masa lapang, untuk melibatkan diri dalam permainan dan rekreasi yang sesuai dengan umur kanak-kanak itu dan menyertai secara bebas dalam kehidupan kebudayaan dan kesenian.
- **Tiga buah gambar**
Gambar 1 : Seorang kanak-kanak yang begitu khusyuk menonton televisyen (jika boleh gunakan sekeping gambar kanak-kanak yang agak gemuk)
Gambar 2 : Kanak-kanak sedang bermain di sebuah padang / kaki lima / taman
Gambar 3 : Seorang kanak-kanak yang keletihan dan mengantuk sedang cuba menulis ketika dimarahi ibu bapanya.

III PROSEDUR

A. Pembukaan

Guru menyoal pelajar, apakah yang selalu anda lakukan pada waktu rehat?

Guru menuliskan senarai jawapan pada papan tulis.

B. Perkembangan

Guru menunjukkan Gambar 1 dan 2 dan menyoal: Siapakah yang terdapat dalam gambar ini? Apakah yang sedang dilakukan oleh mereka? Apakah gambaran yang boleh kita dapati daripada gambar-gambar ini?

Jawapan yang dijangkakan:

Kanak-kanak bermain

Kanak-kanak berehat

Kanak-kanak mempunyai hobi

Kanak-kanak boleh lakukan apa-apa yang mereka kehendaki untuk hiburan dan masa lapang

Guru menyoal pelajar, mengapakah kanak-kanak perlu berehat dan beriadah.

Guru menulis jawapan-jawapan pelajar pada papan tulis.

Dengan menggunakan jawapan-jawapan kepada soalan-soalan itu, guru meringkaskan idea tentang hak untuk berehat dan beriadah:

Setiap kanak-kanak berhak untuk bermain, berehat, dan untuk turut serta dalam aktiviti-aktiviti kebudayaan. Hak ini adalah penting bagi kesihatan fizikal dan mental kanak-kanak. Keseimbangan yang baik antara pelajaran, permainan dan rehat adalah untuk kepentingan bagi kanak-kanak.

Guru meletakkan Gambar 1 di samping Gambar 2. Guru meminta pelajar untuk memilih antara dua aktiviti yang mereka sukai dan memberi sebab-sebabnya. Guru menyenaraikan sebab-sebab itu pada papan tulis.

Guru mengemukakan soalan-soalan berikut untuk membantu pelajar menyedari bahawa mereka perlu beriadah supaya otot-otot mereka menjadi kuat dan sihat.

- a) Siapakah yang lebih sihat? Adakah kanak-kanak yang suka menonton televisyen dan tidak mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti fizikal yang aktif (seperti kanak-kanak dalam Gambar 1) lebih kuat daripada kanak-kanak yang bermain di luar rumah (seperti dalam Gambar 2)?
- b) Mengapakah kanak-kanak yang berlari, melompat dan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti fizikal yang aktif lebih kuat dan sihat daripada mereka yang tinggal di rumah dan menghabiskan masa mereka menonton televisyen?

Guru menunjukkan Gambar 3 dan mengemukakan soal-soal berikut untuk membimbing pelajar untuk membuat kesimpulan bahawa kanak-kanak perlu rehat (tidur yang betul) dan apabila mereka dipaksa belajar sehingga mereka keletihan, kesihatan mereka boleh terjejas.

Soalan:

- Jelaskan perkara apa yang sedang dilakukan oleh kanak-kanak dalam Gambar 3.
- Sekiranya kanak-kanak itu keletihan, haruskah ibu bapa kanak-kanak itu membenarkannya untuk berehat? Mengapa?
- Apabila anda terasa letih dan mengantuk, dapatkah anda melakukan kerja rumah dengan betul?
- Pada pendapat anda, patutkah kanak-kanak dalam Gambar 3 dibenarkan berehat (atau tidur) sebelum beliau dikehendaki menyelesaikan kerja rumahnya? Mengapa?

Guru membuat kesimpulan tentang respon-respon pelajar dengan memperkatakan bahawa

Kanak-kanak perlu rehat dan tidur untuk mereka membesar dan mempunyai tubuh dan minda yang sihat. Walaupun mereka perlu belajar atau membantu dalam kerja-kerja rumah, adalah untuk kebaikan mereka supaya dapat rehat serta tidur yang cukup.

A. Penutup

Guru meminta pelajar untuk menyanyikan sebuah lagu tentang perihal bermain dan bergembira.

IV PENILAIAN

Guru memberi suatu tugas untuk menilai pemahaman pelajar tentang perlunya mereka belajar dengan gigih, bermain (seperti berlari, menunggang kerbau, berbasikal, memanjat pokok dan main Cina buta) dan berehat. Sekiranya ada masa, tugas ini boleh diberikan sebelum waktu Penutup. Jika tidak, tugas boleh diberikan sebagai kerja rumah.

Guru meminta pelajar untuk melukis (*) dalam ruang kosong di hadapan pernyataan jika ia betul dan (0) jika salah.

- ___ 1. Kanak-kanak yang menonton televisyen dan tidak mahu keluar rumah untuk bermain adalah kuat dan sihat.
- ___ 2. Kanak-kanak seharusnya diberi masa untuk belajar dan masa untuk bermain.
- ___ 3. Walau betapa letih sekalipun anak-anak itu, mereka seharusnya dipaksa untuk menyempurnakan kerja rumah mereka sebelum mereka diizinkan untuk tidur.
- ___ 4. Saya seharusnya menggunakan kesemua masa saya untuk belajar supaya mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan saya dan tidak seharusnya membuang masa untuk bermain dan berehat
- ___ 5. Saya mesti beriadah dengan cara berlari, melompat dan *skipping* untuk membantu saya membesar dengan bertenaga dan sihat.
- ___ 6. Kanak-kanak seharusnya diberi masa untuk berehat dan bermain.



HAK KEPADA PENJAGAAN DAN PERLINDUNGAN

Setiap kanak-kanak berhak mendapatkan suatu taraf hidup yang sesuai untuk perkembangan fizikal, mental, kerohanian, moral serta sosial kanak-kanak itu. Ibu bapa kanak-kanak atau mereka yang bertanggungjawab terhadap mereka bertanggungjawab untuk menjamin, mengikut kemampuan dan keupayaan mereka dari segi kewangan, keadaan dan suasana yang diperlukan untuk perkembangan kanak-kanak itu.

Ibu bapa atau penjaga kanak-kanak yang sah bertanggungjawab untuk memberikan sebarang keperluan untuk kanak-kanak itu secara yang selaras dengan keupayaan kanak-kanak yang sentiasa berkembang. Mereka harus memberikan panduan yang sewajarnya dalam usaha melaksanakan tanggungjawab mereka.

Topik	: Penjagaan dan Perlindungan
Peringkat	: Rendah (Gred 1-3)
Subjek	: Pendidikan Moral dan Pengajian Sosial
Konsep Hak	
Asasi Manusia	: Hak ke atas kasih sayang dan perlindungan
Peruntukan Masa	: Satu sesi

I OBJEKTIF

Para pelajar akan dapat:

- Menyatakan bahawa mereka berhak kepada penjagaan dan perlindungan ibu bapa
- Menyatakan kepentingan penjagaan dan perlindungan ibu bapa
- Menunjukkan secara pratikal apresiasi mereka terhadap penjagaan dan perlindungan yang diberikan oleh ibu bapa mereka atau mereka yang bertanggungjawab terhadap mereka.

II SUMBER

- Perkara 27 (1) dalam Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak.
Negara-negara Pihak mengakui hak setiap kanak-kanak kepada taraf hidup yang wajar bagi perkembangan fizikal, mental, kerohanian, moral dan sosial.

- Perkara 27 (2),
Ibu bapa dan orang lain yang bertanggungjawab terhadap kanak-kanak tersebut mempunyai tanggungjawab yang utama untuk menjamin, mengikut keupayaan dan kemampuan kewangannya, keadaan hidup yang perlu demi perkembangan kanak-kanak tersebut.
- Dua buah gambar
Gambar 1: Seorang kanak-kanak yang didera
Gambar 2: Kanak-kanak di samping keluarga yang penyayang – sebuah keluarga bahagia yang sedang menikmati makanan bersama-sama, bermain bersama-sama atau bekerja bersama-sama.

III PROSEDUR

A. Pembukaan

Guru menunjukkan Gambar 1 kepada pelajar dan meminta mereka menceritakan perihal gambar itu.

Sebagai pilihan, guru boleh meminta pelajar untuk menyanyikan sebuah lagu atau mendeklamasikan sajak yang mencerminkan rasa cinta serta kasih sayang dalam sebuah keluarga.

B. Perkembangan

Guru meletakkan Gambar 2 bersebelahan Gambar 1 dan bertanya pelajar soalan-soalan berikut untuk mendapatkan perbezaan antara kanak-kanak yang diabaikan atau didera oleh ibu bapa atau mereka yang bertanggungjawab terhadap mereka, dan kanak-kanak yang mendapat kasih sayang serta perlindungan daripada ibu bapa atau mereka yang bertanggungjawab terhadap mereka.

- Senaraikan perbezaan antara kanak-kanak dalam Gambar 1 dengan kanak-kanak dalam Gambar 2.
- Apakah yang anda fikir terjadi kepada kanak-kanak dalam Gambar 1? Mengapa?
- Apakah yang diperlukan oleh kanak-kanak dalam Gambar 1?
- Mengapa kanak-kanak dalam Gambar 2 rasa bahagia?

Guru menulis jawapan-jawapan mereka pada papan tulis.

Guru membacakan cerita tentang *Seorang Kanak-Kanak yang Bahagia*.

Setelah selesai membaca cerita itu, guru mengemukakan soalan-soalan berikut:

- a) Siapakah yang sedang bertutur di dalam cerita ini?
- b) Senaraikan kesemua perkara yang perlu dilakukan oleh ibu kanak-kanak ini, abang, kakak serta adik-adiknya.
- c) Apakah yang membuatkan Rithy bahagia?
- d) Apakah yang dilakukan oleh ibu bapa anda di rumah?
- e) Apakah perkara yang dilakukan oleh ibu bapa anda yang membuatkan anda bahagia?
- f) Sekiranya pelajar menyatakan bahawa ibu bapa mereka jarang berada di rumah atau ibu bapa mereka tidak pernah membuatkan mereka bahagia, guru mengemukakan soalan ini: Apakah yang boleh dilakukan oleh ibu bapa anda untuk membuat anda bahagia?
- g) Apakah yang dilakukan oleh Rithy, abang, kakak serta adik-adiknya untuk membuatkan ibu bapa mereka bahagia? Adakah anda terfikir bahawa adalah baik bagi Rithy, abang, kakak serta adik-adiknya untuk cuba membuatkan ibu bapa mereka bahagia?
- h) Apakah yang anda lakukan untuk membuat ibu bapa anda gembira?
- i) Adakah anda terfikir bahawa ibu bapa seharusnya mengasihi dan menyayangi anak-anak mereka? Mengapa?

Nota: Seandainya terdapat beberapa orang pelajar yang tidak tinggal bersama ibu bapa mereka (atau sudah tidak mempunyai lagi ibu bapa), guru tidak perlu menggunakan perkataan “ibu bapa” sahaja dan boleh menggunakan juga perkataan lain yang bermaksud “orang yang bertanggungjawab terhadap mereka” seperti datuk nenek, ayah saudara, ibu saudara, sepupu, atau orang yang lain.)

Kanak-kanak Yang Bahagia

Saya Rithy. Saya bahagia kerana ibu bapa saya sayang pada abang, kakak dan adik-adik dan juga pada saya. Mereka suka menceritakan cerita yang lucu dan membuat kami ketawa. Mereka memastikan bahawa kami makan dan menyelesaikan semua tugas rumah. Apabila kami rasa sedih kerana tidak mendapat markah yang baik dalam peperiksaan kami, mereka memeluk kami dan berkata, “jangan risau, kamu boleh berusaha lebih lagi lain kali.”

Ibu bapa saya amat sibuk. Mereka bekerja kuat supaya kami dapat makan minum secukupnya dan boleh pergi sekolah.

Kami rasa bertuah kerana mempunyai ibu bapa yang baik. Kami cuba membuat mereka bahagia dengan mematuhi mereka, membantu mereka membuat kerja-kerja rumah dan belajar dengan baik di sekolah.

Dengan menggunakan respon-respon daripada pelajar, guru memperkatakan:

Sebagai kanak-kanak, anda mempunyai hak kepada penjagaan dan perlindungan daripada ibu bapa anda atau orang yang bertanggungjawab terhadap anda. Kanak-kanak perlukan kasih sayang, penjagaan dan perlindungan untuk membesar dengan baikny dari segi fizikal dan emosi.

Guru menjelaskan bahawa kanak-kanak mempunyai hak untuk menerima daripada ibu bapa mereka atau orang yang bertanggungjawab terhadap mereka, “dalam keupayaan dan kemampuan mereka dari segi kewangan, keadaan kehidupan yang diperlukan untuk perkembangan kanak-kanak.” Guru menekankan bahawa hak ini tidak bermaksud bahawa kanak-kanak boleh meminta sebarang apa yang mereka kehendaki. Akan tetapi adalah penting bahawa apa-apa yang diperoleh mereka itu menyumbang kepada perkembangan fizikal, mental, kerohanian, moral dan sosial mereka.

A. Penutup

Guru meminta pelajar untuk membuatkan sesuatu untuk menunjukkan kasih sayang dan penghargaan mereka terhadap ibu bapa mereka atau terhadap orang yang bertanggungjawab kepada mereka seperti dengan cara melukis gambar, menulis satu nota ringkas, memberi bunga, atau memeluk mereka.

IV PENILAIAN

Guru meminta pelajar menyenaraikan tiga sebab mengapa penjagaan dan perlindungan daripada ibu bapa mereka atau orang yang bertanggungjawab terhadap mereka adalah penting.

V TUGASAN

Guru meminta pelajar untuk menghadihkan ibu bapa mereka atau orang yang bertanggungjawab terhadap mereka sesuatu yang telah disediakan oleh mereka (pada masa Penutup) dengan suatu pelukan.



HAK KEPADA KEBEBASAN BERPERSATUAN

Apabila seseorang itu dipaksa untuk menyertai sebuah kumpulan atau ditolak keahliannya, maka kebebasan berpersatuan seseorang itu telah dicabuli. Jika kebebasan pergaulan itu tiada maka akan tercetus kehilangan semangat untuk menyempurnakan atau melaksanakan kerja seseorang itu. Oleh itu, para pelajar harus diberi kebebasan untuk membentuk kumpulan masing-masing terutama sekali dalam pelaksanaan projek mereka.

Topik	: Saya Terlibat
Peringkat	: Rendah (Gred 1-3)
Subjek	: Pendidikan Moral
Konsep Hak Asasi Manusia	: Hak atas kebebasan berpersatuan
Peruntukan Masa	: Satu sesi

I OBJEKTIF

Para pelajar akan dapat:

- Menjelaskan cara mereka boleh melibatkan diri dalam berpersatuan
- Mengidentifikasikan bentuk-bentuk berpersatuan
- Mempraktikkan penyertaan dalam bentuk kerja berkumpulan
- Menjelaskan kepentingan hak atas kebebasan berpersatuan dalam usaha melaksanakan sesuatu projek.

II SUMBER

- Perkara 15 dalam Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak,
 1. *Negara-negara Pihak hendaklah mengiktiraf hak kanak-kanak terhadap kebebasan menganggotai kumpulan dan berhimpun secara aman.*
 2. *Tiada sebarang sekatan yang harus dikenakan kepada pelaksanaan hak-hak ini, selain yang dikenakan bagi mematuhi undang-undang dan yang perlu dalam masyarakat berdemokrasi demi kepentingan keselamatan negara, ketenteraman awam, perlindungan kesihatan dan moral awam atau perlindungan hak dan kebebasan orang lain.*
- Rekod kerja bagi penilaian guru tentang usaha pelajar

III PROSEDUR

A. Pembukaan

Guru memperkenalkan pengajaran dengan cara menyampaikan arahan ini:

Kita akan memainkan suatu permainan bertajuk Garisan Terpanjang ("the Longest Line"). Bentukkan kumpulan-kumpulan seramai 8 orang setiap satu. Setiap kumpulan akan cuba membentuk garisan terpanjang seboleh yang mungkin. Anda boleh menggunakan tubuh anda, juga sebarang bahan yang anda bawa untuk membuatkan garisan itu sepanjang yang boleh.

Guru meminta pelajar untuk mencadangkan cara mereka akan membahagikan diri mereka sendiri menjadi kumpulan-kumpulan. Guru menulis pada papan tulis kesemua cadangan mereka itu tanpa memberikan sebarang komen. Guru meminta mereka untuk memilih cara yang berkemungkinan terbaik untuk membentuk kumpulan-kumpulan dan mengingatkan mereka bahawa pilihan mereka hendaklah adil dan boleh dilaksanakan. Jika berlaku sebarang kekecohan dalam pemilihan itu, guru hendaklah mengizinkan mereka untuk mengundi bagi mendapatkan cara yang terbaik.

Guru memberikan masa untuk pelajar membentuk kumpulan. Guru memberikan satu isyarat bagi kumpulan untuk mula membuatkan garisan mereka. Lima minit kemudian, guru memberi isyarat untuk kumpulan-kumpulan itu berhenti. Kumpulan yang membentuk garisan terpanjang akan diumumkan sebagai pemenang.

B. Perkembangan

Setelah mengisytiharkan kumpulan pemenang, guru mengemukakan soalan-soalan berikut untuk membolehkan para pelajar untuk mempertimbangkan kepentingan hak atas kebebasan berpersatuan:

- Apakah yang membuatkan anda paling gembira pada masa permainan itu? (Guru menulis senarai jawapan pada papan tulis).
- Mengapakah kumpulan itu menang? (Guru bertanya kepada kedua-dua kumpulan yang menang dan yang kalah).
- Jika hanya satu atau dua orang ahli kumpulan anda yang melaksanakan tugas, adakah mungkin kumpulan anda berpeluang untuk menang?
- Apakah peranan anda yang spesifik dalam kumpulan itu? (Guru bertanya kepada beberapa orang pelajar)
- Bagaimanakah perasaan anda jika anda tidak dibenarkan untuk turut serta dalam permainan itu?

Guru cuba membantu pelajar untuk melihat kepentingan usaha untuk turut serta dalam permainan dan tentang kepentingan setiap ahli kumpulan dalam usaha mereka melaksanakan tugas masing-masing dengan baiknya.

Apabila para pelajar telah memberi respon mereka, guru menjelaskan hak atas kebebasan berpersatuan di bawah Perkara 15 dalam Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak dengan menyatakan bahawa:

Setiap orang berhak untuk membentuk suatu kumpulan atau turut serta dalam sesuatu kumpulan. Tiada siapa pun yang boleh dipaksa untuk menjadi sebahagian daripada sesuatu kumpulan atau dihalang daripada menyertai sesuatu kumpulan yang disukainya. Seseorang juga boleh berkumpul dengan amannya di mana-mana tempat awam untuk melaksanakan tugas kumpulan mereka. Selagi tidak timbulnya alasan-alasan yang serius untuk menghalang kerja berkumpul di tempat awam, mereka juga boleh bebas untuk berbuat demikian. Antara alasan yang serius yang boleh menghalang kerja berkumpul termasuk untuk keselamatan awam, masalah kesihatan, masalah moral dan perlindungan hak-hak serta kebebasan orang lain.

Guru menjelaskan bahawa terdapat beberapa jenis kumpulan atau persatuan. Setengahnya kumpulan rakan, kumpulan pekerja, organisasi pelajar, persatuan keagamaan, dan parti-parti politik.

Guru membuat suatu ringkasan hasil daripada perbincangan itu:

Untuk mendapat hasil kerja secara kumpulan yang berkesan, orang ramai perlu mengamalkan hak-hak mereka atas kebebasan berpersatuan itu. Dalam kumpulan yang disukai seseorang itu, setiap anggota akan merasa lebih teguh, lebih berazam dan berwibawa.

C. Penutup

Guru meminta pelajar untuk mengingatkan kembali situasi-situasi atau aktiviti-aktiviti yang disertai mereka (situasi A) dan situasi-situasi atau aktiviti-aktiviti yang tidak dapat disertai mereka (situasi B). Guru bertanya mereka tentang perasaan mereka dalam situasi A dan situasi B.

Daripada jawapan-jawapan mereka itu, guru membuat kesimpulan bahawa terdapat rasa kebahagiaan atau kepuasan dalam usaha penyertaan dan penglibatan diri dalam mana-mana aktiviti dan semangat berpasukan atau kerjasama banyak membantu. Guru menyatakan bahawa inilah maksud hak atas kebebasan berpersatuan.

IV APLIKASI / PENILAIAN

Guru meminta pelajar merencanakan suatu projek kelas seperti usaha untuk menjaga kebersihan kelas atau sekolah, mencantikkan sekolah (contohnya menanam pokok di kawasan sekolah) atau membantu rakan sedarjah dalam keadaan-keadaan rumit.

Guru menilai penglibatan pelajar dalam projek itu. Guru menggunakan rekod kerja berikut untuk tugas-tugas tertentu yang telah dilaksanakan dan menunjukkan pelajar-pelajar yang telah memilih untuk melakukan tugas-tugas ini. Sumbangan mereka itu boleh dinilai mengikut skala 5-mata.

Lembaran kerja penilaian penyertaan pelajar untuk setiap tugasaan yang dilaksanakan

Tugasan	Pelaksanaan tugas pelajar (perbezaan kadar dari lemah (1) hingga ke terbaik (5))				
	1	2	3	4	5



HAK UNTUK DILINDUNGI

Kanak-kanak berhak untuk dilindungi daripada sebarang bahaya. Kepentingan mereka harus selalu digalakkan. Guru seharusnya sedar bahawa kanak-kanak mempunyai hak untuk dilindungi daripada penyalahgunaan dadah dan bahawa pihak kerajaan harus mengambil semua langkah yang sewajarnya termasuk langkah-langkah dari segi pendidikan untuk melindungi mereka daripada menjadi mangsa dadah.

Topik	: Penyalahgunaan Dadah
Peringkat	: Rendah (Gred 4-6)
Subjek	: Pengajian Sosial
Konsep Hak Asasi Manusia	: Hak atas perlindungan daripada penggunaan dadah-dadah larangan
Peruntukan Masa	: Satu sesi

I OBJEKTIF

Para pelajar akan dapat:

- Menjelaskan sebab-sebab penyalahgunaan dadah di kalangan kanak-kanak.
- Mengenal pasti jalan-jalan penyelesaian atau cara-cara untuk mengatasi penagihan dadah di kalangan kanak-kanak
- Menyatakan hak untuk dilindungi daripada penggunaan dadah narkotik secara haram dan hak-hak lain yang berhubung.

II SUMBER

- Perkara 33 dalam Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak, *Negara-negara Pihak hendaklah mengambil langkah-langkah yang wajar, termasuk langkah-langkah perundangan, pentadbiran, sosial dan pendidikan, untuk melindungi kanak-kanak daripada penggunaan secara haram dadah narkotik dan bahan psikotropik sebagaimana yang ditakrif dalam triti antarabangsa yang berkenaan, dan mengelakkan kanak-kanak daripada mengeluarkan dan mengedar bahan tersebut secara haram.*
- Perkara 39, *Negara-negara Pihak hendaklah mengambil segala langkah yang sewajarnya untuk menggalakkan pemulihan fizikal dan psikologi dan pengintegrasian semula sosial kanak-kanak yang menjadi mangsa: apa jua bentuk pengabaian, eksploitasi, atau penyalahgunaan/penganiayaan; penderaan atau apa jua bentuk penghinaan atau hukuman; atau persengketaan bersenjata. Penyembuhan dan pengintegrasian semula ini hendaklah berlaku dalam suasana yang meningkatkan kesihatan, harga diri dan maruah kanak-kanak tersebut.*

- Perkara 24,

Negara-negara Pihak mengiktiraf hak kanak-kanak untuk menikmati standard kesihatan yang boleh dicapai kepada kemudahan untuk rawatan penyakit dan pemulihan kesihatan. Negara-negara Pihak hendaklah berusaha untuk memastikan bahawa tiada kanak-kanak dilucuthakkan aksesnya kepada perkhidmatan jagaan kesihatan sedemikian.

- Gambar / filem kanak-kanak menderita akibat penyalahgunaan dadah
- Surat Jerry

III PROSEDUR

A. Pembukaan

Guru menunjukkan gambar atau filem tentang kanak-kanak yang menderita akibat penyalahgunaan dadah. Guru meminta pelajar untuk mengingat kembali dan berbincang tentang maksud yang tersirat di dalam gambar / filem itu.

B. Perkembangan

Guru meminta seorang pelajar untuk membaca surat daripada seorang penagih dadah yang sedang berada dalam penjara yang memohon untuk mendapatkan bantuan seorang pegawai kerajaan.

Setelah selesai membaca surat itu, guru mengemukakan soalan-soalan berikut kepada para pelajar:

- a) Siapakah yang menulis diari?
- b) Di manakah beliau menulisnya?
- c) Apakah jenis dadah yang membuatkan Jerry seorang penagih?
- d) Bilakah masanya Jerry mula mengambil dadah-dadah itu?

Guru meminta para pelajar membentuk kumpulan-kumpulan kecil terdiri daripada 4-5 orang ahli bagi setiap kumpulan dan membincangkan soalan-soalan berikut:

- a) Bagaimanakah perasaan anda apabila mendengar kisah Jerry?
- b) Apakah kesan-kesan berbahaya dadah?
- c) Apakah yang akan anda lakukan sekiranya rakan anda atau orang dewasa memberi rokok atau sebarang bentuk dadah larangan seperti marijuana, crack atau pil ekstasi?

(Nota: Gunakan nama-nama tempatan bagi dadah-dadah larangan itu.)

Cik Matulungin

Ibu bapa saya miskin. Ayah seorang pekerja buruh bangunan. Ibu saya pencuci kain. Rumah kami di kawasan setinggan. Dadah-dadah larangan memang mudah didapati. Keinginan bagi anak-anak muda memang ada. Saya belajar di sekolah awam tetapi saya telah berhenti sekolah apabila saya mula belajar mengambil dadah.

Saya berumur 12 tahun apabila saya mula menghidu "rugby". Ia bermula apabila rakan saya mempelawa saya untuk mencuba dadah itu. Mulanya saya rasa pening, tetapi kemudian saya telah jadi biasa dengannya. Akan tetapi ia tidak berakhir di situ sahaja. Saya juga mengguna marijuana dan dadah-dadah lain. Saya menjadi penagih. Sekarang ini saya berada di dalam penjara. Mengapa? Untuk mencari wang, saya menjadi pencuri. Usia saya hanya 17 tahun. Saya sepatutnya berada di kolej sekarang.

Saya amat-amat kesal atas perbuatan saya itu. Akan tetapi saya tidak tahu perkara apa yang harus saya lakukan setelah saya keluar dari penjara nanti. Saya perlukan nasihat puan.

Jerry

Guru meminta kumpulan-kumpulan untuk melaporkan hasil perbincangan mereka itu. Setelah semua laporan dikemukakan, guru bertanya kepada para pelajar: Adakah terdapat hak-hak yang berhubungan dengan dadah? Apakah hak-hak ini? Guru menulis senarai jawapan para pelajar pada papan tulis.

Guru membincangkan hak-hak yang berkaitan dengan penagihan dadah sepertimana yang dinyatakan mengikut Perkara 24, 33 dan 39 dalam Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak. Guru menekankan perkara-perkara berikut:

- hak untuk mendapat perlindungan daripada pihak kerajaan daripada sebarang bentuk penagihan dengan dadah atau bahan-bahan berbahaya
- hak untuk mendapat rawatan perubatan sekiranya berlakunya penagihan
- hak untuk mendapat sokongan bagi pemulihan dari segi fizikal dan psikologi serta pengintegrasian semula kanak-kanak ke dalam masyarakat bagi mereka yang menjadi mangsa penagihan dadah
- hak kepada pendidikan

Guru kemudiannya meminta para pelajar melukiskan daun-daun pada bahagian bawah bunga itu dan menuliskan hak-hak yang relevan dengan penagihan dadah pada daun-daun itu.



Nota: Kelopak-kelopak bunga seharusnya diisi oleh pelajar. Sekiranya terdapat jawapan yang lebih, pelajar boleh menambahkan lagi kelopak bunga itu.

C. Penutup

Guru meminta para pelajar untuk menyebutkan akibat-akibat penyalahgunaan dadah dan memberitahu kepada mereka bahawa pada akhirnya penagihan dadah akan memusnahkan masa hadapan mereka.

IV PENILAIAN

Penilaian ini hendaklah dilakukan sepanjang masa pelajaran. Guru mencatatkan jawapan-jawapan para pelajar terhadap soalan-soalan itu dan penglibatan mereka dalam perbincangan untuk menentukan tahap pemahaman mereka tentang bahaya penyalahgunaan dadah dan hak mereka untuk dilindungi daripadanya.

Takrif istilah

Psikotropik – bermaksud memberi kesan terhadap keadaan mental seseorang.

HAK KEPADA PENDIDIKAN

Pendidikan adalah penting dalam pertumbuhan dan perkembangan seseorang individu. Pendidikan juga telah diiktiraf sebagai hak asasi kepada semua. Semua negara yang telah menandatangani dan meratifikasi Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak bertanggungjawab untuk menyediakan pendidikan rendah secara percuma dan wajib kepada setiap kanak-kanak. Pendidikan hendaklah tertumpu kepada perkembangan personaliti, kemahiran, keupayaan mental dan fizikal kanak-kanak sepenuhnya.

Sistem persekolahan hendaklah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi menggalakkan kehadiran secara tetap di sekolah dan mengurangkan kadar keciciran. Langkah yang diambil oleh pihak sekolah untuk memastikan disiplin pelajar dipatuhi hendaklah selaras dengan maruah kanak-kanak sebagai seorang manusia.

Topik	: Hak kepada Pendidikan
Tahap	: Rendah (Darjah 4-6)
Subjek	: Pendidikan Moral
Konsep Hak Asasi Manusia	: Hak kepada pendidikan
Peruntukan Masa	: Satu sesi

I OBJEKTIF

Para pelajar akan dapat:

- Menyenaraikan kepentingan pendidikan kepada setiap orang
- Menerangkan mengapa pentingnya setiap orang mempunyai pendidikan
- Menerangkan hak untuk mendapat pendidikan

II SUMBER

- Perkara 28 (1,2) dan 29 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak,
(1) *Negara-negara Pihak mengiktiraf hak tiap-tiap kanak-kanak kepada pendidikan, dan dengan tujuan mencapai hak ini secara berperingkat-peringkat dan atas dasar peluang yang sama, mereka hendaklah, secara khususnya:*
 - (a) *Menjadikan pendidikan rendah diwajibkan dan diadakan secara percuma kepada semua;*
 - (b) *Menjadikan maklumat pendidikan dan vokasional dan bimbingan diadakan dan terbuka kepada semua kanak-kanak;*
 - (c) *Mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan kehadiran yang tetap di sekolah dan mengurangkan kadar keciciran.*

2) *Negara-negara Pihak hendaklah mengambil langkah-langkah yang wajar untuk memastikan disiplin di sekolah dikendalikan dengan cara yang sesuai dengan maruah kemanusiaan kanak-kanak dan mematuhi konvensyen ini.*

- Perkara 29 (a),
Negara-negara Pihak bersetuju bahawa pendidikan kanak-kanak hendaklah dihalatujukan kepada: (a) Perkembangan personaliti, bakat, dan kebolehan mental dan fizikal kanak-kanak pada tahap potensi yang paling tinggi;
- Lembaran kerja: Mengapa Saya Perlu Pergi Ke Sekolah? dan Pelan Perkembangan Peribadi

III PROSEDUR

A. Pembukaan

Guru mengedarkan salinan Lembaran Kerja “Mengapa Saya Harus Pergi ke Sekolah?” kepada para pelajar dan meminta mereka menanda (✓) kepada sebab-sebab harusnya mereka ke sekolah. Guru membuat ringkasan maklum balas yang ditulis oleh pelajar dalam lembaran kerja.

B. Perkembangan

Guru meminta pelajar membaca kisah Vinh.

Kisah Vinh

Vinh ingin pergi ke sekolah dan belajar sebanyak mungkin mengenai negaranya dan dunia. Malangnya, dia tinggal di kampung yang terpencil. Sekolah yang paling hampir adalah enam kilometer jauhnya. Dia terpaksa bangun awal setiap pagi supaya sempat sampai ke sekolah sebelum kelas bermula.

Ibu bapa Vinh kasihan melihat keadaan Vinh. Mereka cuba memujuknya supaya berhenti pergi sekolah dan menunggu sehingga sekolah baru di buka berhampiran dengan tempat mereka. Namun, Vinh berkata, dia tidak kisah bekerja keras. Dia suka pergi ke sekolah.

Vinh berusaha bersungguh-sungguh dan berjaya menamatkan pengajiannya, bukan hanya di peringkat sekolah rendah dan menengah, malah berjaya menyambung pengajiannya hingga ke peringkat universiti dalam bidang pertanian. Setelah lulus, Vinh kembali ke kampungnya dan mula menggunakan segala ilmu yang diperolehinya untuk meningkatkan mutu pertanian di kampungnya. Dia berjaya. Hasil pengeluaran pertanian di seluruh kampungnya begitu memberangsangkan dengan usaha Vinh. Kini, penduduk kampungnya menggesa kerajaan menyediakan sebuah sekolah di kampung mereka. Kerajaan bersetuju dengan petisyen penduduk kampung. Vinh gembira melihat kanak-kanak kampungnya berpeluang pergi ke sekolah tanpa perlu menghadapi keperitan yang pernah dialaminya. Kini, Vinh menikmati hasil kepercayaannya terhadap tingginya nilai pendidikan. Dia juga berkeyakinan bahawa dia ada hak terhadap pendidikan.

Guru bertanya pelajar soalan-soalan berikut:

- a) Apakah pandangan Vinh terhadap belajar/ pergi ke sekolah?
- b) Apakah faedah pandangan ini kepada Vinh beberapa tahun kemudian?
- c) Adakah anda ingin menjadi seperti Vinh? Mengapa?
- d) Jika Vinh tidak meneruskan pelajarannya, apakah agaknya yang akan terjadi kepada Vinh?

Guru membuat ringkasan terhadap jawapan-jawapan yang diberikan dengan menyatakan bahawa Vinh mempunyai keyakinan yang jitu terhadap pentingnya pelajaran dan menuntut haknya tanpa menghiraukan kesusahan dan rintangan yang dihadapi.

Guru membahagikan kelas kepada 5 kumpulan dan meminta pelajar membincangkan dalam kumpulan masing-masing persoalan berikut:

- Sebagai kanak-kanak, anda juga diberi peluang untuk ke sekolah, apakah yang boleh anda lakukan supaya anda memperoleh kejayaan dalam pelajaran?

Guru kemudiannya meminta pelajar membuat laporan mereka. Guru menulis jawapan di papan tulis.

Berdasarkan jawapan yang tertera, guru membuat sintesis berikut:

Dengan peluang yang diberikan untuk belajar, pelajar bertanggungjawab untuk belajar bersungguh-sungguh supaya berpeluang menikmati kehidupan yang lebih baik. Peluang untuk mendapatkan pendidikan adalah satu hak dan dalam masa yang sama, tanggungjawab bagi setiap individu.

Guru memperkenalkan konsep hak kepada pendidikan di bawah Perkara 28 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak. Guru memberi penekanan bahawa kanak-kanak mempunyai hak untuk pergi ke sekolah. Oleh itu, kerajaan hendaklah sedaya upaya menyediakan peluang kepada mereka untuk mendapatkan pendidikan rendah.

Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak juga mewajibkan kerajaan untuk menjadikan pendidikan rendah sebagai wajib dan percuma. Akhirnya, guru menekankan bahawa hak kepada pendidikan akan menjadi berfaedah jika ia ditumpukan kepada “perkembangan personaliti, bakat dan kebolehan mental dan fizikal kanak-kanak pada tahap potensi yang paling tinggi.”

A. Aplikasi

Guru meminta pelajar menyediakan Pelan Perkembangan Peribadi masing-masing. Guru boleh memberi pelajar dengan kertas yang mengandungi rajah Perkembangan Peribadi atau menulis rajah yang sama di papan tulis dan pelajar menyalin serta memenuhi rajah tersebut.

LEMBARAN KERJA “PELAN PERKEMBANGAN PERIBADI”

Bagi memastikan saya tidak mempersia-siakan peluang saya untuk belajar, saya akan:

BERHENTI	MULA	MENERUSKAN
(contoh jawapan)	(contoh jawapan)	(contoh jawapan)

IV PENILAIAN

Guru menilai kelas dengan memerhatikan perkara-perkara berikut:

- Kerjasama di kalangan pelajar
- Penyertaan pelajar semasa menjalankan aktiviti
- Perasaan pelajar terhadap pendapat mereka sendiri
- Kesesuaian jawapan-jawapan yang diberikan oleh pelajar semasa perbincangan.

Ataupun, guru meminta pelajar menyatakan satu hak yang telah dipelajari oleh mereka dan senaraikan lima sebab mengapa ia penting.

Hak kepada _____

Hak ini penting kerana

1.

2.

3.

4.

5.

LEMBAR KERJA “MENGAPA SAYA PERLU PERGI KE SEKOLAH”

Saya perlu pergi ke sekolah kerana:

- | | |
|---|--|
| 1. Ibu bapa saya yang mahu saya berada di sekolah | |
| 2. Saya hendak berjumpa kawan-kawan | |
| 3. Saya hendak belajar tentang banyak perkara dalam dunia ini | |
| 4. Saya hendak membuat persediaan untuk kerjaya yang lebih serius pada masa akan datang | |
| 5. Saya perlukan pendidikan untuk membantu keluarga saya | |
| 6. Saya hendak menjadi jurutera, doktor, guru, (atau lain-lain) suatu hari nanti | |



Individu yang kurang upaya penglihatan juga mempunyai hak kepada pendidikan

PERLINDUNGAN DARIPADA EKSPLOITASI EKONOMI

Setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk mengembangkan potensi masing-masing ke tahap yang paling tinggi. Oleh yang demikian, setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk dilindungi daripada eksploitasi ekonomi dan daripada menjalankan apa-apa kerja yang berkemungkinan berbahaya atau mengganggu pendidikan, atau mendatangkan keburukan kepada kesihatan atau perkembangan fizikal, mental, kerohanian, moral atau sosial mereka.

Topik	: Buruh Kanak-kanak
Tahap	: Rendah (Darjah 4-6)
Subjek	: Pendidikan Sosial
Konsep Hak Asasi Manusia	: Hak kepada perlindungan dari dijadikan buruh kanak-kanak dan hak kepada pendidikan
Peruntukan Masa	: Satu sesi

I OBJEKTIF

Para pelajar akan dapat:

- Menerangkan mengapa kanak-kanak perlu dilindungi daripada menjadi buruh (buruh kanak-kanak)
- Memetik cara-cara melindungi kanak-kanak daripada menjadi buruh
- Menyatakan dua hak yang berkaitan dengan kanak-kanak

II SUMBER

- Perkara 32 (1) Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak, *Negara-negara Pihak mengiktiraf hak setiap kanak-kanak untuk dilindungi daripada dieksploitasi dari segi ekonomi dan daripada menjalankan apa-apa kerja yang berkemungkinan berbahaya atau mengganggu pendidikan kanak-kanak itu, atau yang memudaratkan kesihatan kanak-kanak atau perkembangan fizikal, mental, kerohanian kemoralan atau sosial kanak-kanak itu.*
- Perkara 28 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak mengiktiraf hak kanak-kanak kepada pendidikan
- Gambar seorang gadis kecil sedang membasuh pakaian yang bertimbun-timbun
- Bahan bacaan: "Kehidupan di Bandar".

III PROSEDUR

A. Pembukaan

Guru menunjukkan gambar seorang budak perempuan sedang membasuh setim bun pakaian dan meminta pelajar menerangkan apa yang sedang dilakukan oleh budak tersebut.

B. Perkembangan

Guru meminta seorang pelajar secara sukarela membaca “Kehidupan di Bandar”

Kehidupan di Bandar

Nama saya Myrna Delgado. Saya berusia 12 tahun. Saya berasal daripada keluarga miskin yang tinggal di kawasan pedalaman. Bapa saya bekerja di ladang.

Suatu hari, jiran kami yang bekerja di bandar datang ke rumah. Dia bertanya jika saya mahu mengikutnya ke bandar. Saya menerima ajakannya kerana berharap dapat mencari wang yang banyak untuk membantu keluarga saya.

Hidup saya di bandar sangat teruk. Saya hampir tiada kesempatan untuk berehat kerana saya terpaksa bangun awal untuk memulakan kerja sehingga pukul 8.30 malam. Ada kalanya, saya masih kena bekerja hingga pukul 10 malam. Saya mesti membuat semua kerja rumah untuk keluarga majikan saya. Saya keseorangan dan tiada seorang pun yang mempedulikan saya. Saya cuma ada sedikit sahaja duit.

Setiap kali saya melihat kanak-kanak membawa buku ke sekolah, saya rasa cemburu kepada mereka. Saya berharap, agar saya adalah salah seorang daripada mereka.

Saya mahu balik.

Setelah pelajar selesai membacakan kisah tersebut, guru bertanya soalan-soalan berikut bagi memastikan pelajar memahami kisah yang diceritakan:

- a) Siapa yang menceritakan kisah tersebut?
- b) Beliau berasal dari mana?
- c) Mengapa beliau bersetuju untuk pergi bekerja di bandar?
- d) Bagaimanakah anda menggambarkan kehidupannya di bandar?

Guru meminta pelajar membentuk beberapa kumpulan yang terdiri daripada 4 atau 5 orang dalam setiap kumpulan. Setiap kumpulan hendaklah membincangkan soalan-soalan berikut untuk menggalakkan mereka berfikir mengenai kanak-kanak yang terpaksa bekerja untuk mendapatkan duit:

Soalan:

- a) Apakah perasaan anda apabila mendengar kisah Myrna Delgado?
- b) Adakah patut kanak-kanak berusia 12 tahun seperti Myrna Delgado terpaksa bekerja untuk orang lain sedangkan sepatutnya dia pergi ke sekolah? Mengapa?
- c) Jika anda adalah Myrna Delgado, apa yang akan anda lakukan? Mengapa?

Guru menulis jawapan yang diberikan di papan tulis.

Setelah pelajar memberikan jawapan mereka, guru membentangkan kenyataan-kenyataan berikut:

- a) Setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk mendapatkan pendidikan bagi membolehkan potensi mereka berkembang sepenuhnya.
- b) Setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk mendapat perlindungan daripada pekerjaan yang boleh menggugat fizikal, mental, spiritual, moral atau perkembangan sosial mereka.
- c) Kanak-kanak boleh bekerja, dengan syarat pekerjaan tersebut tidak mengganggu pendidikan mereka atau tidak membahayakan kesihatan, fizikal, mental, spiritual, moral atau perkembangan sosial.
- d) Jika kanak-kanak tidak mempunyai peluang untuk pergi ke sekolah kerana dia terpaksa bekerja, maka, hak kanak-kanak tersebut telah dicabuli dan perkembangannya telah tergugat.

A. Penutup

Guru meminta pelajar membuat poster untuk kempen membantah buruh kanak-kanak.

IV PENILAIAN

Guru meminta pelajar menulis surat kepada buruh kanak-kanak yang mereka kenal dan menyatakan keperihatinan terhadap hak kanak-kanak malang itu.

HAK KEPADA KEBEBASAN BERSUARA DAN BERPENDAPAT

Secara tradisinya, kita menghormati orang yang lebih tua dan mereka yang mempunyai kedudukan yang lebih tinggi dalam masyarakat. Kita belajar untuk mematuhi mereka sentiasa. Kita juga diberitahu bahawa kita tidak boleh menyatakan sebarang pendapat atau idea yang bertentangan dengan pendapat atau idea mereka. Perkara ini menyebabkan idea dan pendapat orang yang lebih muda tidak dihargai dan dihormati. Hal ini juga berlaku di kalangan ibu bapa dan guru-guru, atau dalam perhubungan antara orang dewasa dengan kanak-kanak. Orang dewasa hendaklah menghormati kanak-kanak dengan memberi peluang kepada mereka menyatakan pendapat atau idea, terutama yang berkaitan dengan kesejahteraan kanak-kanak sendiri.

Topik	: Pendapat Saya
Tahap	: Rendah (Darjah 4-6)
Subjek	: Pendidikan Sosial/Sivik
Konsep Hak Asasi Manusia	: Hak kepada kebebasan berpendapat dan meluahkannya
Peruntukan Masa	: Satu sesi

I OBJEKTIF

Para pelajar akan dapat:

- Menerangkan hak kepada kebebasan bersuara dan berpendapat dan berkepentingan.
- Mengenal pasti amalan-amalan yang sesuai terhadap hak-hak kepada kebebasan bersuara dan berpendapat.
- Menerangkan pentingnya menghormati hak orang lain terhadap kebebasan bersuara dan berpendapat.

II SUMBER

- *Perkara 19 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat*
Setiap insan adalah berhak kepada kebebasan pendapat dan mengeluarkan fikiran; hak ini termasuklah kebebasan memegang pendapat tanpa gangguan dan menuntut, menerima dan menyebarkan maklumat dan buah fikiran melalui sebarang media dan tanpa mengira sempadan.
- Skrip "Suatu Malam di Rumah Hoa"

III PROSEDUR

A. Pembukaan

Guru memberitahu pelajar untuk melakonkan peranan dalam tiga situasi:

- Situasi 1: Kanak-kanak bercakap beramai-ramai pada masa yang sama (serentak), sesetengahnya menjerit supaya mereka didengari oleh orang lain.
- Situasi 2: Sewaktu seorang pelajar menerangkan mengenai bunga matahari dalam tamannya, seorang pelajar lain menyampuk dan berkata, “Cikgu, Sally tipu. Dia bukannya ada taman pun.”
- Situasi 3: Guru memanggil pelajar, “Si Gemuk, boleh tak awak bagi perhatian.” Ahmad, teman sekelasnya mengangkat tangan. Apabila dipanggil, Ahmad berdiri dan dengan nada yang sopan dia berkata, “Cikgu, tidak sopan memanggil Adam, Si Gemuk. Dia ada nama iaitu, Adam”.

Guru meminta pelajar menyiapkan jadual di bawah:

Situasi	Adakah ini cara terbaik untuk bercakap?	
	Ya	Tidak
Pelajar bercakap serentak pada masa yang sama		
Menyampuk apabila kawan lain sedang bercakap		
Guru memanggil Adam, Si Gemuk		
Ahmad memberitahu gurunya bahawa tidak sopan memanggil Adam - Si Gemuk. Sebaliknya, dia patut memanggil - Adam.		

Guru memberi komen kepada maklum balas pelajar dengan memberi tahu mereka bahawa seseorang itu hendaklah bersuara jika mahu berkongsi maklumat, memberikan pendapat, dan memberitahu orang lain mengenai perbuatannya. Namun, mereka hendaklah bercakap dengan sopan dan tidak menyakitkan perasaan orang lain atau menghalang orang lain bercakap.

B. Aktiviti

Guru meminta pelajar melakonkan watak dalam skrip “Suatu Malam di Rumah Hoa.”

Watak: Hoa, Tuan, Ayah dan Emak. Set cerita: Rumah Hoa.

- Emak (kelihatan sangat bimbang) berkata kepada Ayah:
Anak kita, Tuan, terima berita gembira. Dia dapat tawaran masuk universiti. Kita kena minta anak perempuan kita, Hoa berhenti sekolah supaya boleh cari kerja. Kita tak mampu nak sara Tuan di universiti dan Hoa di sekolah menengah.
- Ayah (menggelengkan kepala) berkata:
Tidak. Hoa mesti meneruskan pelajarannya. Itu penting. Apa pun terjadi, dia mesti teruskan sampai tamat pelajarannya.
- Emak (merungut) menjawab:
Gaji awak mana cukup nak tanggung Tuan di universiti, Hoa di sekolah.
- Ayah (dengan nada suara yang tenang) berkata:
Apa kata kita tanya anak-anak sama ada Hoa perlu berhenti sekolah supaya dia boleh tolong abangnya masuk universiti. Dia harus bersetuju.
- Emak (dengan nada marah) membantah:
Kita tak perlu tanya dia. Kita kan ibu bapanya. Kita berhak buat semua keputusan. Dia mesti dengar dan patuh kepada kita.
- Ayah (menggelengkan kepala) tidak bersetuju:
Tidak. Ibu bapa juga perlu dengar apa pendapat anak-anak, terutama, yang berkaitan dengan masa depan mereka. Kita kena hormat pandangan mereka.
- Emak bersetuju sambil merungut lalu memanggil:
Tuan, Hoa, kami nak bercakap dengan kamu berdua.
- Ayah berkata:
*Tuan, Hoa, ada perkara yang mak dan ayah nak bincangkan dan nak dapatkan pandangan kamu berdua. Ayah yakin, kita boleh dapat jalan penyelesaian bersama-sama.
Kami memang tidak ada duit, tapi, kami masih mahukan kamu berdua terus belajar. Mak fikir, Hoa patut berhenti sekolah, jadi kamu (sambil menunjuk kepada Tuan) boleh masuk universiti.*
- Tuan menjawab:
Saya nak Hoa teruskan pengajiannya. Saya boleh bekerja di klinik pada hujung minggu. Kerja begini bagus untuk saya kerana sambil dapat duit, saya juga boleh dapat pengalaman. Masa cuti saya boleh kerja sepenuh masa.

- Hoa berkata:

Terima kasih ayah, terima kasih Tuan. Saya nak teruskan pengajian saya. Saya pun boleh kerja di pusat jagaan kanak-kanak pada hari Sabtu. Saya juga boleh tolong mak kisar beras waktu petang, jadi mak boleh buat lebih kuih untuk dijual.

- Tuan berkata:

Saya juga boleh tolong mak buat kuih.

- Ayah membalas:

Ayah boleh tolong buat kerja rumah. Ayah akan uruskan pendapatan kita, jadi kita boleh dapat duit yang cukup supaya Tuan boleh belajar di universiti, dan Hoa juga boleh terus pergi belajar di sekolah.

Selepas lakon peranan (*role-play*), guru meminta pelajar membuat beberapa kumpulan (mengandungi lebih kurang 4-5 orang setiap kumpulan) dan memberi soalan-soalan berikut untuk dibincangkan dalam kumpulan masing-masing:

- a) Siapa rasa kanak-kanak mesti mendengar kata ibu bapa mereka dan mematuhi keputusan mereka? Adakah kamu bersetuju dengan pendapat ini? Mengapa?
- b) Adakah kamu fikir ayah Hoa terlalu berlembut apabila dia memberikan peluang kepada mereka untuk memberikan pendapat dan membantu menyelesaikan masalah kewangan dalam keluarga mereka?
- c) Pernahkah ibu bapa kamu bertanya pendapat kamu? Jika pernah, terangkan situasinya.
- d) Adakah kamu fikir cadangan yang diberikan oleh Tuan dan Hoa itu bagus?

Guru menulis jawapan setiap kumpulan di papan tulis dan membincangkannya dengan merujuk hak kepada kebebasan berpendapat dan menyuarakannya yang terkandung dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. Guru menerangkan bahawa kebebasan berpendapat dan menyuarakannya bukan bermaksud hingga boleh berkata sesuatu yang menyakitkan hati orang lain atau memberikan pendapat yang prasangka terhadap orang lain. Ini bermaksud memberi atau mendapatkan pendapat, idea atau maklumat tanpa sebarang halangan, dan dengan rasa hormat kepada kebajikan dan hak orang lain.

Sebagai ringkasan perbincangan, guru berkata:

Setiap keluarga ada masalah yang perlu diselesaikan. Sebagai anak, kamu dan ibu bapa kamu hendaklah mencari jalan penyelesaian, terutamanya masalah yang berkaitan dengan diri kamu sendiri. Kamu ada hak untuk menyuarakan pendapat kamu kepada mereka, untuk didengari dan juga untuk dihormati.

C. Penutup

Guru menulis kenyataan berikut di papan tulis:

- Kanak-kanak mempunyai hak untuk menyuarakan pendapat mengenai isu-isu atau masalah yang berkaitan dengan kanak-kanak.
- Idea mereka hendaklah dihormati.
- Setiap orang hendaklah menghormati pendapat dan perasaan orang lain.

Guru menerangkan kepada para pelajar, ini adalah prinsip yang penting untuk diikuti supaya hak kepada kebebasan berpendapat dan menyuarakannya dapat diamalkan.

IV APLIKASI / PENILAIAN

Guru boleh menggunakan apa-apa cara yang sesuai untuk menilai kefahaman pelajar mengenai hak kepada kebebasan berpendapat dan menyuarakannya. Penilaian boleh dibuat sebelum Penutup.



HAK KEPADA KESELAMATAN SOSIAL

Setiap orang berhak kepada keselamatan sosial. Hak ini adalah penting bagi mempertahankan maruah dan kebebasan perkembangan personaliti setiap orang. Peperangan, kemiskinan dan bencana alam menghalang hak-hak ini daripada dipenuhi. Untuk memastikan hak-hak ini dipenuhi, kerjasama dan sokongan kerajaan dan anggota masyarakat amat penting.

Topik	: Kesanggupan Kita untuk Berkongsi
Tahap	: Rendah (Darjah 4-6)
Subjek	: Pendidikan Sivik / Kajian Sosial
Konsep Hak Asasi Manusia	: Hak kepada keselamatan sosial
Peruntukan Masa	: Satu sesi

I OBJEKTIF

Para pelajar akan dapat:

- Menyenaraikan hak-hak yang tertentu berlandaskan hak kepada keselamatan sosial
- Mengenal pasti cara-cara untuk memenuhi hak-hak tersebut
- Menentukan apakah pilihan yang perlu diambil untuk menyuarakan keperihatinan / simpati terhadap mangsa yang keselamatan sosialnya dicabuli.

II SUMBER

- ***Perkara 22 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat,***
Setiap orang, sebagai anggota masyarakat, adalah berhak kepada keselamatan sosial dan berhak menjadikan suatu kenyataan, melalui usaha negara dan kerjasama antarabangsa dan menurut organisasi dan sumber-sumber dalam negara masing-masing, hak-hak ekonomi, sosial dan kebudayaan yang termesti bagi kemuliaannya dan perkembangan bebas keperibadiannya.
- Beberapa gambar, cerita dan contoh-contoh mengenai kanak-kanak dan orang dewasa yang menderita akibat kemiskinan atau yang dilanda bencana alam atau yang berada di kawasan yang menghadapi peperangan.
- Lembaran kerja untuk membuat pelan perancangan.

III PROSEDUR

A. Pembukaan

Guru mengemukakan soalan-soalan berikut satu persatu dengan perlahan-lahan, dan tanpa mengharapkan sebarang jawapan:

Pernakah anda melihat mangsa peperangan? Bagaimana mereka hidup?

Pernakah anda melihat mereka yang tinggal di kawasan orang miskin?

Bagaimana mereka hidup?

Pernakah anda melihat mereka yang menderita disebabkan bencana alam?

Bagaimana mereka hidup?

B. Perkembangan

Guru meminta pelajar membuat tiga kumpulan. Guru memberi gambar mereka yang hidup ditengah-tengah peperangan kepada kumpulan pertama, gambar orang miskin kepada kumpulan kedua, dan gambar mangsa bencana alam kepada kumpulan ketiga. Guru meminta pelajar membahagikan setiap kumpulan kepada dua atau tiga kumpulan kecil untuk membolehkan lebih ramai mengambil bahagian dalam perbincangan.

Guru meminta pelajar membincangkan situasi mereka yang ditunjukkan dalam gambar yang diberi, dan membentangkan perbincangan mereka kepada kelas melalui lakon peranan (*role play*). Selepas pembentangan berkumpulan, guru bertanya pelajar soalan-soalan berikut:

- Apakah persamaan yang terdapat dalam ketiga-tiga situasi?
- Apakah keperluan asas bagi mereka yang berada dalam ketiga-tiga situasi tersebut?
- Apakah keperluan asas manusia secara umum?

Guru menulis jawapan di papan tulis.

Guru meminta pelajar membincangkan kembali soalan-soalan berikut dalam kumpulan masing-masing:

- Adakah mereka yang ditunjukkan dalam gambar menderita akibat pencabulan hak asasi manusia? Apakah hak yang dicabuli? (beberapa jawapan yang dijangkakan: hak untuk memiliki harta benda, hak kepada tempat tinggal, hak untuk hidup, hak untuk mempertahankan maruah diri sendiri)
Sebagai tambahan kepada jawapan pelajar, guru hendaklah menyatakan bahawa *setiap hak yang disebut oleh kamu semua merupakan dasar kepada hak asasi manusia yang utama iaitu hak kepada keselamatan sosial.*
- Sebagai salah seorang anggota masyarakat, anda boleh menyumbang sesuatu untuk membantu mangsa. Apakah bantuan yang kamu ingin disampaikan?

Selepas pelajar membentangkan jawapan mereka, guru menerangkan konsep keselamatan sosial (lihat Nota)

Akhirnya, guru meringkaskan perbicaraan berikut dengan berkata:

Setiap individu berhak untuk hidup dan berhak untuk mendapatkan keselamatan sosial. Mereka di sekeliling kita hendaklah membantu bagi memastikan hak-hak kita dipenuhi. Apabila susah dan senang dikongsi bersama, perhubungan sesama manusia menjadi lebih baik, lebih rapat dan ini dapat memastikan hak-hak kita kepada keselamatan sosial. Ia menepati pepatah “Yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing”.

C. Penutup

Guru meminta pelajar membuat perancangan mereka sendiri mengenai bagaimana mereka boleh berkongsi kesusahan bersama teman sekelas, teman sepersekolahan atau mereka yang menderita akibat peperangan, kemiskinan atau bencana alam menggunakan lembar kerja untuk membuat pelan perancangan.

IV PENILAIAN

Guru boleh menggunakan cara yang sesuai untuk menilai kefahaman pelajar mengenai hak kepada keselamatan sosial dan tanggungjawab setiap orang untuk menyokong dan melindungi hak tersebut. Penilaian boleh dibuat sebelum Penutup.

Takrif terma

Keselamatan sosial – Faedah-faedah kewangan atau lain-lain kemudahan yang disediakan oleh kerajaan bagi membantu warganegaranya dalam pelbagai cara – untuk membantu semasa pengangguran, untuk menyediakan kemudahan penjagaan kesihatan yang murah dan mencukupi, untuk menyediakan pencen kepada warga emas dan sebagainya. (Brian W.W. Welsh and Pavel Butorin, Dictionary of Development [New York: Garland Publishing, 1990, muka surat 907]. Dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (Perkara 25), hak kepada keselamatan sosial merangkumi kes-kes pengangguran, kesakitan, ketidakupayaan, kematian atau kehilangan suami, lanjut usia atau kehilangan sumber kehidupan disebabkan oleh keadaan yang di luar kawalannya.

LEMBARAN KERJA MENGENAI PELAN PERANCANGAN

Siapa yang perlu dibantu?	Mengapa kamu perlu membantu?	Bagaimana kamu boleh membantu?	Bila kamu akan membantu dia?	Sila tandatangan dibawah jika kamu yakin hendak membantu

HAK UNTUK BEKERJA

Pelajar hendaklah tahu bahawa setiap orang berhak untuk bekerja, bebas memilih pekerjaan di tempat kerja yang adil dan sesuai. Mereka juga hendaklah tahu bahawa mereka berhak untuk mendapatkan pembayaran dan upah kerja yang adil bagi memastikan diri dan keluarganya dapat hidup dengan sempurna dan dihormati.

Topik	: Bekerja Semasa Musim Kemarau
Tahap	: Rendah (Darjah 4-6)
Subjek	: Kajian Sosial, Sains, Ekonomi Rumah Tangga
Konsep Hak Asasi Manusia	: Hak untuk bekerja dan hak untuk hidup sejahtera
Peruntukan Masa	: Satu sesi

I OBJEKTIF

Pelajar akan berkebolehan untuk:

- Menerangkan hak petani untuk menyara kehidupan dan hak mereka untuk menikmati kehidupan yang sejahtera
- Mencadangkan cara-cara lain yang boleh meningkatkan tahap kehidupan seseorang

II SUMBER

- Perkara 6 Kovenan Hak kepada Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan:
Negara-negara Pihak kepada Kovenan ini mengakui hak untuk bekerja, termasuk hak setiap orang terhadap peluang untuk memperoleh pendapatan melalui pekerjaan yang dipilih atau yang diterima olehnya dan akan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk melindungi haknya.
- Lagu Menanam Jagung

III PROSEDUR

A. Pembukaan

Guru meminta pelajar menyanyikan lagu Menanam Jagung (atau apa-apa lagu mengenai bekerja bersama-sama di ladang).

MENANAM JAGUNG

AYO KA WAN, KI-TA BER SA-MA

ME NA NAM JAGUNG DI KEBUN KITA

AM BIL CANGKULMU, AMBIL CANGKULMU

KI TA ME NA NAM, TAK JE MU JE MU CANGKUL, CANGKUL,
CANGKUL YANG DA LAM

TA NAH NYA LONGGAR, JA GUNG KU TANAM

A. Perkembangan Aktiviti

Guru meminta pelajar membincangkan mesej lagu tersebut dengan bertanyakan soalan berikut:

- Apakah maksud lagu tersebut?
- Siapakah yang bekerja di ladang?
- Bagaimanakah anda menerangkan pekerjaan seorang petani?

Jawapan yang dijangkakan:

Mereka bekerja keras untuk mencari sumber pendapatan

Pekerjaan mereka di ladang sungguh susah

- Apakah aktiviti atau kerja lain yang boleh dilakukan oleh petani pada musim kemarau?

Guru menulis jawapan kepada soalan-soalan tersebut di papan tulis.

Jawapan yang dijangkakan:

- Mengumpul kayu api dan menjualnya di pekan
- Menanam sayur
- Menternak lembu
- Bekerja sebagai tukang kayu

Guru meminta pelajar membentuk kumpulan yang terdiri dari 4 – 5 orang setiap kumpulan dan membincangkan soalan-soalan berikut:

- Mengapa petani perlu bekerja bersama-sama?
- Mengapa petani perlu melakukan kerja lain semasa musim kemarau?
- Mengapa petani perlu mendapatkan pendapatan tambahan semasa musim kemarau?

Semasa pelajar membentangkan jawapan mereka, guru membimbing pelajar untuk menggambarkan konsep-konsep kemiskinan, bekerja bersama-sama, tahap kehidupan yang sewajarnya, dan hak untuk bekerja bagi mendapatkan sumber pendapatan.

Guru boleh menyediakan gambar bagi membantu pelajar membincangkan konsep-konsep tersebut.

Guru membuat ringkasan perbincangan tersebut dengan berkata:

Setiap orang mempunyai hak untuk bekerja. Hak ini bertujuan untuk membantu mereka untuk menikmati kehidupan yang sejahtera tidak kira mereka petani di ladang atau pekerja di bandar. Hak ini tidak boleh disekat, malah ia hendaklah dipromosi dan dilindungi.

Jika petani bekerja di ladang, majikan mereka hendaklah bertanggungjawab untuk melindungi hak-hak mereka dan memastikan mereka dibayar dengan upah yang sewajarnya dan menyediakan suasana bekerja yang berkeadaan baik.

C. Penutup

Guru meminta pelajar melukis gambar yang menunjukkan petani sedang bekerja bersama-sama bagi membolehkan mereka hidup sejahtera.

IV PENILAIAN

Guru meminta pelajar melukis gambar yang menerangkan apakah pekerjaan yang ingin dilakukan oleh mereka pada masa hadapan. Di bawah gambar tersebut, pelajar dikehendaki menulis hak yang dipelajari oleh mereka dan bagaimana ia boleh dilindungi.



PELAN PENGAJARAN HAK ASASI MANUSIA

- **Peringkat Sekolah Menengah**



Lukisan: **Sasikarn Hantrikanon**
Sekolah Santa Cruz, Bangkok, Thailand

HAK KEPADA LAYANAN SAMA RATA

Setiap kanak-kanak adalah sama seperti mana insan lain. Namun, situasi kanak-kanak tidak selalunya sama. Ada kanak-kanak yang mendapat sokongan sepenuhnya untuk memenuhi kehendak dan potensi mereka. Manakala, ada kanak-kanak yang tidak berpeluang untuk menikmatinya. Malah ada yang terpaksa hidup menderita akibat kurang upaya sama ada fizikal, mental, intelektual atau kekurangan lain-lain. Kanak-kanak kurang upaya juga mempunyai hak untuk mengembangkan potensi diri sepenuhnya yang sama seperti kanak-kanak lain. Namun, disebabkan kekurangan mereka, mereka berhak kepada penjagaan khas. Kerajaan dan orang ramai hendaklah mengiktiraf hak ini bagi membolehkan kanak-kanak kurang upaya menikmati peluang yang sama rata agar mereka juga dapat menikmati kehidupan sama seperti kanak-kanak lain.

Topik	:	Harga Diri Manusia
Tahap	:	Sekolah Menengah Rendah
Subjek	:	Pendidikan Moral atau Sivik
Konsep Hak Asasi Manusia	:	Hak Kepada Layanan Sama Rata
Peruntukan Masa	:	Satu Sesi

I OBJEKTIF

Para pelajar akan dapat:

- Menerangkan pelbagai jenis ketidakupayaan kanak-kanak kurang upaya
- Mengenal pasti hak asasi yang berhubung dengan diskriminasi yang memberi kesan kepada kanak-kanak
- Mempromosikan hak asasi kanak-kanak kurang upaya

II SUMBER

- Perkara 23 Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak,
 1. *Negara-negara Pihak mengiktiraf bahawa seseorang kanak-kanak yang kurang upaya secara mental atau fizikal patut menikmati kehidupan yang sepenuhnya dan dihormati, dalam keadaan yang memastikan kemuliaan, menggalakkan sikap tidak bergantung, dan memudahkan penglibatan aktif kanak-kanak itu dalam komuniti.*
 2. *Negara-negara Pihak hendaklah mengiktiraf hak kanak-kanak kurang upaya untuk mendapat jagaan khas dan hendaklah menggalakkan dan memastikan peluasan, tertakluk kepada sumber yang ada, kepada kanak-kanak yang layak dan kepada mereka yang bertanggungjawab bagi jagaannya, bantuan yang kerananya permintaan itu dibuat dan yang sesuai dengan keadaan kanak-kanak itu dan bagi hal keadaan ibu bapa atau orang lain yang menjaga kanak-kanak itu.*

3. *Dalam mengiktiraf keperluan khas bagi seseorang kanak-kanak kurang upaya, bantuan yang diperluas mengikut perenggan 2 perkara ini hendaklah diperuntukkan secara percuma, apabila mungkin, dengan mengambil kira sumber kewangan ibu bapa atau orang lain yang menjaga kanak-kanak itu, dan hendaklah dirangka untuk memastikan bahawa kanak-kanak kurang upaya telah mendapat akses yang berkesan kepada dan menerima pendidikan, latihan, perkhidmatan jagaan kesihatan, persediaan untuk bekerja dan peluang rekreasi secara yang sesuai kepada pencapaian kanak-kanak itu sejauh mungkin integrasi sosial dan perkembangan individu, termasuk perkembangan kebudayaan dan kerohanian.*
 4. *Negara-negara Pihak hendaklah menggalakkan, dalam semangat kerjasama antarabangsa, pertukaran maklumat yang sewajarnya dalam bidang jagaan kesihatan pencegahan dan rawatan perubatan, psikologi dan fungsi kanak-kanak kurang upaya, termasuk penyebaran dan akses kepada maklumat berkenaan dengan kaedah pemulihan, perkhidmatan pendidikan dan vokasional dengan tujuan membolehkan Negara-negara Pihak meningkatkan kebolehan dan kemahiran mereka, dan untuk meluaskan pengalamannya dalam bidang ini. Berhubung dengan ini, perhatian yang khusus hendaklah diberikan kepada keperluan negara-negara membangun.*
- Tiga gambar berlainan bentuk diskriminasi yang melibatkan:
 - a) Kanak-kanak kurang upaya
 - b) Kanak-kanak miskin
 - c) Kanak-kanak yang berasal dari kumpulan etnik minoriti

III PROSEDUR

A. Pembukaan

Guru menunjukkan tiga gambar kanak-kanak dan meminta pelajar menerangkan apa yang mereka lihat. Pelajar mungkin mengenal pasti tiga situasi yang menunjukkan tiga bentuk diskriminasi. Guru mencatatkan jawapan pelajar di papan tulis.

B. Perkembangan Aktiviti

1. Aktiviti

Guru membuat ringkasan jawapan pelajar dengan menunjuk kepada gambar dan menyenaraikan tiga situasi iaitu,

- a) Kanak-kanak kurang upaya
- b) Kanak-kanak miskin
- c) Kanak-kanak golongan masyarakat etnik minoriti.

Guru meminta pelajar membentuk tiga kumpulan. Guru meminta setiap kumpulan membuat persembahan pantomin mengenai satu situasi. Setiap kumpulan dikehendaki memilih satu situasi yang ingin mereka persembahkan.

Guru memberitahu para pelajar dikehendaki mereka cerita berdasarkan gambar yang dilihat oleh mereka. Beberapa contoh situasi yang mungkin adalah seperti yang berikut:

- Kisah seorang budak perempuan dari masyarakat etnik minoriti tidak dibenarkan oleh kanak-kanak lain bermain bersama-sama mereka. Kanak-kanak tersebut fikir budak perempuan ini 'kotor' kerana kulitnya yang gelap.
- Kisah Nina yang terpaksa berhenti belajar selepas tamat sekolah tinggi kerana keluarganya miskin. Tetapi ayahnya memutuskan bahawa adiknya meneruskan pelajaran kerana dia lelaki. Nina terpaksa tinggal di rumah dan membantu ibunya membuat kerja rumah.
- Kisah sekumpulan kanak-kanak mengejek dan mengeji seorang kanak-kanak istimewa.

2. Analisis

Selepas setiap kumpulan selesai mempersembahkan pantomin masing-masing, guru meminta kelas mengenal pasti isu yang diketengahkan dalam tiga kisah yang dipersembahkan. Jawapan yang diharapkan ialah yang berhubung dengan:

- a) Diskriminasi kaum
- b) Diskriminasi jantina
- c) Diskriminasi terhadap orang kurang upaya

Guru, berfokuskan isu diskriminasi terhadap orang kurang upaya dengan bertanya soalan berikut:

- Siapakah kanak-kanak kurang upaya selain dari yang digambarkan dalam pantomin?

Jawapan yang diharapkan:

Kanak-kanak buta, kanak-kanak yang cacat anggota dan lain-lain

- Di sebalik kekurangan mereka, apakah ciri-ciri lain yang mungkin dimiliki mereka?

Jawapan yang diharapkan:

Kemahiran muzikal, kebolehan mengingat maklumat yang banyak, keupayaan untuk bergembira sepanjang masa, bersikap baik kepada orang lain, dan sebagainya.

- Apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk melindungi kanak-kanak kurang upaya?

Jawapan yang diharapkan:

Peluang untuk mendapat pendidikan, latihan, perkhidmatan penjagaan kesihatan, khidmat pemulihan, persediaan untuk pekerjaan, aktiviti rekreasi, dan sebagainya.

3. Ringkasan

Guru membuat ringkasan maklum balas pelajar dengan menekankan konsep hak kanak-kanak. Guru menegaskan bahawa, pertamanya, semua manusia dilahirkan sama rata tanpa mengira sebarang status atau keadaan: fizikal, mental, sosial, atau ekonomi. Ini merangkumi semua kanak-kanak termasuk kanak-kanak kurang upaya. Oleh itu, semua kanak-kanak mempunyai hak asasi manusia yang sama rata.

Guru kemudiannya meneruskan kepada perbincangan mengenai peruntukan dalam Perkara 23 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak. Guru menekankan bahawa kanak-kanak kurang upaya mempunyai hak untuk hidup dalam kesejahteraan, yang memastikan maruah diri, keyakinan diri, dan peluang untuk turut serta secara aktif dalam komuniti. Guru juga menekankan berdasarkan keadaan mereka, kanak-kanak kurang upaya mempunyai hak kepada penjagaan yang istimewa. Guru juga perlu mengingatkan bahawa penjagaan istimewa kepada kanak-kanak kurang upaya ini ada kalanya terhad, bergantung kepada sumber sedia ada sesebuah komuniti atau kerajaan.

4. Aplikasi

Guru bertanya soalan kepada pelajar: Bagaimana anda meningkatkan moral seseorang yang mempunyai keupayaan yang berbeza dari orang lain? Guru menyenaraikan jawapan di papan tulis.

5. Penutup

Guru memberitahu pelajar bahawa dalam hak asasi manusia, manusialah yang paling diutamakan. Jika kita menerima bahawa semua manusia adalah sama rata, kita perlu berusaha sedaya upaya untuk melaksanakan kepercayaan tersebut dengan menghormati hak orang lain terutama yang menghadapi situasi sukar seperti orang kurang upaya.

IV PENILAIAN

Guru boleh menggunakan sebarang cara yang sesuai untuk menilai kefahaman pelajar mengenai hak kanak-kanak kurang upaya. Penilaian boleh dilakukan sebelum Penutup.

V TUGASAN

Guru meminta pelajar membuat poster untuk mempromosikan hak kanak-kanak kurang upaya.

The United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UNESCAP), Sekretariat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Wilayah Asia dan Pasifik yang beribu pejabat di Bangkok menyediakan program untuk orang kurang upaya. Ia mempunyai garis panduan mengenai beberapa bahasa yang sesuai untuk isu ini.

ISTILAH YANG SESUAI MENGENAI KETIDAKUPAYAAN

Elak Gunakan	Sebaliknya Gunakan
Cacat, hilang upaya, lumpuh	Orang kurang upaya, mereka yang mengalami masalah kekurangan upaya
Normal (apabila digunakan untuk orang yang bukan kurang upaya)	Orang yang tidak mengalami kekurangan upaya (bila perkataan 'normal' digunakan sebagai lawan kepada tidak upaya)
Tempang, mangsa kepada, derita akibat,	Orang yang mempunyai masalah... (sebutkan kekurangan yang dihadapi)
Mangsa kecacatan, mengidap kekurangan	Cedera akibat, lemah akibat...
Lumpuh atau sakit arthritis, pincang, tempang	Orang yang tidak mampu bergerak atau yang mengidap arthritis Orang yang menghadapi masalah bergerak
Kecacatan sejak lahir	Kurang upaya sejak lahir atau lahir bersama (namakan kekurangan tersebut)
Berharap, Bergantung kepada kerusi roda	Pengguna kerusi roda atau mereka yang menggunakan kerusi roda
Boleh diakses oleh orang cacat	Boleh diakses oleh mereka yang kurang upaya, boleh digunakan oleh sesiapa sahaja, boleh diakses sepenuhnya
Bisu dan tuli, pekak bisu	Orang yang tidak boleh atau sukar bercakap, orang yang tidak boleh mendengar atau sukar mendengar
Terencat, lembab, terencat akal, subnormal mental, Mongoloid	Orang yang menghadapi kurang upaya mental, kurang upaya dalam perkembangan pemikiran, kurang upaya dalam pembelajaran
Bodoh, dungu, terencat akal, koma	Orang yang mengalami kecederaan otak yang teruk
Spastik	Orang yang mengidap palsi serebrum
Epileptik, sawan babi, gila babi	Orang yang mendapat serangan sawan tiba-tiba
Pesakit mental, orang gila	Orang yang menderita sakit mental (khususkan penyakitnya seperti kemurungan, tekanan, skizofrenia)

Elak Gunakan	Sebaliknya Gunakan
Gila, gangguan emosi	Orang yang mengalami kurang upaya emosi atau orang yang mempunyai masalah mental
Buta atau tidak boleh melihat	Orang yang tidak mampu melihat
Penyakit untut	Orang yang mengalami Neurofibromatosis
Kudung	Orang yang terpaksa dipotong (sebutkan bahagian tersebut)
Bibir sumbing	Orang yang mempunyai bibir bercelah / rekah
Bongkok	Orang yang mengalami masalah kelengkungan spina
Katik, kerdil, kementot	Orang yang bertubuh kecil

Beberapa garis panduan yang perlu diingati apabila bercakap mengenai orang kurang upaya:

- Jangan memfokuskan kepada kekurangannya kecuali ia penting untuk sesebuah cerita. Elakkan bercerita kisah yang menyayat hati menggunakan kisah-kisah mengenai penyakit yang tidak mungkin sembuh, kecacatan sejak lahir, atau kecederaan yang sangat teruk.
- Jangan menggambarkan orang kurang upaya yang berjaya sebagai manusia yang sangat istimewa.
- Jangan mensensasikan kurang upaya
- Berikan penekanan terhadap keupayaan, bukan batasan atau halangan.
- Elakkan stereotaip yang “tragik tetapi berani”. Malah, elakkan langsung pandangan yang stereotaip.
- Tunjukkan orang kurang upaya sebagai orang yang memainkan peranan aktif dalam masyarakat. Gambaran orang kurang upaya berinteraksi dengan anggota masyarakat lain yang normal dalam situasi sosial dan persekitaran pekerjaan membantu menghilangkan halangan dan membuka peluang untuk mereka bergaul seperti orang lain.
- Labelkan botol [tetapi] bukan manusia!

Sumber: *The United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UNESCAP)*; laman web: www.unescap.org/decade/terminology.htm#guidelines

PERANAN KERAJAAN

Khidmat kerajaan amat penting dalam kehidupan hari ini. Ia merangkumi pelbagai perkhidmatan termasuk pendaftaran perkara-perkara penting dalam kehidupan orang ramai (kelahiran, perkahwinan, kematian), pengeluaran dokumen untuk pelbagai aktiviti dan isu (kebenaran menjalankan perniagaan, pengesahan kediaman di sesuatu tempat), peruntukan perkhidmatan (penyebaran maklumat mengenai program kerajaan, memberi sokongan teknikal kepada sesuatu aktiviti, peruntukan untuk mengadakan peluang latihan bagi membantu meningkatkan taraf hidup), memproses dokumen untuk memperoleh sokongan kewangan kerajaan (penyediaan sijil mengenai status permohonan pencen kerajaan atau perkhidmatan kebajikan sosial), perlindungan daripada dan penyelesaian untuk kemudaratan yang dialami (melindungi orang ramai daripada kemudaratan fizikal atau apa saja bentuk bencana, menyediakan bantuan jika bencana berlaku), dan pelbagai lagi. Hak-hak sivil, kebudayaan, ekonomi, politikal dan sosial dipromosikan, dilindungi dan dipenuhi melalui perkhidmatan kerajaan. Oleh itu, hak-hak ini akan terancam jika kerajaan gagal menyediakan perkhidmatan yang sepatutnya. Di bawah sistem hak asasi manusia, kerajaan yang telah meratifikasikan perjanjian hak asasi manusia antarabangsa berkewajipan untuk melindungi hak-hak yang terangkum dalam perjanjian atau untuk memenuhi hak-hak tersebut sedaya upaya mereka.

Rasuah dan penyelewengan menghalang kerajaan melaksanakan tanggungjawab mereka di bawah persetujuan antarabangsa yang mereka sertai. Sekiranya perkara ini berlanjutan, ia mengakibatkan pencabulan hak asasi manusia.

Topik	: Rasuah dan penyelewengan
Tahap	: Menengah rendah
Subjek	: Pengajian Sosial
Konsep Hak Asasi Manusia	: Hak kepada perkhidmatan kerajaan
Peruntukan masa	: Satu sesi

1 OBJEKTIF

Para pelajar akan dapat:

- Mengenal pasti pencabulan hak asasi manusia akibat amalan rasuah dan penyelewengan
- Membincangkan Kod Etika dan Tingkah Laku Standard bagi Pegawai dan Kakitangan Kerajaan atau sebarang garis panduan seumpamanya dalam sesebuah negara.

- Menerangkan hak kepada tatacara pentadbiran yang baik dalam sesebuah kerajaan.

II SUMBER

- Perkara 2(1) Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (*International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights – ICESCR*)
Setiap Negara Pihak Kovenan ini berjanji untuk mengambil langkah baik secara individu atau melalui bantuan dan kerjasama antarabangsa, terutamanya bantuan ekonomi dan teknikal, sebanyak mungkin wujudnya sumber dengan matlamat untuk mencapai realisasi progresif sepenuhnya hak-hak yang diakui di dalam Kovenan ini dengan menggunakan semua daya upaya yang memadai termasuk langkah-langkah perundangan.
- Gambar mengenai amalan rasuah dan penyelewengan.

III PROSEDUR

A. Pembukaan

Guru menunjukkan gambar mengenai pelbagai bentuk amalan rasuah dan penyelewengan (sebagai contoh, karenah birokrasi (*red tape*), sogokan). Guru bertanya pelajar soalan-soalan berikut:

- Apakah maksud gambar-gambar tersebut?
- Di manakah perkara tersebut terjadi?
- Siapakah mangsa amalan tersebut?

B. Perkembangan Aktiviti

1. Aktiviti

Guru meminta pelajar untuk membuat kumpulan yang mengandungi tiga orang ahli. Guru mengarahkan mereka untuk melakukan lakon peranan mengenai situasi berikut:

- Kelewatan yang disengajakan dalam memproses dokumen
- Kakitangan kerajaan yang datang lambat sehingga menjejaskan kecekapan perkhidmatan
- Pemandu yang didapati bersalah kerana menyalahi undang-undang jalanraya cuba menyogok polis trafik bagi mengelak dari dikenakan saman.

2. Analisis

Selepas lakon peranan, guru bertanya pelajar soalan berikut:

- Apakah mesej persembahan?
- Bagaimana perasaan kamu terhadap mangsa karenah birokrasi?
- Mengapa rasuah dan penyelewengan dianggap sebagai masalah utama?
- Apakah hak yang dicabuli akibat amalan penyelewengan/rasuah?

Jawapan yang diharapkan:

Pelbagai hak berhubung perkhidmatan kerajaan

- Apakah hak-hak lain yang berkaitan yang dicabuli oleh amalan rasuah dan penyelewengan yang sedang berleluasa dalam negara ini?

Jawapan yang diharapkan:

- Hak kepada kehidupan sekiranya perkhidmatan kerajaan berkaitan dengan perlindungan sumber pendapatan
- Hak kepada keperluan asas jika khidmat masyarakat berkaitan dengan peruntukan makanan dan lain-lain keperluan asas.

3. Ringkasan

Guru membuat ringkasan maklum balas pelajar. Guru menekankan kesan rasuah dan penyelewengan terhadap kehidupan manusia.

Dengan konteks ini, guru menerangkan maksud Perkara 1 (1) Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (*International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights – ICESCR*). Guru menerangkan bahawa sokongan kerajaan sangat penting dalam usaha memenuhi hak asasi manusia. Berhubung dengan hak ekonomi, sosial dan kebudayaan, kerajaan adalah tertakluk untuk memenuhi hak-hak tersebut selagi mana mereka mempunyai sumber yang ada untuk memberi sokongan. Bukanlah bermakna, kerajaan dikehendaki segera menyediakan semua cara untuk memenuhi hak-hak tersebut, tetapi yang penting adalah memastikan usaha-usaha memenuhi hak tersebut sentiasa dilaksanakan secara progresif.

Guru, dengan menggunakan maklum balas pelajar, menerangkan pencabulan hak asasi manusia akibat amalan rasuah dan penyelewengan dalam kerajaan. Contohnya:

- Kelewatan dalam mengeluarkan kebenaran untuk melaksanakan aktiviti sara hidup akibat sikap acuh tak acuh pegawai kerajaan – pencabulan hak kepada kehidupan.
- Penolakan permohonan kepada bantuan untuk melindungi harta benda seseorang dari dimusnahkan – hak kepada pemilikan harta benda.
- Ketiadaan peruntukan kepada sesuatu perkhidmatan akibat status sosial atau ekonomi pemohon – hak kepada layanan yang adil dan saksama.

Guru juga menyediakan maklumat mengenai Kod Etika dan Tingkah Laku Standard bagi Pegawai dan Kakitangan Kerajaan atau sebarang garis panduan seumpamanya dalam sesebuah negara. Guru menekankan bahawa kakitangan kerajaan adalah tertakluk pada undang-undang untuk mengawal selia peruntukan khidmat awam tanpa diskriminasi, dan dengan cara yang baik, serta dengan mementingkan keperluan orang ramai sebagai pertimbangan asas.

Guru juga menekankan perlunya menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat awam yang berkualiti kerana kakitangan kerajaan dibayar menggunakan duit pembayar cukai.

Guru meminta pelajar melukis poster yang menggambarkan a) amalan rasuah dan penyelewengan, b) kesan buruk terhadap kehidupan orang lain; dan c) pencabulan hak asasi manusia. Guru meminta pelajar memikirkan cara untuk menggunakan poster tersebut di sekolah (contohnya, melekatkan poster di papan kenyataan sekolah untuk memberitahu pelajar lain mengenai isu tersebut).

5. Penutup

Guru memberitahu pelajar bahawa di bawah sistem hak asasi manusia, kerajaan memainkan peranan yang sangat penting. Kerajaan tidak mempunyai tanggungjawab eksklusif untuk merealisasikan hak asasi manusia – orang ramai juga mempunyai tanggungjawab tersendiri. Namun, kerajaan ditubuhkan untuk memenuhi keperluan orang ramai termasuk merealisasikan hak asasi mereka, itulah tugas kerajaan yang paling utama. Rasuah dan penyelewengan tidak mempunyai tempat dalam kerajaan kerana ia mencabuli hak asasi manusia.

IV PENILAIAN

Guru meminta pelajar berfikir mengenai sebuah agensi kerajaan yang tertentu dan membuat penentuan sekiranya kakitangan di agensi tersebut melakukan amalan yang disenaraikan dalam jadual di bawah dengan menanda dalam kolum yang berkenaan.

SITUASI / ISU	Selalu	Kadang-kadang	Tidak pernah
1. Menerima sogokan untuk perhatian / perkhidmatan istimewa			
2. Mengabaikan khidmat kepada orang miskin atau mereka yang buta huruf.			
3. Menyediakan perkhidmatan tanpa mengharap balasan.			
4. Meminta terlalu banyak dokumen tanpa sebarang penerangan.			
5. Memberi perhatian kepada sesiapa sahaja yang memerlukan.			
6. Perkhidmatan yang cekap.			
7. Kesedaran mengenai hak kepada peluang yang sama rata			
8. Lembab dalam memproses dokumen.			
9. Sentiasa bersikap jujur.			
10. Membayar wartawan untuk mendapatkan publisiti yang baik mengenai apa yang dilakukan			

V. TUGASAN

Guru meminta pelajar mencari rencana dalam surat khabar mengenai amalan rasuah dan penyelewengan dalam sesebuah agensi kerajaan. Guru meminta mereka membuat laporan dalam kelas semasa perjumpaan seterusnya mengenai apa yang mereka temui.

Takrif Terma

Perkara 2(1) Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights – ICESCR) mengandungi elemen penting yang perlu diterangkan:

- a. *Langkah-langkah berterusan bagi memenuhi hak asasi manusia – ini bermaksud, kerajaan tidak semestinya memenuhi hak ekonomi, sosial dan kebudayaan dalam masa yang singkat, bermula dari tarikh mereka bersetuju untuk mematuhi persetujuan ini. Tetapi, kerajaan adalah diharap mampu “melaksanakan segera dan secepat mungkin langkah-langkah untuk mencapai matlamat tersebut”.*
- b. *Sumber sedia ada yang maksimum – dengan mengambil kira masalah sumber sedia ada, kerajaan diharap berusaha sedaya upaya untuk menggunakan apa sahaja sumber sedia ada bagi memastikan matlamat untuk memenuhi sekurang-kurangnya tanggungjawab paling minimum diberi keutamaan.*

Kedua-dua elemen ini menerangkan tujuan perjanjian untuk tidak mengharapkan sesebuah kerajaan merealisasikan hak asasi manusia sepenuhnya dalam masa yang singkat kerana menyedari wujudnya masalah kewangan dan sumber lain di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Walau bagaimanapun, adalah penting bagi kerajaan untuk bertindak dan sentiasa melaksanakannya sehingga mencapai matlamat yang ditetapkan.

HAK KEPADA KEHIDUPAN

Kehidupan adalah amat berharga. Ia sepatutnya dapat dinikmati sebaik mungkin. Malangnya, sejarah manusia dipenuhi dengan pengalaman yang sebaliknya. Peperangan dan bentuk-bentuk konflik yang lain memusnahkan kehidupan dengan mudahnya. Kemiskinan dan wabak penyakit mengambil nyawa dengan perlahan, dan selalunya dengan penuh kesengsaraan. Dalam konteks inilah maka, keperluan untuk mengisytiharkan hak kepada kehidupan adalah sangat penting. Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (*The Universal Declaration of Human Rights - UDHR*) menegaskan bahawa setiap insan di dunia ini menghargai kehidupan dan ingin menikmatinya sebaik mungkin. Hak kepada kehidupan adalah hak semula jadi setiap manusia.

Topik	: Hidup Adalah Penuh Makna
Tahap	: Menengah rendah
Subjek	: Pendidikan Moral atau Sivik
Konsep Hak Asasi Manusia	: Hak kepada kehidupan
Peruntukan masa	: Satu sesi

1 OBJEKTIF

Para pelajar akan dapat:

- Mengenal pasti pencabulan hak asasi manusia dalam amalan eutanasia atau pembunuhan suci.
- Membincangkan adakah bunuh diri berlawanan dengan prinsip Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat atau sebaliknya.
- Menggambarkan nilai kehidupan dengan menggunakan cara yang kreatif (puisi, lukisan, lagu, atau kolaj).

II SUMBER

- Perkara 3 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat, *setiap orang adalah berhak kepada nyawa, kebebasan dan keselamatan diri*.
- Kisah mengenai eutanasia.
- Bahan seni

III PROSEDUR

A. Pembukaan

Guru meminta pelajar membaca kisah berikut:

EUTANASIA

Sebelum ini, eutanasia ditakrifkan sebagai kematian yang mudah tanpa mengalami penderitaan. Namun, hari ini, eutanasia merujuk kepada penggunaan ubat moden atau tindakan menanggalkan alat bantuan untuk hidup dengan tujuan menamatkan hidup seseorang yang menderita sakit dan tidak mempunyai harapan untuk sembuh. Oleh itu, eutanasia adalah merupakan tindakan 'bunuh diri' walau pun pesakit tersebut meminta seseorang yang pakar mengenai dadah memberinya ubat penghilang kesakitan dalam dos yang berlebihan.

Terdapat pelbagai punca mengapa lelaki dan wanita ingin membunuh diri. Salah satu daripadanya mungkin diakibatkan oleh tekanan sosial atau situasi ekonomi seseorang. Dalam satu kes pasangan miskin di Metro Manila yang mengambil dan meminum racun kepada anak-anak mereka termasuk yang masih bayi. Punca lain mungkin disebabkan ketidakseimbangan mental apabila otak gagal berfikir dengan waras. Pengaruh media massa atau persekitaran juga boleh dianggap punca ketiga. Sebagai contoh, semasa abad ke-19 di Eropah, ketika pemerintahan Romantisisme, sejumlah besar kes bunuh diri telah direkodkan. Alasan yang ketara diberikan adalah untuk menghentikan seseorang hidup secara 'buatan' sedangkan sebenarnya tidak ada harapan untuk sembuh.

Kehidupan adalah sumber dan prasyarat utama aktiviti setiap individu dalam semua masyarakat. Nyawa, punca kehidupan adalah anugerah. Jadi, mengapa menolak anugerah ini?

(Sumber: *Perspective: Current Issues in Values Education*, 1992)

B. Perkembangan Aktiviti

1. Aktiviti

Guru meminta pelajar membuat dua kumpulan yang akan membahaskan mengenai isu:

Adakah anda patut menerima eutanasia?

Mengapa ya dan mengapa tidak?

Guru menyediakan garis panduan untuk perbahasan; sebagai contoh, perhatian sepenuhnya dari pelajar lain, peruntukan masa bagi setiap perbahasan, memastikan perbahasan memfokuskan kepada isu, dan sebagainya.

2. Analisis

Selepas perbahasan, guru menyoal pelajar soalan berikut:

- Apakah hujah yang telah dipersembahkan?

Guru menulis hujah yang bersetuju dan yang menentang eutanasia di papan tulis.

- Adakah hujah yang bersetuju dengan eutanasia memberi alasan yang kuat untuk membolehkan tindakan tersebut? Beri penerangan terhadap jawapan yang diberikan.
- Apakah hak tertentu yang dicabuli dengan amalan eutanasia?

3. Ringkasan

Guru meminta pelajar menjawab soalan-soalan berikut untuk mendapatkan gambaran umum:

- Mengapa kehidupan amat penting bagi seseorang?
- Adakah mengambil nyawa seseorang merupakan tindakan yang betul? Mengapa?
- Apakah lain-lain pencabulan hak asasi manusia yang anda ketahui dalam pelajaran ini?

Guru kemudiannya meneruskan perbincangan mengenai:

- Hak kepada kehidupan (Perkara 3, Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat)
- Penerangan lain mengenai anugerah kehidupan (contohnya, kepercayaan agama)

Guru menekankan idea asas bahawa kehidupan bukanlah murah. Ia tidak boleh diketepikan sewenang-wenangnya. Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat menekankan hak kepada kehidupan untuk menghalang alasan yang membolehkan seseorang dibunuh disebabkan keadaan fizikal atau mental, perkauman dan perbezaan-perbezaan lain, serta tanggapan berasaskan politik, sosial, ekonomi atau budaya. Ungkapan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat adalah sungguh mudah dan tanpa syarat: Setiap insan mempunyai hak kepada kehidupan, kebebasan dan keselamatan diri. Menolak sejarah pembunuhan beramai-ramai semasa Perang Dunia Kedua dan juga pembunuhan yang berlaku selepas peristiwa tersebut, dan juga pada masa kini, jelas dan nyata, perisytiharan tanpa syarat mengenai hak kepada kehidupan adalah sangat perlu bagi memastikan kehidupan dihargai dan dilindungi.

Guru memberikan perbincangan tambahan tentang idea mengenai kehidupan sebagai anugerah.

Guru seterusnya membuat kesimpulan bahawa eutanasia mencabuli pemikiran bahawa hidup bukanlah murah dan hendaklah dinikmati dengan sebaik mungkin.

4. Aplikasi

Guru meminta pelajar melahirkan penghargaan mereka terhadap anugerah kehidupan melalui cara yang kreatif (contohnya, menulis puisi, melukis, menulis slogan, membuat kolaj, menulis lagu dan sebagainya)

5. Penutup

Guru mengingatkan pelajar bahawa setiap insan mempunyai hak kepada kehidupan. Setiap individu bertanggungjawab untuk hidup dengan penuh makna, dan melindunginya.

IV PENILAIAN

Guru meminta pelajar menyatakan pendapat mereka selepas membaca teks dalam kotak di bawah:

Jennifer, gadis kecil berusia 10 tahun, telah terbaring koma sejak beberapa bulan yang lalu di hospital selepas kepalanya terkena peluru sesat. Ibu bapanya tidak sampai hati melihat keadaan Jennifer. Mereka terpaksa membuat keputusan yang sangat sukar, sama ada mahu atau tidak mahu, menghentikan penderitaan Jennifer dengan mematikan alat bantuan pernafasan.

V TUGASAN

Guru memberikan tugas kepada pelajar untuk membuat penyelidikan mengenai kehidupan orang-orang terkenal yang membunuh diri. Guru meminta pelajar menyenaraikan punca-punca mereka membunuh diri, menilai punca tersebut dan memberi cadangan apakah sepatutnya yang boleh dilakukan bagi mengelakkan gejala bunuh diri.

KEBEBASAN DARI DISKRIMINASI

Dalam kebanyakan masyarakat, orang yang dianggap berbeza biasanya dilayan dengan buruk. Sebagai contoh, sikap berat sebelah yang berlaku di kalangan kumpulan etnik yang berbeza. Sikap berat sebelah ini boleh disamaertikan dengan diskriminasi, memberikan kesan kepada kehidupan, kebebasan bergerak, atau keselamatan fizikal. Diskriminasi tidak boleh diterima kerana ia mencabuli prinsip kesamarataan semua umat manusia.

Untuk mempromosikan hak asasi manusia, diskriminasi dalam apa bentuk sekalipun hendaklah dihapuskan. Untuk ini, setiap manusia hendaklah memulakan dengan pandangan peribadi terhadap orang lain, yang dianggap berbeza oleh mereka. Perkauman dalam kebanyakan kes digunakan sebagai asas diskriminasi. Orang ramai hendaklah menilai kembali sikap berat sebelah yang diluahkan melalui pelbagai cara seperti gurauan tentang orang lain, keengganan untuk berinteraksi atau bekerja dengan orang lain, dan penolakan secara terang-terangan terhadap orang lain. Kebanyakan bentuk sikap berat sebelah ini merupakan pencabulan hak asasi manusia.

Topik	: Kebebasan dari Diskriminasi
Tahap	: Menengah atas
Subjek	: Pengajian Sosial
Konsep Hak Asasi Manusia	: Hak kepada kebebasan dari diskriminasi
Peruntukan Masa	: Satu sesi

I OBJEKTIF

Para pelajar akan dapat:

- Menerangkan satu persatu kesan diskriminasi etnik.
- Memetik sikap dan tingkah laku yang menggambarkan keadilan, toleransi dan persefahaman.
- Membincangkan konsep kebebasan dari diskriminasi.

II SUMBER

• Perkara 1

Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat

Semua manusia dilahirkan bebas dan sama rata dari segi kemuliaan dan hak-hak. Mereka mempunyai pemikiran dan perasaan hati dan hendaklah bertindak di antara satu sama lain dengan semangat persaudaraan.

• Perkara 2.

Setiap orang hendaklah berhak kepada semua hak dan kebebasan yang termaktub dalam Perisytiharan ini, tanpa sebarang apa jua pembezaan, seperti bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, agama, faham politik atau fahaman lain, asal-usul bangsa keturunan atau sosial, harta-benda, kelahiran atau apa-apa taraf lain.

Seterusnya, tiada sebarang pembezaan boleh dibuat berasaskan pada taraf politik atau bidang kuasa ataupun status antarabangsa sesebuah negara atau wilayah asal seseorang itu, sama ada ia merdeka, berañanah, tanpa pemerintahan sendiri atau berada di bawah apa-apa sekatan kedaulatan lainnya.

- Teka silang kata
- Peta negara
- Gambar kumpulan-kumpulan etnik yang berbeza

III PROSEDUR

A. Pembukaan

Guru meminta pelajar bermain teka silang kata “Bulatkan Perkataan” (*Loop a word*). Guru memberitahu mereka supaya membuat lingkungan bulat kepada semua nama kumpulan etnik yang ditemui dalam silang kata.

A	S	R	S	F	Q	R	Y	U	N	M	D
X	V	M	E	L	A	Y	U		U	H	A
Z	C	B	O	I	T	R	E	I	O	L	Y
C	I	N	A	M	E	L	A	N	A	U	A
K	B	A	J	A	U	Z	Q	D	Y	L	K
E	A	N	P	L	I	U	Y	I	J	B	Y
R	N	E	G	R	U	H	B	A	N	A	U
I	U	G	K	A	D	A	Z	A	N	N	M
N	J	R	R	S	U	K	F	L	X	J	K
C	D	I	L	E	F	J	A	W	A	A	G
I	A	T	E	M	I	A	R	T	S	R	F
E	X	O	Y	A	S	K	J	A	K	U	N
O	Z	E	T	I	D	U	F	E	D	C	V

Nota: Ubah perkataan berdasarkan kumpulan etnik yang terdapat dalam sesebuah negara.

1. Aktiviti

Guru menampalkan peta negara dan menunjukkan gambar kumpulan-kumpulan etnik. Guru mengarahkan pelajar untuk menampalkan gambar tersebut di atas peta di mana setiap kumpulan etnik boleh ditemui.

Guru meminta pelajar memberi penerangan mengenai setiap kumpulan etnik. Guru menulis di papan tulis jawapan pelajar menggunakan Jadual 1 di bawah, berdasarkan persamaan dan perbezaan. Guru mengambil catatan mengenai keterangan negatif (berat sebelah/ stereotaip)

JADUAL 1. Persamaan dan Perbezaan

Kumpulan etnik	Persamaan	Perbezaan	Berat Sebelah / Stereotaip

Contoh berat sebelah

“Orang Jakun pengotor”

“Orang Iban jahat”

2. Analisis

Guru bertanya pelajar soalan berikut:

- Apakah yang anda faham mengenai kumpulan etnik daripada penerangan tersebut?

Jawapan yang dijangkakan:

Mereka berbeza daripada kita dalam pelbagai cara.
Kita juga mempunyai banyak persamaan.

- Adakah diskriminasi etnik berlaku? Berikan contoh.
- Bagaimanakah diskriminasi memberi kesan kepada perhubungan kita dengan orang daripada kumpulan etnik lain?
- Apakah tingkah laku yang sepatutnya diamalkan kepada orang yang daripada kumpulan etnik berbeza?

Guru mencatat jawapan di papan tulis.

3. Ringkasan

Guru membuat ringkasan terhadap jawapan yang ditulis di papan tulis dengan memfokuskan soalan terakhir.

Guru menerangkan konsep kesamarataan berdasarkan Perkara 1 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat.

Guru menekankan perkataan *manusia, bebas, sama rata, harga diri, hak, bertimbang rasa, hati nurani, persaudaraan* (perpaduan dengan setiap orang) sebagai elemen penting dalam Perkara 1 dan dasar kepada hak asasi manusia.

Guru meringkaskan Perkara 1 dengan mengatakan bahawa semua manusia mempunyai hak asasi yang sama.

Guru kemudiannya menerangkan konsep tiada-diskriminasi berdasarkan Perkara 2 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat.

Guru menekankan bahawa di bawah Perkara 2, *semua manusia, tanpa sebarang bentuk diskriminasi, adalah berhak kepada semua hak dan kebebasan* yang termaktub dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat.

Guru meringkaskan Perkara 2 dengan mengatakan bahawa diskriminasi terhadap orang lain merupakan pencabulan hak asasi manusia.

Dengan menggunakan 2 Perkara ini, guru menerangkan bahawa kepelbagaian etnik membezakan sesebuah kumpulan dengan kumpulan yang lain, tetapi ia tidak boleh dijadikan halangan kepada anggota kumpulan etnik tersebut menikmati dan merealisasikan hak asasi mereka. Mereka juga mempunyai hak yang sama dengan orang lain. Mereka berhak untuk tidak didiskriminasikan.

4. Aplikasi

Guru meminta pelajar membuat beberapa kumpulan dan membincangkan cara yang praktikal untuk mengatasi sikap berat sebelah dan stereotaip dengan menggunakan maklum balas dalam Jadual 1. Guru meminta pelajar menulis idea mereka dalam helaian kertas besar yang mengandungi dua kolum – satu untuk sikap berat sebelah dan stereotaip dan satu lagi untuk cara praktikal untuk mengatasinya.

5. Penutup

Guru mengakhiri sesi dengan memberitahu pelajar bahawa setiap orang mempunyai sikap berat sebelah dan stereotaip terhadap orang lain. Guru menerangkan bahawa hak asasi menyediakan prinsip-prinsip di mana sikap berat sebelah dan stereotaip (yang biasanya menjadi punca amalan diskriminasi) boleh dikaji dan diperbetulkan. Guru mengakhiri sesi dengan kenyataan berikut:

Diskriminasi merupakan pencabulan hak asasi manusia yang bukan sahaja menjadikan kumpulan etnik sebagai mangsa, malah setiap individu lain kerana ia mempromosikan idea ketidaksamarataan.

IV PENILAIAN

Guru boleh menggunakan mana-mana cara yang sesuai untuk menilai pemahaman pelajar mengenai hak kepada kebebasan dari diskriminasi. Penilaian boleh dibuat sebelum Penutup.

HAK PEKERJA ASING

Pekerja asing bukan lagi asing kepada kebanyakan orang kerana ahli keluarga mereka sendiri ialah pekerja asing atau pekerja asing yang tinggal dalam masyarakat mereka. Pekerja asing menjadi pekerja sokongan dalam industri yang biasanya berintensif buruh seperti ladang pertanian dan kilang. Sesetengahnya bekerja sebagai pembantu rumah. Dalam keadaan tertentu, kehadiran mereka amat penting kerana pekerja tempatan kurang minat untuk melakukan kerja-kerja itu. Dalam kebanyakan keadaan, pekerja asing bekerja dalam sesebuah negara untuk tempoh masa yang ditetapkan. Dalam banyak keadaan, pekerja asing berpuas hati dengan suasana bekerja. Ada juga keadaan yang pekerja asing menderita akibat penderaan majikan seperti suasana bekerja yang teruk, gaji tidak dibayar dan keadaan tempat tinggal yang tidak memuaskan. Sesetengah pekerja asing juga menjadi mangsa agensi pekerjaan yang tidak sah. Memandangkan manfaat yang diperoleh daripada pekerja asing kepada negara asal dan negara tempat bekerja, maka hak mereka hendaklah dilindungi. Mereka berhak mendapat sokongan yang sesuai (dalam bentuk kewangan dan bentuk lain) sebagai balasan kepada tenaga buruh yang ditawarkan.

Topik	: Pekerja asing
Tahap	: Menengah atas
Subjek	: Pengajian Sosial
Konsep Hak asasi manusia	: Hak untuk suasana bekerja yang wajar dan berpatutan.
Peruntukan masa	: Satu sesi

I OBJEKTIF

Pelajar berupaya untuk:

- Menerangkan pahit getir yang dihadapi oleh pekerja asing di negara dan kawasan yang didiami.
- Menyatakan bahawa setiap orang berhak untuk bekerja, untuk mendapat suasana bekerja yang wajar dan berpatutan.

II SUMBER

- Perkara 23 (3) dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat
Setiap orang yang bekerja adalah berhak kepada pembayaranaraan yang adil dan berfaedah baginya yang memastikan diri dan keluarganya suatu kehidupan yang dengan kemuliaan manusia, dan ditambah, jika perlu, oleh cara-cara perlindungan sosial yang lainnya.

- Surat khabar atau artikel majalah tentang pekerja asing, terutamanya yang menunjukkan tahap pergerakan buruh asing di sesuatu kawasan atau di serata dunia.
- Video dokumentari /bahan bercetak tentang pekerja asing seperti video dokumentari tentang pekerja asing yang bertajuk *Silent Cries*.

III PROSEDUR

A. Pembukaan

Guru menunjukkan gambar-gambar pekerja binaan, pekerja ladang dan pembantu rumah (terutamanya pekerja asing) dalam negara ini.

Guru meminta pelajar menyenaraikan negara asal pekerja, dan apa yang diketahui tentang pekerja asing. Guru menyenaraikannya di sebelah tepi papan tulis atau di atas sekeping kertas besar, dan memberitahu bahawa senarai itu yang akan dirujuk lagi pada akhir pelajaran itu.

(Nota: Tujuan latihan adalah untuk mendapatkan gambaran yang menonjol tentang pekerja asing di negara berkenaan seperti yang dinyatakan dalam media massa dan daripada sumber tak formal.)

B. Perkembangan Aktiviti

1. Aktiviti

Guru menerangkan bahawa gambaran biasa tentang pekerja asing yang disenaraikan sebelum ini boleh dibandingkan dengan pengalaman pekerja asing itu sendiri yang ditayangkan dalam video dokumentari.

Guru memaparkan video dokumentari *Silent Cries*, atau dalam keadaan tiada pemain video, guru akan menceritakan kandungan video dokumentari itu.

Sinopsis "Silent Cries"

Abdul berasal dari Asia Selatan yang bekerja di pawagam di sebuah bandar raya di Asia Tenggara. Dia tidak pernah lagi melihat pasportnya sejak menyerahkannya kepada pihak majikan dua tahun lalu. Majikannya menyatakan bahawa pasportnya masih berada dengan Pejabat Imigresen. Setiap hari dia menghadapi risiko akan ditangkap oleh pihak polis kerana tidak dapat menunjukkan dokumen sah, misalnya pasport tentang kehadirannya di negara itu.

Negara tempat Abdul bekerja merupakan tempat tinggal sementara untuk lebih kurang 3 juta pekerja asing. Mereka datang dari beberapa negara di Asia Tenggara dan Asia Selatan untuk mencari kehidupan yang lebih selesa. Kehidupan sebagai pekerja asing bukan mudah sebenarnya.

2. Analisis

Guru bertanya soalan-soalan berikut kepada pelajar:

- Apakah pelanggaran undang-undang yang dihadapi oleh Abdul akibat perbuatan majikannya?
- Bagaimanakah anda merasakan pahit getir pekerja asing itu?
- Apakah masalah yang dihadapi oleh pekerja asing?
- Apakah perlindungan yang sepatutnya diberikan kepada pekerja asing dari segi hak pekerja?

Guru menyenaraikan jawapan pelajar pada papan tulis.

3. Ringkasan

Guru meringkaskan maklum balas pelajar dengan memberi penekanan kepada suasana kerja yang berbeza di kalangan pekerja asing.

Guru menerangkan bahawa dalam sistem hak asasi manusia peringkat antarabangsa, “pekerja asing” merujuk kepada orang yang “akan terlibat, dilibatkan atau telah dilibatkan dalam aktiviti bergaji dalam negara yang dia bukannya seorang warganegara. Perkataan asing dengan itu merujuk kepada bukan warganegara sebuah negara. Guru juga menerangkan bahawa terdapat “pekerja asing” yang berpindah dari satu kawasan negara (biasanya luar bandar) ke kawasan lain (biasanya kawasan bandar atau industri) untuk bekerja, yang hendaklah diperlakukan seperti warganegara negara itu.

Guru terus membincangkan peruntukan Perkara 23 (3) Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. Guru menekankan bahawa pekerja asing mempunyai hak yang sama dengan pekerja lain terhadap “penggajian yang wajar dan berpatutan” bagi memastikan dia dan keluarganya menjalani kehidupan yang bermaruah, dan ditambah pula, jika perlu, melalui perlindungan sosial.

Guru memaklumkan kepada pelajar bahawa masyarakat antarabangsa (yang diwakili oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu) telah menerima pakai perjanjian antarabangsa mengenai hak pekerja asing (Konvensyen Antarabangsa mengenai Perlindungan Hak Semua Pekerja Asing dan Keluarga Mereka). (Lihat Nota di bawah.)

Guru kemudian menerangkan bahawa perlu ada satu sistem untuk membantu pekerja asing mendapat manfaat daripada perjanjian antarabangsa ini.

4. Aplikasi

Guru meminta pelajar mencipta slogan atau perisytiharan lain yang boleh difikirkan untuk mempromosi hak pekerja asing.

5. Penutup

Guru memberitahu pelajar bahawa pekerja asing sama sahaja dengan mana-mana pekerja lain; pada umumnya, dia mempunyai hak sebagai manusia dan khususnya, hak sebagai pekerja. Sekarang ada cukup standard antarabangsa mengenai hak asasi manusia yang diwujudkan dari semasa ke semasa untuk melindungi, meningkatkan dan merealisasikan hak pekerja asing. Membantu pekerja asing merealisasikan hak mereka bukan sahaja mendatangkan manfaat kepada mereka sahaja malah masyarakat tempat mereka bekerja.

IV PENILAIAN

Guru meminta pelajar menyenaraikan beberapa hak utama pekerja asing dan bagaimana kerajaan seharusnya melindungi hak-hak itu.

V TUGASAN

Guru meminta pelajar berlatih menulis surat kepada ketua agensi kerajaan yang bertanggungjawab terhadap pekerja asing; mengingatkannya akan langkah-langkah yang mungkin boleh diambil untuk melindungi pekerja asing.

Maklumat Tambahan

Pada bulan Disember 1990, Perhimpunan Awam telah menerima pakai Konvensyen Antarabangsa mengenai Perlindungan Hak Semua Pekerja Asing dan Keluarga Mereka. Seperti juga perjanjian antarabangsa lain mengenai hak asasi manusia, Konvensyen itu menetapkan piawai yang mewujudkan model untuk undang-undang dan prosedur kehakiman dan pentadbiran bagi setiap negara. Kerajaan sesebuah negara akan meratifikasi atau menyetujui cadangan yang dibuat oleh Konvensyen untuk menerapkan peruntukannya dengan menerima pakai langkah-langkah yang perlu. Mereka mempertimbangkan hak pekerja asing yang telah dicemari supaya mendapat remedi dari segi undang-undang.

Hak asasi manusia dan Pekerja Asing

Pekerja asing bukanlah hasil kurun kedua puluh. Kaum lelaki dan perempuan telah meninggalkan kampung halaman mereka untuk mencari pekerjaan di mana-mana saja sejak upah/bayaran sebagai balasan kepada tenaga diperkenalkan. Bezanya hari ini, terdapat jauh lebih ramai pekerja asing berbanding dengan mana-mana zaman dalam sejarah manusia. Berjuta-juta manusia sekarang menyara hidup atau mencari pekerjaan bergaji – datang sebagai orang asing ke negara-negara yang didiami mereka. Tiada benua, tiada kawasan di dunia yang tidak mempunyai kumpulan pekerja asingnya.

Mengapakah mereka berhijrah?

Kemiskinan dan ketidakupayaan untuk mendapat saraan yang mencukupi atau mengeluarkan hasil yang mencukupi untuk menyara sendiri atau keluarga merupakan sebab utama penghijrahan dari satu negara ke negara lain. Keadaan ini bukan sahaja merupakan ciri-ciri penghijrahan dari negara miskin ke negara kaya, malah kemiskinan juga menggalakkan pergerakan dari negara membangun ke negara lain yang prospek pekerjaan sekurang-kurangnya lebih baik.

Ada sebab lain mengapa orang merantau untuk mencari pekerjaan. Peperangan, mogok awam, keselamatan tidak terjamin atau penindasan yang timbul daripada diskriminasi berdasarkan bangsa, asal usul etnik, warna, agama, bahasa atau perbezaan fahaman politik semuanya menyumbang kepada aliran pekerja asing.

Sumber: *Fact Sheet No. 24, The Rights of Migrant Workers, UN Office of the High Commissioner for Human Rights, Geneva, Switzerland;*
Laman web: www.unhchr.ch

KANAK-KANAK JALANAN

Kanak-kanak jalanan telah menjadi pemandangan biasa di bandar-bandar raya. Mereka merayau-rayau di jalan untuk menyara hidup dengan mengilap kasut, menjual rokok dan manisan, menyelongkar tempat sampah sarap dan meminta sedekah. Sesetengahnya menjadi mangsa pengedar dadah atau mengamalkan tabiat menghidu gam, atau telah beralih kepada melakukan jenayah kecil-kecilan. Kanak-kanak jalanan mengimpikan menjalani kehidupan sempurna yang dapat memenuhi kehendak mereka. Malangnya, tidak banyak peluang bagi mereka untuk keluar daripada situasi mereka. Mereka mempunyai hak yang sama dengan kanak-kanak yang tidak hidup dalam keadaan yang sukar. Mereka berhak mendapat perlindungan dan juga kemudahan yang membolehkan mereka menjalani kehidupan berperikemanusiaan dan memuaskan hati mereka.

Topik	:	Kanak-kanak Jalanan
Tahap	:	Menengah Rendah
Subjek	:	Pendidikan Sivik
Konsep Hak asasi manusia	:	Hak setiap kanak-kanak untuk perlindungan daripada eksploitasi ekonomi
Peruntukan masa	:	Satu sesi

I OBJEKTIF

Pelajar akan dapat

- Menerangkan bahawa setiap kanak-kanak berhak menjalani kehidupan yang sempurna, dan bebas daripada sebarang aktiviti eksploitasi atau berbahaya;
- Mengenalpastikan cara dan kaedah yang dapat membantu kanak-kanak jalanan.
- Membincangkan apa yang boleh disediakan oleh kerajaan/ negara untuk membantu ibu bapa atau penjaga sah kanak-kanak jalanan untuk merealisasikan hak mereka.

II SUMBER

- Perkara 32, Seksyen 1 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak,
(1) *Negara-negara Pihak mengiktiraf hak setiap kanak-kanak untuk dilindungi daripada dieksploitasi ekonomi dan daripada menjalankan apa-apa kerja yang berkemungkinan berbahaya atau mengganggu pendidikan kanak-kanak itu, atau yang memudaratkan kesihatan kanak-kanak atau perkembangan fizikal, mental, kerohanian kemoralan atau sosial kanak-kanak itu.*

(2) Negara-negara Pihak hendaklah mengambil langkah-langkah perundangan, pentadbiran, sosial dan pendidikan untuk memastikan pelaksanaan perkara ini. Dalam hal ini, dan setelah mengambil kira peruntukan yang berkaitan surattcara antarabangsa yang lain, Negara-negara Pihak hendaklah secara:-

- a. Membuat peruntukan mengenai umur minimum atau umur-umur minimum untuk bekerja;
- b. Membuat peruntukan mengenai pengawalseliaan waktu dan keadaan bekerja;
- c. Membuat peruntukan mengenai penalti yang sewajarnya atau apa-apa sanksi lain untuk memastikan penguatkuasaan yang berkesan perkara ini.

- Petikan daripada buku *Children of the Dust*

- Bahan bacaan daripada *Boy Beggar*.

III PROSEDUR

A. Pembukaan

Guru meminta pelajar membaca perenggan berikut:

Kehidupan di jalanan banyak ketidakpastian. Anda hidup dari hari ke hari. Kehidupan begitu menawarkan kebebasan untuk seketika, tetapi akhirnya anda hanya menipu diri sendiri. Saya telah mencuri banyak benda semasa saya hidup di jalanan. Saya tidak tahu sejauh mana jahatnya saya sehingga saya memutuskan untuk berhenti. Hati saya masih mengingati masa-masa itu, sehingga hanya sebahagian sahaja hati saya yang masih bersih. Saya mahu menyelamatkan apa yang masih ada untuk kebaikan sekarang dan masa depan saya.

- bekas kanak-kanak jalanan berumur 16 tahun (Petikan diambil dari Ngo Kim Cuc dan Mikel Flamm, *Children of the Dust*, World Vision International [Bangkok: 1996] halaman 5)

Guru kemudiannya meminta pelajar memikirkan tentang kanak-kanak jalanan yang ditemui dalam masyarakat mereka sendiri, dan memikirkan sama ada kanak-kanak jalanan itu juga mencuba menimbangkan masa depan mereka sendiri seperti bekas kanak-kanak jalanan itu.

B. Pembangunan Aktiviti

1. Aktiviti

Guru menunjukkan filem tentang kanak-kanak jalanan atau meminta pelajar membaca bahan bacaan berikut:

Santi berbadan kecil bagi kanak-kanak berusia 10 tahun. Dia kelihatan tidak begitu sihat dan selekeh. Kulitnya melepuh dan berpenyakit. Katanya bapanya meninggal dunia beberapa tahun yang lalu. Ibunya menyara hidup tujuh orang adik beradiknya sendirian dan mendapat rezeki dengan menjual rokok di pasar. Kini kakak-kakaknya telah bekerja di wilayah lain. Santi tidak dapat mengenal pasti asal usulnya kerana dia masih terlalu kecil semasa meninggalkan rumah.

Kata Santi dia datang ke bandar raya dengan seorang "nenek", orang yang kelihatannya tidak ada tali persaudaraan langsung dengannya. Menurutnyanya seorang lelaki berkereta mengambil mereka di kampung dan membawa mereka terus ke bandar.

"Neneknya" memaksa santi meminta sedekah dari subuh hingga tengah malam. Dia telah dibawa ke merata tempat untuk meminta sedekah oleh mereka yang tidak dikenalnya. Dia terpaksa mendapat jumlah wang yang tertentu setiap hari, jika tidak dia akan dipukul oleh "neneknya". Kata Santi "neneknya" menghabiskan semua wang tersebut dengan berjudi.

"Saya benci padanya kerana dia selalu memukul saya. Kadang-kadang saya cuba menyembunyikan duit syiling dalam baju saya, tapi dia menjumpainya dan mendera saya dengan teruk. Saya mahu lari daripadanya tapi saya tak tahu ke mana hendak pergi. Saya nak balik ke rumah untuk tinggal dengan keluarga saya, tapi saya tak tahu bagaimana," kata Santi.

Santi pernah ditangkap bersama-sama "neneknya" dan ditahan di balai polis selamanya sepuluh hari. Mereka dihantar pulang ke kampung mereka. Namun, tidak lama kemudian "neneknya" membawanya balik ke bandar dan perkara yang sama berulang kembali.

Dipetik daripada Ngo Kim Cuc dan Mikel Flamm, *Children of the Dust*, World Vision International [Bangkok: 1996] halaman 38

3. Analisis

Guru meminta pelajar melakukan perkara berikut:

- Letakkan lajur pertama dalam jadual di bawah huraian mengenai situasi Santi. Berikan 5 huraian. Letakkan keperluan asas Santi yang tidak dicapai pada lajur kedua berpadanan dengan huraian situasinya.

SITUASI SANTI

Huraikan mengenai Situasi Santi	Keperluan Asas yang Tidak diperoleh oleh Santi
1. dipaksa meminta sedekah	1. peluang untuk bermain atau menghabiskan masa dengan cara yang berguna atau kreatif
2. didera secara fizikal	2. keselamatan fizikal
3. keadaan fizikal yang teruk	3. pemakanan, sokongan perubatan yang cukup
4. terdedah kepada matahari sepanjang masa	4. perlindungan daripada unsur berbahaya seperti pancaran matahari, atau gas ekzos daripada kenderaan
5. tidak pergi ke sekolah	5. pendidikan
Nota: Entri dalam lajur ialah jawapan jangkaan	

- Siapakah yang mendapat manfaat daripada situasi Santi?
- Bagaimanakah situasi ini berlaku? Mengapa?
- Siapakah yang sepatutnya memenuhi keperluan Santi?

Jawapan ramalan:

Ibu bapa, saudara mara, individu prihatin

- Jika ibu bapa dan saudara-mara tidak dapat memenuhi keperluan kanak-kanak, siapakah yang boleh membantu mereka?

Jawapan ramalan:

Kerajaan, NGO, pihak berkuasa tempatan, institusi sosial

- Apakah yang mahu dilakukan oleh Santi?
- Apakah yang patut dilakukan oleh ibunya? Kerajaan?

Guru menulis jawapan pada papan tulis dan selepas itu meringkaskannya. Guru menekankan situasi Santi sebagai kes eksploitasi untuk manfaat ekonomi orang lain, bukan untuk kebajikan dirinya sendiri.

3. Ringkasan

Guru menerangkan hak perlindungan daripada eksploitasi ekonomi berdasarkan Perkara 32, Seksyen 1, Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak.

Guru menegaskan bahawa tujuan utama Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak adalah untuk memastikan kepentingan terbaik untuk kanak-kanak – orang yang berumur di bawah 18 tahun. Kepentingan terbaik untuk kanak-kanak dilaksanakan dengan membenarkan mereka membesar dari segi fizikal, mental, rohani, moral dan sosial. Dengan kata lain, perkembangan bakat kanak-kanak hendaklah disokong seboleh mungkin.

Guru menerangkan bahawa salah satu sebab biasa kegagalan kanak-kanak untuk mengembangkan bakat sepenuhnya adalah kemiskinan. Kemiskinan sebaliknya menyebabkan kanak-kanak terlibat dalam aktiviti yang membahayakan kesihatan, keselamatan dan perkembangan mereka.

Guru juga menerangkan bahawa hakikat kemiskinan bagi kanak-kanak yang bekerja untuk manfaat keluarga atau dirinya tidak dapat dielakkan. Perkara 32 Konvensyen itu menetapkan had kepada situasi ini. Kanak-kanak tidak sepatutnya dieksploitasikan untuk maksud ekonomi. Bantuan mereka dalam aktiviti ekonomi keluarga mungkin diperlukan tetapi bukanlah sehingga meletakkan mereka dalam situasi yang membahayakan mereka. Kalau tidak, berlaku eksploitasi ekonomi. Konvensyen itu melihat eksploitasi ekonomi sebagai pelanggaran hak kanak-kanak termasuklah hak mendapat pendidikan, penjagaan kesihatan, keselamatan fizikal dan riadah/bermain. Konvensyen itu menggesa sokongan ibu bapa, penjaga sah, institusi, kerajaan mahupun masyarakat antarabangsa dalam menyelesaikan isu yang sukar ini.

Mesti ada peruntukan undang-undang berkaitan umur minimum, jam bekerja dan syarat pekerjaan yang mengawal situasi kanak-kanak yang bekerja. Dan penalti mesti dikenakan terhadap pelanggaran keperluan sedemikian. Dengan cara ini eksploitasi kanak-kanak untuk tujuan ekonomi boleh dihalang.

Guru juga menekankan bahawa Konvensyen itu memberi hak kepada kanak-kanak untuk menyatakan pandangannya sendiri dan turut serta dalam usaha memberi perlindungan kepadanya atau kemudahan untuk perkembangan dan pembesarannya.

4. Aplikasi

Guru meminta pelajar melengkapkan lajur yang disediakan dalam jadual di bawah dengan bertanya soalan: Untuk membantu kanak-kanak seperti Santi, apakah yang akan anda lakukan?

MEMBANTU SANTI

HENTI	MULA	TERUS
<ul style="list-style-type: none"> Tidak pedulikan kanak-kanak jalanan 	<ul style="list-style-type: none"> Memerhatikan kehadiran kanak-kanak jalanan dalam masyarakat Mengetahui dan memahami cerita mereka dan bertanya tentang pandangan mereka tentang bagaimana untuk membaiki situasi mereka Bertanya kepada agensi kerajaan yang bertanggungjawab terhadap program untuk kanak-kanak tentang bantuan kepada kanak-kanak jalanan 	<ul style="list-style-type: none"> Memantau masyarakat untuk melihat jika ada sebarang perubahan dalam situasi kanak-kanak jalanan

5. Penutup

Guru mengakhiri sesi dengan mengingatkan pelajar tentang impian kanak-kanak yang bekerja. Guru menyatakan bahawa kanak-kanak jalanan berhak merealisasikan hak mereka melalui usaha mereka sendiri dan orang lain, terutamanya ibubapa.

IV PENILAIAN

Guru membaca situasi di lajur kiri jadual di bawah dan meminta pelajar menyediakan jawapan di lajur kedua, ketiga dan lajur akhir.

Situasi	Hak dicabuli	Tanggungjawab Ibu bapa	Agensi yang bertanggungjawab
Kanak-kanak bekerja	Hak Pendidikan	Menghantar mereka ke sekolah	Sekolah Kerajaan (untuk pendidikan percuma)
Kanak-kanak kurus			
Kanak-kanak berpakaian compang-camping			
Kanak-kanak tidur di bawah pokok atau di bawah gerai di pasar			
Kanak-kanak ke sekolah pada waktu siang dan bekerja pada waktu malam			

Nota: Entri di barisan pertama ialah sampel jawapan

V TUGASAN

Guru memberi tugas kepada pelajar dengan memberikan arahan berikut:

- a) Menemu duga kanak-kanak jalanan dalam masyarakat anda sendiri untuk mengetahui mengapa dan bagaimana mereka menjalani kehidupan pahit getir itu.
- b) Drafkan surat yang dialamatkan kepada agensi (kerajaan atau bukan kerajaan) yang dapat membantu kanak-kanak itu.
- c) Laporkan temu duga itu dan persembahkan draf surat itu dalam kelas pada sesi akan datang.

HAK KEPADA PENYERTAAN

Sistem masyarakat masa kini menekankan kuasa warganegara untuk meletakkan tanggungjawab kepada kerajaan terhadap tindakan mereka. Idea seperti tatacara pentadbiran yang baik, akauntabiliti dan ketelusan menggambarkan pandangan ini. Dari segi istilah yang mantap, rakyat berhak (individu atau kumpulan) mengetahui dasar, program dan aktiviti kerajaan yang diadakan untuk kepentingan rakyat. Mereka boleh mengambil langkah selanjutnya dengan mengambil bahagian bersama-sama kerajaan dengan mendrafkan cadangan tentang bagaimana untuk meningkatkan sistem kerajaan atau menukar keutamaan kerajaan. Mereka boleh juga boleh mengambil tindakan (seperti memfailkan aduan terhadap pegawai kerajaan) untuk menuntut keutamaan perkhidmatan awam dalam kerja semua pegawai kerajaan. Oleh itu, hak penyertaan, iaitu suatu hak asasi manusia, dengan itu diadakan untuk dimanfaatkan oleh warganegara sendiri dan masyarakat secara keseluruhan.

Topik	: Belanjawan dan Percukaian Negara
Tahap	: Sekolah Menengah
Subjek	: Ekonomi, Pengajian Sosial
Konsep Hak asasi manusia	: Hak penyertaan dan akses kepada maklumat
Peruntukan masa	: Satu sesi

I. OBJEKTIF

Para pelajar akan dapat:

- Menaksir jika terdapat keseimbangan atau ketidakseimbangan antara pendapatan negara dengan perbelanjaan negara.
- Mengenal pasti bahawa rakyat mempunyai hak penyertaan dan hak untuk mendapat maklumat
- Mengenal pasti cara yang rakyat boleh turut serta dalam membuat belanjawan negara.

II SUMBER

- Perkara 21 (1) Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat, *Setiap orang berhak mengambil bahagian dalam kerajaan negaranya, secara langsung atau melalui wakil-wakil yang dipilih dengan bebas.*
- Poster yang meringkaskan perkara utama dalam belanjawan negara (pendapatan dan perbelanjaan) dan jumlahnya.
- Bahan bacaan: *Belanjawan Negara*

III PROSEDUR

A. Pembukaan

Guru menunjukkan sebuah poster yang menyenaraikan jumlah pendapatan dan perbelanjaan kerajaan untuk pelbagai item kepada pelajar. Guru memaklumkan bahawa senarai itu ialah belanjawan negara.

B. Pembangunan Aktiviti

1. Aktiviti

Guru meminta pelajar membaca artikel bertajuk *Belanjawan Negara* (atau mana-mana dokumen lain yang menerangkan belanjawan negara) dalam masa sepuluh minit.

Belanjawan Negara

Belanjawan Negara terdiri daripada dua bahagian: pendapatan dan perbelanjaan. Pendapatan termasuklah semua pendapatan kerajaan daripada pelbagai sumber, manakala perbelanjaan merupakan perbelanjaan kerajaan yang ditanggung untuk pelbagai perkara. Jika perbelanjaan negara melebihi pendapatan kerajaan, maka berlakulah defisit belanjawan negara.

Belanjawan negara disediakan setiap tahun. Pelan belanjawan negara didrafkan oleh Kementerian Kewangan berdasarkan pelan draf belanjawan yang dikemukakan oleh semua kementerian dan institusi kerajaan. Pelan belanjawan negara diluluskan dalam dua peringkat, iaitu Badan Eksekutif (melalui Kabinet) dan Badan Perundangan (Parlimen). Parlimen khususnya berhasrat untuk mengetahui sama ada peruntukan dalam pelan belanjawan adalah sesuai. Parlimen boleh memutuskan untuk memperuntukkan semula lebih banyak wang kepada kementerian yang perlu melaksanakan tugas dengan segera dan mendapat keutamaan.

Perbelanjaan keutamaan (yang diberikan lebih banyak dana) ditentukan oleh kerajaan berdasarkan situasi negara.

Kerajaan perlu memperoleh pendapatan bagi menampung perbelanjaan di bawah belanjawan negara. Kerajaan memperoleh pendapatan daripada pelbagai sumber seperti cukai pendapatan. Individu dan syarikat membayar cukai kepada kerajaan setiap tahun atau pada tempoh tertentu dalam tahun berkenaan berdasarkan jumlah pendapatan mereka.

Selain cukai pendapatan individu dan pendapatan korporat, kerajaan boleh memperoleh pendapatan daripada sumber lain, seperti

- Jualan atau sewaan daripada aset negara seperti kilang atau syarikat kerajaan, tanah awam, dan hutan;
- Cukai atas penggunaan jalan, lapangan terbang, dan kemudahan pos serta telekomunikasi;
- Caj untuk perkhidmatan kerajaan seperti pengeluaran surat-surat kerajaan, sijil perkahwinan, dan lesen;
- Denda yang dikenakan, antaranya, atas pelanggaran peraturan lalu lintas atau kerana menyebabkan pencemaran alam sekitar.

Belanjawan negara merupakan sumber yang digunakan oleh kerajaan untuk melaksanakan fungsinya dengan menyediakan kemudahan kepada orang ramai.

2. Analisis

Guru meminta pelajar mengkaji poster tentang belanjawan negara itu dan bertanya soalan berikut:

- a) Adakah warganegara mempunyai hak untuk mengetahui bagaimana wang mereka (bayaran cukai) dibelanjakan?
- b) Apakah sepatutnya yang menjadi perbelanjaan utama?
- c) Adakah anda bersetuju dengan cara kerajaan membelanjakan wang cukai?
- d) Apakah perubahan terhadap belanjawan negara yang anda cadangkan? (Terangkan jawapan anda)
- e) Pada pendapat anda, mengapakah kerajaan memerlukan pendapatan?
- f) Adakah terdapat keseimbangan antara pendapatan dengan perbelanjaan?
- g) Apakah tugas warganegara untuk membantu kerajaan memperoleh pendapatan?
- h) Patutkah warganegara mengambil bahagian dalam membuat belanjawan negara? Mengapa? Mengapa tidak?
- i) Bagaimanakah warganegara boleh mengambil bahagian dalam membuat belanjawan negara?

Guru menulis ringkasan jawapan untuk semua soalan pada papan tulis.

3. Ringkasan

Dengan menggunakan ringkasan jawapan yang ditulis pada papan tulis, guru terus mengemukakan hak asasi manusia yang terlibat: hak penyertaan dan hak akses kepada maklumat awam.

Guru menulis pernyataan berikut pada papan tulis: *Setiap orang berhak mengambil bahagian dalam kerajaannya secara langsung atau melalui wakil yang dipilih secara bebas*. Guru menerangkan bahawa pernyataan ini diambil daripada Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. Hak ini merujuk kepada penyertaan rakyat dalam kerajaan dalam pelbagai cara – secara langsung atau tidak langsung. Rakyat boleh mengambil bahagian dalam kerajaan secara langsung melalui mekanisme yang sedia ada seperti mengambil bahagian dalam mesyuarat kerajaan (melalui pembicaraan yang dianjurkan oleh parlimen) atau dengan memasuki perkhidmatan kerajaan (menjadi pegawai awam).

Perhimpunan masyarakat tempatan yang membincangkan isu awam, juga merupakan satu bentuk “mengambil bahagian dalam kerajaan”. Penyertaan secara tidak langsung boleh wujud dalam bentuk undian. Rakyat boleh mengambil bahagian dengan memilih orang yang sesuai untuk menjadi pegawai kerajaan. Mereka boleh mengundi untuk orang yang difikirkan boleh melaksanakan idea dan hasrat mereka.

Guru menyebut bahawa di bawah satu lagi instrumen hak asasi manusia, peruntukan di bawah Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat dijelaskan lagi. Perkara 25 (a) Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Sivill dan Hak Politik memperuntukkan bahawa,

Setiap orang adalah berhak kepada semua hak dan kebebasan yang termaktub dalam perisytiharan ini, tanpa sebarang apa jua pembedaan yang disebut dalam Perkara 2 dan tanpa sekatan yang tidak munasabah:

- (a) *Untuk mengambil bahagian dalam pelaksanaan hal-ehwal rakyat secara langsung atau tidak langsung melalui wakil yang dilantik secara bebas.*

Guru menerangkan bahawa peruntukan ini ditafsirkan untuk merangkumi bukan sahaja pengundian dalam pilihan raya tetapi juga mengambil bahagian dalam membuat rumusan dan melaksanakan dasar kerajaan. Guru juga menekankan bahawa hak penyertaan memerlukan aliran bebas tentang maklumat yang berkaitan dengan isu awam.

Guru mengaitkan peruntukan hak asasi manusia dengan isu belanjawan negara dengan menerangkan bahawa cukai dan kegunaannya oleh kerajaan merupakan isu awam yang boleh dibincangkan dengan kerajaan. Guru membuat kesimpulan dengan menyatakan perkara yang berikut:

Hak untuk mengambil bahagian dalam melaksanakan hal-ehwal awam meliputi penyertaan warganegara dalam proses kerajaan menyediakan belanjawan negara. Walau bagaimanapun, untuk menguatkuasakan hak ini dengan berkesan, hak rakyat untuk mendapatkan akses kepada

maklumat awam hendaklah dipenuhi. Kerajaan bertanggungjawab untuk menyediakan maklumat yang perlu kepada rakyat seperti dokumen tentang belanjawan negara, dan peluang untuk orang menyatakan pandangan mereka tentang belanjawan itu. Mempunyai peluang untuk menentukan bagaimana cukai dibelanjakan merupakan hak warganegara.

4. Aplikasi

Jika ada masa, guru akan meminta pelajar menjawab ujian berikut di dalam kelas. Sebaliknya, guru akan memberi tugasan di rumah.

Guru memberikan arahan berikut: Sila jawab soalan berikut:

- a) Terangkan keseimbangan atau ketidakseimbangan antara perbelanjaan dengan pendapatan dalam belanjawan negara.
- b) Bagi tahun semasa, apakah perbelanjaan keutamaan kerajaan?
- c) Jika anda seorang ahli parlimen, apakah cadangan yang akan anda berikan untuk menyeimbangkan perbelanjaan dengan pendapatan negara?

5. Penutup

Guru mengingatkan pelajar untuk memikirkan pandangan mereka terhadap mesej berikut:

Membayar cukai dan mengambil bahagian dalam menentukan corak perbelanjaan merupakan satu nilai yang seharusnya menjadi pegangan bagi semua rakyat demi pembangunan ekonomi negara.

IV PENILAIAN

Guru boleh menggunakan apa-apa cara yang sesuai untuk menilai kefahaman pelajar tentang hak penyertaan dalam hal-ehwal rakyat. Penilaian boleh dibuat sebelum Penutup.

Takrif terma

Hak politik – hak individu yang berkaitan dengan penyertaan mereka dalam kerajaan.

Hak penyertaan – hak untuk mengambil bahagian dalam aktiviti berkaitan dengan tatacara pentadbiran dan masyarakat.

Hak maklumat awam – hak untuk meminta kerajaan menyediakan maklumat tentang hal-hal awam kepada rakyat.

Maklumat Tambahan

Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Awam dan Hak Politik merupakan instrumen antarabangsa yang melaksanakan peruntukan hak awam dan hak politik dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. Perhimpunan Umum Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menerima pakainya pada 16 Disember 1966. Instrumen ini dilaksanakan pada 23 Mac 1976 oleh negara yang meratifikasikannya. Biasanya ratifikasi bermakna kelulusan oleh parlimen terhadap penandatanganan perjanjian oleh wakil-wakil kerajaan. Di Asia Tenggara, Kemboja, Filipina, Thailand dan Vietnam telah menandatangani dan meratifikasi perjanjian ini.

HAK KEPADA PERLINDUNGAN

Piawaian antarabangsa mengenai hak asasi manusia hendaklah diterjemahkan kepada undang-undang dan mekanisme negara. Sistem kehakiman (terdiri daripada mahkamah, hakim, pendakwa raya dan peguam) merupakan satu mekanisme yang mempengaruhi hak asasi manusia. Sistem penyelesaian pertelingkahan pada peringkat kampung juga merupakan satu mekanisme. Malah, prosedur undang-undang yang tertentu boleh digunakan pada peringkat ini. Dalam kebanyakan keadaan, pelanggaran hak asasi manusia berlaku akibat kurang pengetahuan tentang prosedur undang-undang yang diperlukan untuk melindungi atau menguatkuasakan hak itu. Oleh itu, pengetahuan tentang prosedur undang-undang adalah penting untuk hak asasi manusia.

Topik	: Prosedur Undang-undang
Tahap	: Menengah Atas
Subjek	: Pengajian Sosial
Konsep Hak asasi manusia	: Hak Perlindungan
Peruntukan masa	: Satu Sesi

I OBJEKTIF

Para pelajar akan dapat:

- Mengenal pasti hak tertuduh
- Menerangkan prosedur undang-undang yang relevan untuk melindungi hak mereka.
- Menerapkan proses undang-undang dalam mengendalikan sesuatu konflik.
- Menyelesaikan suatu konflik melalui proses undang-undang dan kaedah lain yang tidak ganas.

II SUMBER

- Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat
- Sumber pengajaran:
 - Slaid atau poster tentang Perkara Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat.
 - Slaid tentang konsep nilai
 - Petikan daripada buku tentang prosedur undang-undang.

III PROSEDUR

A. Pembukaan

Guru menyebut perkara berikut: “Dalam negara yang mempunyai undang-undang, individu hendaklah melakukan apa saja berlandaskan undang-undang. Seseorang yang dituduh melakukan apa-apa jenayah atau salah laku akan dihukum jika terbukti bersalah di mahkamah atas tuduhan itu.

Tetapi walaupun undang-undang itu dilaksanakan dengan berkesan, konflik dan pelanggaran undang-undang kerap berlaku di kalangan rakan-rakan, saudara-mara, dan jiran tetangga. Proses undang-undang hendaklah digunakan untuk menyelesaikan konflik itu.

B. Perkembangan Aktiviti

1. Aktiviti

Guru meminta pelajar melengkapkan jadual berdasarkan arahan berikut:

“ Senaraikan jenis konflik dan pelanggaran undang-undang yang berbeza yang berlaku dalam masyarakat anda.” Guru boleh menulis pada papan tulis mana-mana contoh berikut:

Konflik dan Pelanggaran Undang-undang	
Kecurian, rompakan, dan penipuan	Tindakan menyebabkan kecederaan
Perceraian	Pertelingkahan
Fitnah	Rebutan kuasa di kalangan pemimpin masyarakat
Pencerobohan	Penggunaan senjata tanpa kebenaran
Pembunuhan	Penculikan

2. Analisis

Guru bertanya:

- a) Antara yang telah anda senaraikan, konflik dan pelanggaran undang-undang yang mana yang sering anda alami?
- b) Apakah kesannya?
- c) Jika konflik atau pelanggaran undang-undang berlaku dalam keluarga anda, bagaimana anda menyelesaikannya?
- d) Bagaimanakah perasaan anda jika kekerapan pelanggaran undang-undang meningkat dalam masyarakat anda? Bagaimanakah reaksi anda terhadap perkara itu?

3. Ringkasan

Guru memudahkan perbincangan dengan mengaitkannya dengan mesej pembelajaran:

Penglibatan aktif tanpa keganasan merupakan tindak balas untuk menyelesaikan konflik melalui kaedah yang aman.

Hak untuk terus berdiam dan enggan menandatangani dokumen tanpa berunding dengan penasihat undang-undang merupakan salah satu hak

tertuduh.

Prosedur undang-undang digunakan untuk melindungi setiap orang terhadap perlakuan tidak berperikemanusiaan atau penderaan.

Guru meminta pelajar membaca perkara berikut:

Hak yang Tertuduh

Setiap orang hendaklah diperlakukan secara adil menurut undang-undang. Undang-undang tidak membenarkan perlakuan tidak berperikemanusiaan kepada sesiapa sahaja. Ia juga melindungi kehidupan, maruah dan kehormatan setiap individu. Sabitan, penangkapan, atau penahanan mana-mana individu hendaklah dilakukan menurut undang-undang.

Sesiapa yang tertuduh melakukan sebarang jenayah berhak mendapatkan saksi dan peguam untuk membela dirinya. Apabila seorang polis menangkap seseorang atau menyamannya di mahkamah, dia berhak bertanya tentang waran tangkap atau sapena yang dikeluarkan oleh mahkamah dan menyemak sama ada namanya ditulis pada waran atau sapena itu. Dalam situasi ini, orang itu hendaklah terus berdiam dan jangan menandatangani apa-apa dokumen sehingga setelah berunding dengan peguam. Peras ugut, ugutan, atau paksaan secara fizikal hendaklah dilaporkan serta-merta kepada peguam. Jika harta dan aset seseorang dirampas, orang itu berhak meminta polis mengeluarkan inventori bagi harta atau aset yang dirampas. Polis hanya boleh menahan tertuduh dengan perintah mahkamah.

Hak terhadap Peguam

Peguam membantu kes di mahkamah selepas tertuduh meminta peguam membela kesnya. Semasa perbicaraan, peguam boleh berkomunikasi dengan tertuduh. Jika tertuduh tidak mampu menggaji seorang peguam, hakim akan melantik seorang peguam untuk tertuduh.

Pertelingkahan Peringkat Kampung

Pertengkar antara jiran atau di kalangan saudara-mara dalam kampung yang sama mungkin disebabkan oleh mana-mana perkara yang berikut:

1. fitnah
 2. perceraian
 3. pertengkar menyebabkan kecederaan
 4. penderaan seksual
 5. pergaduhan merebut seseorang
 6. pergaduhan akibat mabuk
 7. tekanan tidak wajar daripada orang yang berkuasa
 8. rompakan
 9. perjudian
 10. pembunuhan
 11. pertelingkahan tentang tanah
-

Penyelesaian masalah di kampung hendaklah menggunakan kaedah aman dan bertujuan untuk berbaik semula. Pihak berkuasa yang kompeten hendaklah berhubung dengan pihak-pihak yang terlibat dengan pertelingkahan dan mencari peluang untuk berbaik dan hendaklah bersikap adil, fleksibel, berlemah lembut dan ramah. Mereka juga hendaklah mempunyai pengalaman dari segi undang-undang untuk mendapat keyakinan orang awam.

Orang yang membuat pertuduhan hendaklah membuktikan pertuduhan mereka. Orang yang dituduh menyebabkan pertelingkahan hendaklah diberi peluang untuk didengari atau membela diri mereka.

Jika berbaik semula tidak mungkin dicapai, kes hendaklah dirujuk kepada mahkamah.

Guru kemudiannya mengarahkan pelajar memahami peruntukan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat yang dipersembahkan dalam versi yang lebih mudah.

Untuk mempertahankan keamanan, keselamatan, dan kebajikan setiap orang, semua orang dan semua negara mestilah menghormati Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat.

Perkara berikut adalah berkaitan:

- Perkara 5: Tiada sesiapa pun yang berhak untuk menganiaya anda
- Perkara 6: Dari segi undang-undang, anda sepatutnya dilindungi sama rata, di mana-mana, dan sama seperti orang lain
- Perkara 7: Undang-undang adalah sama kepada semua orang; ia hendaklah diterima pakai sama rata kepada semua orang
- Perkara 8: Anda sepatutnya boleh meminta bantuan guaman apabila hak yang diberikan oleh negara anda tidak dihormati
- Perkara 9: Tiada sesiapa pun yang berhak memenjarakan anda, membiarkan anda di dalam penjara, atau dibuang negeri tanpa diadili, atau tanpa alasan yang munasabah
- Perkara 10: Jika anda mesti melalui perbicaraan, perbicaraan itu hendaklah dijalankan di hadapan khalayak ramai. Orang yang mengadili anda hendaklah tidak dipengaruhi oleh orang lain.
- Perkara 11: Anda sepatutnya dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah dan anda hendaklah sentiasa berhak membela diri anda. Tiada siapa yang berhak menghina anda dan menghukum anda atas sesuatu yang tidak anda lakukan.

Sumber: *ABC - Teaching Human Rights, United Nation (New York: 1989)*

4. Penutup

Guru meminta pelajar memikirkan sebarang perumpamaan atau slogan yang berkaitan dengan perlindungan hak seseorang. Misalnya, “Kita tidak boleh dibelenggu ketakutan; kita hendaklah maju dan tampil ke hadapan dan bersedia menerima cabaran.”

IV PENILAIAN

Guru meminta pelajar melukis palang dalam lajur yang berkaitan yang mewakili hak atau tanggungjawab tertuduh, peguam dan hakim:

Hak dan Tanggungjawab	Hakim/Mahkamah	Peguam	Tertuduh
1. Meminta waran tangkap			
2. Menghubungi defendan			
3. Memfail tuntutan			
4. Menasihati tertuduh			
5. Meminta polis mengeluarkan laporan rampasan			
6. Mengesahkan waran tangkap			
7. Semak tuntutan yang difailkan			
8. Tidak menandatangani sebarang dokumen tanpa berunding dengan peguam.			
9. Diletakkan di bawah tahanan hanya dengan perintah mahkamah			

V TUGASAN

Guru meminta pelajar mengenal pasti prosedur undang-undang untuk kes kecurian yang telah difailkan di mahkamah.

HAK KEPADA PEMBANGUNAN

Kemiskinan boleh terjadi dalam pencabulan hak asasi manusia. Orang miskin lebih cenderung menjadi mangsa pencabulan hak asasi manusia disebabkan keadaan mereka yang lemah dan terpinggir. Mereka sering kali tidak dapat mencari penyelesaian apabila hak asasi mereka dicabuli kerana mereka merasakan bahawa mereka tidak mempunyai kuasa.

Keadaan ekonomi manusia mempunyai kesan yang mendalam terhadap perlindungan dan pelaksanaan hak mereka. Semakin miskin seseorang, semakin banyak hak asasinya dicabuli. Demikian juga, negara yang lebih miskin adalah lebih cenderung untuk kurang mendapat faedah dari ekonomi mereka sendiri yang dikawal oleh sistem ekonomi dan kewangan antarabangsa.

Kemiskinan merupakan isu utama Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Ia menerima dan mengamalkan Perisytiharan Milenium PBB untuk menjadikan

“hak kepada pembangunan satu kenyataan untuk setiap insan dan untuk membebaskan seluruh umat manusia dari berkehendak. Ia menyedari bahawa kemajuan bergantung kepada perkembangan ekonomi yang mapan, yang memfokuskan kepada golongan miskin, yang memusatkan hak asasi manusia sebagai tumpuan utama. Objektif Perisytiharan adalah untuk mempromosikan “pendekatan yang menyeluruh dan strategi yang bersepadu, menangani pelbagai masalah secara serentak merentasi kawasan yang luas”.

Perisytiharan ini menyeru agar jumlah mereka yang hidup dengan pendapatan kurang daripada seringggit sehari dapat dikurangkan sehingga separuh menjelang tahun 2015. Usaha ini juga termasuk mencari penyelesaian terhadap masalah kebuluran, kekurangan makanan berkhasiat dan penyakit, mempromosikan kesaksamaan jantina dan memperkasa wanita, menjamin pendidikan asas kepada setiap insan, dan mendokong prinsip-prinsip Agenda 21 mengenai pembangunan mapan. Sokongan langsung daripada negara-negara kaya, dalam bentuk bantuan, perniagaan, pelepasan hutang dan pelaburan perlu disediakan untuk membantu negara-negara sedang membangun”.¹

Topik	: Pembangunan dan Hak Asasi Manusia
Tahap	: Sekolah menengah
Subjek	: Kajian Tempatan / Ekonomi
Konsep Hak Asasi Manusia	: Hak kepada Pembangunan
Peruntukan	: Satu sesi

I OBJEKTIF

Para pelajar akan dapat:

- Membincangkan bagaimana orang ramai boleh meneruskan pembangunan menggunakan sumber mereka sendiri
- Menegaskan bahawa setiap insan adalah sama rata dan mempunyai hak kepada perkembangan dan kekayaan negara mereka
- Mengenal pasti cara kerajaan boleh membantu dalam pembangunan rakyatnya

II SUMBER RUJUKAN

- Perkara 22 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat
Setiap orang, sebagai anggota masyarakat, adalah berhak kepada keselamatan sosial dan berhak menjadikan suatu kenyataan, melalui usaha negara dan kerjasama antarabangsa dan menurut organisasi dan sumber-sumber dalam negara masing-masing, hak-hak ekonomi, sosial dan kebudayaan yang termesti bagi kemuliaannya dan perkembangan bebas keperibadiannya.
- Perkara 28
Setiap orang adalah berhak kepada suatu susunan sosial dan antarabangsa yang membolehkan hak dan kebebasan yang ditetapkan dalam Perisytiharan boleh dilaksanakan sepenuhnya.
- Perlembagaan negara
- Gambar atau lukisan pelbagai jenis manusia yang berbeza

III PROSEDUR

A. Pembukaan

Guru menunjukkan gambar atau lukisan mengenai perkara berikut kepada pelajar:
Golongan miskin, golongan kaya, rumah besar, kawasan sesak, kanak-kanak yang kotor, orang yang sihat, orang sakit, perumahan mewah, rumah yang berkeadaan susah dan miskin, dan lain-lain.

Guru kemudiannya meminta pelajar memikirkan apakah tafsiran gambar atau lukisan tersebut.

A. Perkembangan

1. Aktiviti

Guru meminta pelajar membahagikan gambar atau lukisan-lukisan tersebut kepada dua kumpulan iaitu A atau B di atas papan atau kertas yang besar.

Guru kemudiannya menulis perkataan-perkataan utama yang mewakili kedua-dua kumpulan tersebut.

Contohnya:

Kumpulan A	Kumpulan B
Orang kaya	Orang miskin
Orang sihat	Orang sakit
Rumah besar	Rumah kecil
Cukup mendapat makanan berkhasiat	Kurang mendapat makanan berkhasiat
Pakaian bersih	Pakaian kotor

Guru bertanya pelajar soalan berikut:

- Adakah anda bersetuju bahawa ada sebahagian manusia kaya dan sebahagian lagi ada yang miskin?
- Mengapa adanya orang kaya dan miskin?
- Adakah anda ingin menjadi orang kaya atau miskin?
- Apa yang mesti anda lakukan untuk membantu orang miskin?

Guru mencatat jawapan pelajar di papan tulis.

2. Analisis

Guru kemudiannya meminta pelajar membuat dua kumpulan yang akan membahaskan soalan-soalan berikut:

Adakah sumber yang amat terhad kepada terlalu ramai orang atau adakah masalah wujud apabila sebahagian orang mempunyai terlalu banyak sementara ramai orang mempunyai terlalu sedikit?

Guru bertanya pelajar jika mereka suka kepada masyarakat yang semua anggotanya sama rata atau masyarakat yang anggotanya ada yang kaya dan ada yang miskin.

Guru meminta pelajar menggambarkan diri mereka berdasarkan soalan berikut:

Adakah anda ingin membantu orang miskin jika anda memiliki sesuatu yang berlebihan, adakah anda ingin berkongsi dengan kawan anda yang miskin?

Guru memberi maklum balas kepada semua jawapan yang diberikan oleh pelajar dengan menyatakan adanya unsur-unsur pengagihan kekayaan yang tidak selaras dalam sesebuah negara, dan dalam sistem global, yang menyebabkan kemiskinan. Beberapa negara dengan sepatutnya kaya dengan sumber semula jadi tidak semestinya menjadi negara kaya kerana kebanyakan rakyatnya hidup dalam kemiskinan.

3. Ringkasan

Guru menerangkan bahawa Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat memperuntukkan sebilangan hak berhubung dengan perkara berikut:

- Pemilikan harta benda
- Mendapat kerja dan upah yang bersesuaian, suasana kerja yang elok dan manfaat yang lain
- Menubuhkan atau menganggotai kesatuan pekerja
- Mendapat sokongan keselamatan sosial
- Menikmati kehidupan yang sejahtera (makanan, pakaian, perumahan, penjagaan kesihatan, perkhidmatan sosial)
- Mendapat pendidikan

Guru menekankan bahawa Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (Perkara 22) menetapkan pelaksanaan hak asasi ini secara berterusan dengan mengambil kira sebilangan negara yang mungkin tidak mempunyai sumber yang cukup untuk membantu semua orang miskin.

Guru menerangkan bahawa Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (Perkara 28) memperuntukkan bahawa pelaksanaan hak ekonomi dan hak-hak lain memerlukan sistem sokongan antarabangsa.

Guru menerangkan bahawa idea ini, adalah merupakan dasar kepada hak asasi baru yang terkandung dalam dokumen PBB 1986, iaitu Perisytiharan mengenai Hak kepada Pembangunan (*The Declaration on The Right to Development*). Guru menerangkan maklumat dari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu:²

Perisytiharan Mengenai Hak kepada Pembangunan

Perkara 1 Perisytiharan Mengenai Hak kepada Pembangunan menyatakan bahawa “hak kepada pembangunan adalah merupakan hak asasi yang tidak berbelah bahagi dengan kemuliaan setiap insan, yang mana setiap insan dan setiap orang berhak untuk mengambil bahagian dalam, menyumbang kepada, dan menikmati pembangunan ekonomi, sosial, budaya dan politik, yang mana semua hak asasi manusia dan kebebasan boleh direalisasikan sepenuhnya.”

Hak-hak tersebut termasuk:

- Mempunyai kuasa sepenuhnya ke atas sumber-sumber semula jadi
- Menentukan nasib diri sendiri
- Turut serta dalam pembangunan
- Peluang yang sama rata
- Mewujudkan suasana yang sesuai untuk membolehkan hak-hak sivil, politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan yang lain dapat dinikmati

Setiap insan telah dikenal pasti sebagai benefisari (yang berhak menerima manfaat) hak kepada pembangunan, sebagai mana semua hak asasi manusia. Hak kepada pembangunan boleh dituntut oleh individu dan orang ramai. Ia meletakkan kewajipan kepada negara itu sendiri - untuk memastikan peluang sama rata dan sewajarnya untuk mendapatkan sumber-sumber penting – dan terhadap komuniti antarabangsa – untuk mempromosikan polisi pembangunan yang adil dan kerjasama antarabangsa yang berkesan.

4. Aplikasi

Guru meminta pelajar membuat tiga kumpulan untuk membincangkan dan menyenaraikan 3 bentuk sistem ekonomi antarabangsa serta menerangkan sama ada sistem tersebut menyokong atau mengenenipikankan konsep hak kepada pembangunan. Guru memberitahu pelajar untuk membuat laporan dalam kelas.

5. Penutup

Guru menutup sesi dengan berkata

Hak asasi manusia menumpukan keperluan membasmi kemiskinan melalui usaha orang ramai, kerajaan, dan komuniti antarabangsa. Program pembangunan hendaklah mengutamakan faedah kepada orang ramai dengan memenuhi hak asasi mereka yang berhubung dengan keperluan asas – antara lainnya, makanan, pakaian, perumahan, pendidikan, keselamatan sosial, pekerjaan, penjagaan kesihatan. Pelan pembangunan nasional sebelum ini gagal untuk menangani isu-isu ini, oleh itu, konsep hak kepada pembangunan adalah penting demi mengingatkan kerajaan tentang kewajibannya untuk menyokong usaha-usaha merealisasikan hak-hak ini. Pada waktu yang sama, ia juga menyedari bahawa orang ramai mempunyai hak untuk meneruskan pembangunan mereka sendiri, dengan menggunakan sumber yang dimiliki mereka.

V. PENILAIAN

Guru boleh menggunakan sebarang cara yang sesuai untuk menilai pandangan pelajar mengenai kekayaan dan kemiskinan, dan terhadap keputusan tugasan yang telah dibuat.

Kedaulatan – Kuasa sesebuah negara yang mutlak dan merdeka

Hak yang tidak berbelah bahagi – merujuk kepada hak-hak yang dimiliki oleh setiap insan dan tidak boleh dirampas dari sesiapa pun dalam apa jua keadaan (seperti hak kepada kehidupan, bebas dari seksaan, bebas dari perhambaan, bebas dari dipenjarakan disebabkan hutang, bebas daripada undang-undang penal yang retroaktif (undang-undang yang memberi kesan kepada tindakan yang dilakukan sebelum undang-undang tersebut diwujudkan), hak untuk dihormati sebagai seorang manusia di sisi undang-undang, bebas berfikir, mempunyai rasa hati atau agama).

Keyakinan diri – Keyakinan rakyat di sesebuah wilayah untuk menentukan masa depan politik mereka sendiri tanpa paksaan dari kuasa luar wilayah tersebut.

Sumber:

The New Shorter Oxford English Dictionary on Historical Principles, Clarendon Press (Oxford:1993)

Nancy Flowers, editor, Human Rights Here and Now, Human Rights Educators Network, Amnesty International USA (Chicago:1998)

SALAG, Understanding Human Rights, Structural Alternative Legal Assistance for the Grassroots (Makati:1989)

¹ Sumber: http://millenniumindicators.un.org/unsd/mi/mi_highlights.asp

² Sumber: www.unhchr.ch/development/right-02.html

HAK ASASI MANUSIA UNTUK SEMUA

Setiap tahun, Hari Hak Asasi Manusia dirayakan pada tarikh 10 Disember. Pada 10 Disember 1948, Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu menerima pakai Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (*Universal Declaration of Human Rights - UDHR*). Semenjak itu, dokumen tersebut telah disebar dalam pelbagai bahasa. Sehingga kini, Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat telah diterjemahkan dalam lebih daripada tiga ratus bahasa di seluruh dunia. Ia mungkin merupakan rekod dokumen yang paling banyak diterjemahkan di dunia. Seseorang boleh menghargai hakikat bahawa usaha yang bersungguh-sungguh telah dilaksanakan untuk menjadikan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat difahami oleh pelbagai manusia di hampir setiap penjuru dunia dalam bahasa mereka sendiri.

Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat menyeru orang ramai dan kerajaan supaya bekerja untuk mempromosi, melindungi dan melaksanakan semua hak asasi manusia untuk semua orang. Hal ini adalah kerana hak asasi manusia adalah untuk dinikmati semua insan tanpa sebarang pengecualian. Ia merupakan konsep sejagat yang perlu digunakan secara universal. Ia juga merupakan tanggungjawab seluruh dunia.

Topik	: Hak Asasi Manusia adalah Sejagat
Tahap	: Sekolah menengah
Subjek	: Pendidikan Sosial
Konsep Hak Asasi Manusia	: Hak asasi manusia yang sejagat dan tidak berbelah bahagi
Peruntukan	: Satu sesi

I OBJEKTIF

Para pelajar akan dapat:

- Menerangkan bahawa hak asasi manusia merupakan konsep sejagat
- Meluahkan idea bahawa setiap insan hendaklah berganding bahu bekerjasama dan menghormati kebebasan orang lain dalam usaha mempromosi dan mengamalkan hak asasi manusia.

II SUMBER

- Perkara 1 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat
Setiap insan dilahirkan dengan harga diri dan hak asasi yang bebas dan sama rata. Mereka dikurniakan pemikiran dan perasaan hati, serta hendaklah bertindak antara satu sama lain dengan semangat persaudaraan.

- Perkara 2,
Setiap orang adalah berhak kepada semua hak dan kebebasan yang termaktub dalam Perisytiharan ini, tanpa sebarang apa jua pembezaan, seperti bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, agama, fahaman politik atau fahaman-fahaman lain, asal-usul bangsa keturunan atau sosial, harta-benda, kelahiran atau apa-apa taraf lain.
Seterusnya, tiada sebarang pembezaan boleh dibuat berasaskan taraf politik atau bidang kuasa ataupun taraf antarabangsa sesebuah negara atau wilayah datangnya seseorang itu, sama ada ia merdeka, beraunah, tanpa pemerintahan sendiri atau berada di bawah apa-apa sekatan kedaulatan lainnya.
- Perisytiharan Vienna dan Pelan Tindakan 1993 (*Vienna Declaration and Programme of Action 1993*)
- Kesimpulan Bengkel Kesebelas mengenai Kerjasama Serantau untuk Mempromosi dan Melindungi Hak Asasi Manusia di Rantau Asia Pasifik (*Eleventh Workshop on Regional Co-operation for the Promotion and Protection of Human Rights in the Asia-Pacific Region*) di Islamabad, Pakistan pada 25-27 Februari 2003

III PROSEDUR

A. Pembukaan

Guru meminta pelajar membayangkan bentuk dunia. Guru menerangkan bahawa pelajaran hari ini adalah mengenai nilai-nilai yang diperlukan untuk menikmati dunia yang lebih aman dan ceria.

B. Perkembangan Aktiviti

1. Aktiviti

Guru meminta pelajar mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti berikut:

Aktiviti 1

Pelajar melukis satu bulatan yang mewakili bumi di atas sehelai kertas, dengan tiga anak panah menghala ke luar. Mereka menulis masalah-masalah yang mereka mahu tidak wujud lagi di dunia (bumi). Satu anak panah mewakili satu masalah.

Guru kemudiannya meminta pelajar menambahkan punca kepada masalah yang telah dikenal pasti oleh mereka.

Pelajar menulis masalah dan puncanya di papan tulis.

Aktiviti 2

Guru meminta pelajar melukis apa sahaja yang dikehendaki mereka di atas sekeping kertas. Ia dimulakan oleh seorang pelajar, dan yang lain-lain menambah lukisan-lukisan lain yang dikehendaki mereka. Selepas setiap pelajar mendapat giliran mereka, guru menayangkan hasil akhir kepada kelas.

2. Analisis

Guru bertanya pelajar soalan-soalan berikut berhubung dengan dua aktiviti tersebut:

- Adakah masalah dan puncanya seperti yang dinyatakan oleh para pelajar sama atau tidak?
- Adakah hasil akhir latihan melukis cantik atau tidak? Apa pun jawapannya, siapakah yang dipersalahkan?
- Siapa yang menyumbang kepada hasil seni tersebut?
- Apakah refleksi anda terhadap sekeping hasil seni ini?
- Mengapa anda fikir manusia mempunyai pandangan dunia yang sama?
- Adakah mereka sukakan peperangan atau keamanan, contohnya?
- Semasa melukis, adakah anda terfikir mengenai ruang yang mungkin pelajar lain perlukan untuk melukis?
- Adakah anda menilai kerja yang dilakukan oleh teman sekelas sebelum kamu?
- Adakah anda merasakan dunia ini milik semua orang atau hanya sebilangan sahaja?

Guru membuat kesimpulan semua jawapan yang diberi dengan memfokuskan persamaan yang dijangkakan mengenai masalah yang mereka luahkan, hubungan antara sumbangan di kalangan individu, dan kewujudan kerjasama antara mereka dalam menghasilkan karya seni tersebut.

3. Ringkasan

Guru menerangkan konsep persamaan berdasarkan Perkara 1 dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat.

Guru menekankan dua idea utama dalam Perkara 1: semua manusia mempunyai hak asasi yang sama, dan mereka bertindak antara satu sama lain dengan semangat persaudaraan.

Guru menerangkan bahawa Perkara 1 menekankan dasar asas hak asasi manusia – mereka berdasarkan kemanusiaan yang sama – setiap manusia dilahirkan dengan harga diri dan hak-hak yang bebas dan sama rata.

Guru kemudiannya menerangkan konsep tiada diskriminasi berdasarkan Perkara 2 dalam Perisytiharan Hak Asasi manusia sejagat.

Guru kemudiannya menerangkan bahawa di bawah perkara 2: setiap manusia, tanpa sebarang pembezaan, adalah berhak kepada semua hak asasi dan kebebasan yang dinyatakan dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. Ini bermakna, hak asasi manusia tidak bergantung pada latar belakang seseorang, sama ada latar belakang politik, sosial, ekonomi, budaya, bangsa, usia atau jenis-jenis lain.

Guru meringkaskan Perkara 2 dengan menyatakan bahawa maksud perkara ini terkandung dalam slogan “Hak Asasi Manusia untuk Semua” yang diterima pakai semasa Persidangan Hak Asasi Manusia Sedunia (*World Conference on Human Rights*), 1993

Perisytiharan Vienna (*The Vienna Declaration*) 1993 menyatakan bahawa *Semua hak asasi manusia adalah sejagat, tidak boleh dipisahkan dan saling bergantung serta saling berhubungan. Komuniti antarabangsa hendaklah menangani hak asasi manusia secara global dengan tindakan yang adil dan saksama, atas dasar yang sama, dan dengan penekanan yang sama. Sementara kepentingan ketelitian oleh negara dan serantau serta pelbagai latar belakang sejarah, budaya dan agama perlu sentiasa diingat, adalah menjadi tanggungjawab Negara, tanpa mengira sistem politik, ekonomi dan budaya masing-masing, untuk mempromosi dan melindungi semua hak asasi manusia keseluruhannya dan kebebasan yang mutlak.* (Seksyen 5, Bahagian 1)

Guru menerangkan bahawa di bawah perisytiharan kerajaan-kerajaan di seluruh dunia tahun 1993 ini, hak asasi manusia telah disahkan semula sebagai sejagat, tidak boleh dibahagikan, saling bergantung dan saling berhubungan. Hak asasi manusia adalah sejagat kerana ia melambangkan seorang manusia. Oleh itu, ia diterima pakai kepada semua manusia di seluruh dunia. Ia juga tidak boleh dipisahkan kerana ia berhubungan dengan pelbagai aspek berbeza terhadap kewujudan manusia. Tidak siapa pun boleh memisahkan hak untuk mendapatkan makanan daripada hak untuk meluahkan pendapat kerana ia merupakan sebahagian daripada sifat semula jadi seorang manusia. Ia saling bergantung kerana hak-hak ini semuanya diperlukan untuk menikmati kehidupan yang berperikemanusiaan. Seseorang tidak boleh hanya mempunyai hak untuk mengundi dan bebas dari seksaan, dan pada masa yang sama, tidak mempunyai hak kepada makanan dan pendidikan. Apabila sebahagian hak tidak dipenuhi, hak-hak yang lain akan terganggu.

Guru juga menerangkan bahawa semua Negara (melalui kerajaan) mempunyai kewajipan yang sama untuk menggalakkan dan melindungi hak asasi manusia walaupun terdapat perbezaan dalam konteks sejarah negara, budaya dan agama, serta sistem politik, ekonomi dan budaya.

Guru menyimpulkan persembahan dengan mengatakan bahawa komuniti antarabangsa telah bersetuju bahawa hak asasi manusia merupakan konsep universal berdasarkan pengiktirafan terhadap sifat kemanusiaan yang sama. Guru menambah bahawa hak asasi manusia dianggap perlu sebagai maklum balas kepada pengalaman masa lalu dan masa kini mengenai halangan terhadap kemanusiaan dan ada kalanya, kehidupan itu sendiri.

Prinsip-prinsip yang telah dipersetujui antarabangsa telah ditegaskan sekali lagi baru-baru ini oleh sebilangan besar kerajaan di Asia Pasifik. Dalam bengkel yang diadakan di Islamabad, Pakistan (Februari 25-27, 2003), kerajaan-kerajaan tersebut mengisytiharkan bahawa mereka

Menegaskan sekali lagi bahawasanya semua hak asasi manusia adalah universal, tidak boleh dibahagikan, saling bergantung dan saling berhubungan – sivil, budaya, ekonomi, politik dan sosial – serta hak kepada pembangunan.

dan mereka juga

Mengiktiraf pendidikan hak asasi manusia hendaklah mendapat manfaat dari pelbagai perbezaan nilai sosial dan kebudayaan yang menguatkan kesejagatan hak asasi manusia, dengan matlamat untuk mempromosi persefahaman dalam kepelbagaian budaya mengenai hak asasi manusia.

Akhirnya, guru menekankan bahawa prinsip saling bergantung bukan hanya diterima pakai terhadap hubungan antara pelbagai hak, tetapi juga terhadap hubungan antara insan yang memiliki hak tersebut. Dokumen hak asasi manusia menekankan perlunya setiap individu bersama-sama berusaha untuk merealisasikan semua hak asasi manusia kepada setiap insan di dunia.

4. Aplikasi

Guru meminta pelajar membentuk beberapa kumpulan dan membuat poster yang menggambarkan prinsip-prinsip hak asasi manusia yang sejagat, tidak boleh dipisahkan dan saling bergantung. Guru juga meminta pelajar menampalkan poster tersebut di papan buletin sekolah dan lain-lain tempat yang sesuai di sekitar sekolah.

5. Penutup

Guru mengakhiri sesi ini dengan menceritakan kepada pelajar kisah ini:

Pada suatu masa dahulu, ada seorang nenek yang pintar di negara China. Ramai orang cuba menguji kepintarannya. Satu hari, seorang budak lelaki cuba untuk menguji kepintaran nenek ini. Dia memegang seekor burung kecil dalam tangannya yang diletakkan di belakang badannya supaya tidak dapat dilihat. Dia merancang untuk bertanya nenek yang pintar itu sama ada burung itu hidup atau mati. Jika nenek itu menjawab burung itu hidup, dia akan memicit burung itu sehingga mati untuk membuktikan nenek itu salah. Jika nenek itu menjawab sebaliknya, dia akan melepaskan burung itu untuk menunjukkan ia masih hidup.

Budak itu pun bertanya “nenek, burung di tangan saya ini hidup atau mati?”. Nenek yang pintar itu menjawab, “burung di tangan kamu, hanya kamu yang boleh menentukan sama ada ia hidup atau mati”.

Guru memberitahu pelajar bahawa:

Hak asasi manusia adalah di tangan anda, anda yang memilikinya. Hanya anda yang boleh menentukan sama ada anda mahu hak asasi anda dipenuhi atau dilupakan. Dan, oleh sebab hak asasi manusia dimiliki semua orang, usaha bersepadu dan bekerjasama tentunya diperlukan untuk menentukan hak asasi semua manusia dapat direalisasikan.

V. PENILAIAN

Guru boleh menggunakan sebarang cara yang sesuai untuk menilai kefahaman pelajar mengenai prinsip-prinsip asas hak asasi manusia. Penilaian boleh dibuat sebelum Penutup.





BAHAN RUJUKAN

- * Perisytiharan Hak Asasai Manusia Sejagat**
- * Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak**
- * Pengenalan kepada Istilah Hak Asasi Manusia**

PERISYTIHARAN HAK ASASI MANUSIA SEJAGAT

Diterima pakai oleh Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu pada 10
Disember 1948

Versi bahasa mudah yang diberikan ini hanyalah panduan. Untuk terjemahan tepat bagi setiap prinsip, rujuk kepada teks asal. Versi ini berdasarkan sebahagian terjemahan teks, yang disediakan pada tahun 1978 untuk Pertubuhan Sedunia untuk Sekolah-sekolah sebagai Instrumen Kedamaian (*World Associations for the School as an Instrument of Peace*), oleh Kumpulan Penyelidik Universiti Geneva di bawah tanggungjawab Prof. L. Masserenti. Untuk menyediakan terjemahan ini, Kumpulan ini menggunakan 2,500 perbendaharaan kata asas yang digunakan dalam percakapan Perancis (*French-speaking*) sebahagian negara Switzerland. Guru boleh mengguna pakai kaedah ini dengan menterjemah teks Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat kepada bahasa yang digunakan di tempat masing-masing.

VERSI BAHASA MUDAH	TEKS ASAL
<p>Perkara 1.</p> <p>Apabila seorang bayi dilahirkan, mereka adalah bebas dan hendaklah diberi layanan yang sama. Mereka mempunyai pandangan dan perasaan, dan hendaklah bergaul terhadap satu sama lain dengan mesra.</p>	<p>Perkara 1.</p> <p>Semua manusia dilahirkan bebas dan sama rata dari segi kemuliaan dan hak-hak. Mereka mempunyai pemikiran dan perasaan hati dan hendaklah bertindak di antara satu sama lain dengan semangat persaudaraan.</p>
<p>Perkara 2.</p> <p>Setiap manusia boleh menuntut hak yang terkandung dalam Perisytiharan ini tanpa mengira:</p> <ul style="list-style-type: none">• Perbezaan jantina• Perbezaan warna kulit• Perbezaan bahasa pertuturan• Perbezaan pemikiran• Perbezaan agama yang dianuti• Perbezaan taraf kehidupan - kaya atau miskin• Dilahirkan dalam kumpulan sosial yang berbeza• Perbezaan negara asal <p>la juga tidak memberi sebarang perbezaan sama ada negara yang didiami merdeka atau tidak.</p>	<p>Perkara 2.</p> <p>Setiap orang berhak kepada semua hak-hak dan kebebasan yang termaktub dalam Perisytiharan ini tanpa sebarang apa jua perbezaan, seperti bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, ugama, faham politik atau lain-lain fahaman, asal-usul bangsa keturunan atau sosial harta-benda, kelahiran atau apa-apa taraf lain</p> <p>Seterusnya, tiada sebarang pembezaan boleh dibuat berasaskan pada taraf politik atau bidangkuasa ataupun antarabangsa sesebuah negara atau wilayah datangnya seseorang itu, samada ianya merdeka, beraunah, tanpa pemerintahan sendiri atau berada di bawah apa-apa sekatan kedaulatan lainnya.</p>
<p>Perkara 3.</p> <p>Anda mempunyai hak untuk hidup dalam kehidupan yang bebas dan selamat.</p>	<p>Perkara 3.</p> <p>Setiap orang berhak kepada nyawa, kebebasan dan keselamatan.</p>

VERSI BAHASA MUDAH	TEKS ASAL
<p>Perkara 4.</p> <p>Tiada sesiapa pun yang berhak melayan anda sebagai hambanya dan anda tidak boleh menjadikan orang lain hamba anda.</p>	<p>Perkara 4.</p> <p>Tiada sesiapa pun boleh diperhamba atau diperabdikan; keabdian dan dagangan hamba abdi hendaklah dilarang dalam semua bentuknya Perkara 3.</p> <p>Setiap orang berhak kepada nyawa, kebebasan dan keselamatan diri</p>
<p>Perkara 5.</p> <p>Tiada sesiapa pun berhak menyeksa anda</p>	<p>Perkara 5.</p> <p>Tiada sesiapa pun boleh dikenakan seksaan atau layanan atau hukuman yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menghinakan.</p>
<p>Perkara 6.</p> <p>Anda sepatutnya dilindungi undang-undang yang adil di mana sahaja, sama seperti orang lain.</p>	<p>Perkara 6.</p> <p>Setiap orang berhak kepada pengiktirafan di mana jua sebagai seorang insan di sisi undang-undang</p>
<p>Perkara 7.</p> <p>Undang-undang adalah sama kepada semua orang, ia hendaklah diguna pakai dengan cara yang sama kepada semua</p>	<p>Perkara 7.</p> <p>Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak tanpa apa-apa pembezaan kepada perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang. Semua orang berhak kepada perlindungan yang sama rata daripada sebarang pembezaan yang melanggar Perisytiharan ini dan daripada sebarang hasutan terhadap pembezaan sedemikian.</p>
<p>Perkara 8.</p> <p>Anda seharusnya boleh meminta bantuan perundangan apabila hak yang disediakan oleh negara anda tidak dihormati.</p>	<p>Perkara 8.</p> <p>Setiap orang berhak kepada pemulihan yang berkesan oleh tribunal-tribunal kebangsaan yang kompeten terhadap tindakan-tindakan yang melanggar hak-hak asasi yang diberikannya oleh perlembagaan atau oleh undang-undang</p>

Perkara 9.

Tiada sesiapa pun boleh memenjarakan anda, menahan anda di sana, atau membuang anda keluar dari negara tanpa keadilan, atau tanpa sebarang sebab munasabah.

Perkara 10.

Jika anda perlu dibicarakan, ia hendaklah dibuat di depan khalayak umum. Orang yang mengadili anda tidak boleh membiarkan diri mereka dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

Perkara 11.

Anda sepatutnya dianggap tidak bersalah sehingga ia dapat dibuktikan bahawa anda bersalah. Jika anda sendiri mempunyai hak untuk membela diri. Tiada seorang pun mempunyai hak untuk menyalahkan dan menghukum anda disebabkan sesuatu yang tidak anda lakukan.

Perkara 12.

Anda mempunyai hak untuk mendapatkan perlindungan jika ada sesiapa yang cuba memburukkan nama baik anda, mencerooboh rumah anda, membuka surat anda, atau mengganggu anda atau keluarga anda tanpa sebab munasabah

Perkara 9.

Tiada sesiapa pun boleh dikenakan tangkapan, tahanan atau pembuangan negeri secara sewenang-wenangnya.

Perkara 10.

Setiap orang berhak dengan sama rata sepenuhnya kepada pembicaraan adil dan terbuka oleh suatu tribunal bebas dan saksama, dalam penetapan hak-hak dan tanggungnya dan sebarang tuduhan jenayah terhadapnya

Perkara 11.

1. Setiap orang yang dituduh dengan kesalahan berhak dianggap tidak salah sehingga dibuktikan salah menurut undang-undang di dalam pembicaraan terbuka di mana dia telah diberikan segala jaminan yang perlu untuk pembelaannya.
2. Tiada sesiapa pun boleh diputuskan bersalah atas sebarang kesalahan keseksaan oleh kerana sebarang tindakan atau ketinggalan yang tidak merupakan suatu kesalahan keseksaan, disisi undang-undang kebangsaan, pada masa ianya dilakukan. Tiada pula boleh dikenakan sebarang hukuman yang lebih berat dari hukuman yang diterapkan ketika kesalahan keseksaan itu dilakukan.

Perkara 12.

Tiada sesiapa pun yang boleh dikenakan kepada sebarang gangguan sewenang-wenangnya terhadap keadaan peribadi, keluarga, rumahtangga atau surat-menyuratnya, atau pencerobohan ke atas maruah dan nama baiknya. Setiap orang berhak kepada perlindungan undang-undang terhadap gangguan atau pencerobohan sedemikian.

Perkara 13.

Anda mempunyai hak untuk pergi ke mana-mana sahaja dalam negara anda. Anda berhak meninggalkan negara anda untuk pergi ke negara lain; dan anda berhak untuk kembali ke negara anda jika anda mahu

Perkara 13.

1. Setiap orang berhak kepada kebebasan bergerak dan bermastautin di dalam sempadan sesebuah negara.
2. Setiap orang berhak meninggalkan mana-mana negara, termasuk negaranya sendiri, dan kembali semula ke negaranya.

Perkara 14.

Jika sesiapa menyakiti anda, anda berhak untuk pergi ke negara lain dan meminta perlindungan.

Anda hilang hak ini jika anda membunuh seseorang dan jika anda sendiri tidak menghormati apa yang tertulis dalam Perisytiharan ini.

Perkara 14.

1. Setiap orang berhak memohon dan menikmati perlindungan politik dalam negara lain daripada sebarang aniaya.
2. Hak ini tidak boleh dituntut bagi pendakwaan yang benar-benar timbul daripada kesalahan bukan politik atau daripada tindakan yang bertentangan dengan tujuan-tujuan dan prinsip-prinsip Bangsa-bangsa Bersatu.

Perkara 15.

Anda mempunyai hak untuk menjadi rakyat sesebuah negara dan tiada siapa yang boleh menghalang anda, tanpa sebarang sebab munasabah, dari menjadi warganegara negara lain yang anda mahu.

Perkara 15.

1. Setiap orang berhak kepada suatu kewarganegaraannya.
2. Tiada sesiapa pun boleh dilucutkan kewarganegaraannya secara sewenangwenangnya atau dinafikan hak menukar kewarganegaraannya.

Perkara 16.

Sebaik sahaja seseorang itu diiktiraf undang-undang, dia mempunyai hak untuk berkahwin dan mempunyai keluarga. Tidak ada sesuatu pun menghalang anda melakukannya tanpa mengira warna kulit, negara asal atau agama. Lelaki dan wanita mempunyai hak yang sama apabila mereka berpisah. Tiada siapa pun boleh memaksa seseorang untuk berkahwin. Kerajaan negara anda hendaklah melindungi anggota keluarga anda.

Perkara 16.

1. Lelaki dan perempuan dewasa, tanpa mengira bangsa, kewarganegaraan atau ugama, berhak berkahwin dan menubuhkan keluarga. Mereka berhak kepada hak-hak sama rata berhubung dengan perkahwinan dan pada pembubarannya.
2. Perkahwinan hanya boleh dilaksanakan dengan persetujuan bebas dan sepenuhnya oleh pihak-pihak yang bercadang untuk berkahwin.
3. Keluarga adalah unit kumpulan semulajadi dan asasi dalam masyarakat dan berhak kepada perlindungan oleh masyarakat dan Negara.

Perkara 17.

Anda mempunyai hak untuk memiliki harta dan tiada sesiapa pun berhak merampas hak milik anda tanpa sebarang sebab muna-sabah.

Perkara 17.

1. Setiap orang berhak memiliki harta secara bersendirian serta berkongsi dengan orang lain.
2. Tiada sesiapa pun boleh dilucutkan harta-bendanya secara sewenang-wenangnya

Perkara 18.

Anda mempunyai hak untuk menganut agama pilihan anda dengan bebas, menu-karnya dan mengamalkannya sama ada sendirian atau bersama orang lain.

Perkara 18.

Setiap orang berhak kepada kebebasan berfikir, perasaan hati dan agama; hak ini termasuklah kebebasan menukar ugama atau secara bersama-sama dengan orang-orang lain dan secara terbuka atau bersendirian, menganuti agama atau kepercayaan melalui pengajaran, amalan, pemujaan dan pematuhan.

Perkara 19.

Anda mempunyai hak untuk berfikir apa yang anda mahu, berkata apa yang anda suka, dan tiada sesiapa pun boleh menghalang anda dari melakukannya.

Anda sepatutnya boleh berkongsi pendapat - juga dengan orang dari negara lain.

Perkara 19.

Setiap orang berhak kepada kebebasan pendapat dan mengeluarkan fikiran; hak ini termasuklah kebebasan memegang pendapat tanpa gangguan dan menuntut, menerima dan menyebarkan maklumat dan buah fikiran melalui sebarang media dan tanpa mengira sempadan.

Perkara 20.

Anda mempunyai hak untuk menganjurkan perhimpunan aman atau mengambil bahagian dalam perjumpaan secara aman. Memaksa sesiapa menyertai mana-mana kumpulan adalah salah.

Perkara 20.

1. Setiap orang berhak kepada kebebasan berhimpun secara aman dan menubuhkan persatuan. Tiada sesiapa pun boleh dipaksa
2. menjadi ahli mana-mana pertubuhan.

Perkara 21.

Anda mempunyai hak untuk mengambil bahagian dalam kegiatan politik dalam negara sama ada dengan menyokong Kerajaan atau pihak yang mempunyai pandangan dan pendapat yang sama dengan anda.

Kerajaan hendaklah diundi secara berkala dan proses pengundian hendaklah dilakukan secara rahsia. Anda boleh mengundi dan semua undi hendaklah adil. Anda juga mempunyai hak yang sama untuk menyertai perkhidmatan awam seperti orang lain.

Perkara 21.

1. Setiap orang berhak mengambil bahagian dalam kerajaan negaranya, secara langsung atau melalui wakil-wakil yang dipilih dengan bebas.
2. Setiap orang berhak kepada peluang samarata kepada peluang perkhidmatan awam dalam negaranya. Kemahuan rakyat hendaklah menjadi asas kewibawaan kerajaan; kemahuan ini hendaklah dibuktikan melalui pilihanraya berkala yang sejati yang mana hendaklah diadakan secara sejagat dan samarata secara undi sulit atau melalui secara pengundian bebas yang ketara.

Perkara 22.

Masyarakat yang anda anggotai hendaklah boleh membantu anda untuk mengembangkan potensi diri. Anda juga berhak menggunakan semua peluang yang ada (kebudayaan, pekerjaan, kebajikan sosial) yang disediakan kepada anda dan seluruh warganegara, lelaki dan wanita.

Perkara 22.

Setiap orang, sebagai anggota masyarakat, berhak kepada keselamatan sosial dan berhak menjadikan suatu kenyataan, melalui usaha negara dan kerjasama antara-bangsa dan menurut organisasi dan sumber-sumber dalam negara masing-masing, hak-hak ekomoni, sosial dan kebudayaan yang termesti bagi kemulian-nya dan perkembangan bebas keperibadian-nya.

Perkara 23.

Anda mempunyai hak untuk bekerja, bebas memilih pekerjaan dan mendapat bayaran upah dengan kadar yang sewajarnya bagi membolehkan anda hidup dan menyara keluarga. Jika lelaki dan wanita melakukan sesuatu tugas yang sama, mereka hendaklah mendapat kadar bayaran yang sama. Semua pekerja mempunyai hak untuk menubuhkan persatuan dan menyertai untuk mempertahankan hak dan kepentingan mereka.

Perkara 23.

1. Setiap orang berhak kepada pekerjaannya, kepada pemilihan pekerjaannya secara bebas, kepada keadaan-keadaan pekerjaan yang adil dan berfaedah baginya dan kepada perlindungan daripada pengangguran.
2. Setiap orang, tanpa sebarang pembezaan, berhak kepada pengajian yang sama bagi kerja yang sama.
3. Setiap orang yang bekerja berhak kepada pembayaran saraan yang adil dan berfaedah baginya yang mana memastikan buat diri dan keluarganya suatu kehidupan sesuai dengan kemulian manusia, dan yang mana ditambah, jika perlu, oleh cara-cara perlindungan sosial yang lainnya.
4. Setiap orang berhak menubuhkan dan menjadi ahli kesatuan sekerja bagi memperindungi kepentingan-kepentingannya.

VERSI BAHASA MUDAH	TEKS ASAL
<p>Perkara 24.</p> <p>Setiap pekerja mempunyai hak untuk berehat dan boleh mengambil cuti bergaji.</p>	<p>Perkara 24.</p> <p>Setiap orang berhak kepada rehat dan masa lapang, termasuk batasan munasabah ke atas masa bekerja dan cuti bergaji yang berkala.</p>
<p>Perkara 25.</p> <p>Anda mempunyai hak untuk mendapatkan apa sahaja keperluan supaya anda dan anggota keluarga anda tidak menderita sakit, tidak kelaparan, mempunyai pakaian dan tempat perlindungan; dan diberi bantuan jika anda tidak dapat bekerja, sakit, tua atau jika pasangan anda (suami atau isteri) meninggal dunia, atau jika anda tidak bekerja disebabkan musibah yang tidak dapat anda elakkan.</p> <p>Kedua-dua ibu yang akan bersalin dan anak yang dilahirkan hendaklah diberi penjagaan khusus. Semua kanak-kanak mempunyai hak yang sama, sama ada ibunya berkahwin atau tidak.</p>	<p>Perkara 25.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Setiap orang berhak kepada suatu taraf hidup yang memadai bagi kesihatan dan kebajikan diri dan keluarganya, termasuklah makanan, pakaian, perumahan dan pengawasan perubatan serta perkhidmatan sosial yang perlu, dan berhak kepada perlindungan ketika berlakunya pengangguran, kesakitan, ketidakupayaan, diperjandakan, keuzuran atau lain-lain kekurangan kehidupan dalam keadaan di luar kawalannya 2. Ibu dan anak berhak kepada jagaan serta bantuan khas. Semua kanak-kanak, samada dilahirkan di dalam mahupun di luar nikah, hendaklah menikmati perlindungan sosial yang sama.

Perkara 26.

Anda mempunyai hak untuk pergi ke sekolah dan setiap individu hendaklah pergi ke sekolah. Pendidikan asas hendaklah disediakan secara percuma. Anda berhak mempelajari bidang kerjaya yang anda minati atau menyambung pelajaran setinggi mana yang anda suka. Di sekolah, anda sepatutnya boleh mengembangkan potensi diri dan anda perlu diajar untuk menyesuaikan diri dengan orang lain, tidak kira bangsa, agama, atau negara asal mereka. Ibu bapa anda berhak memilih bagaimana dan apa yang akan anda pelajari di sekolah.

Perkara 26.

1. Setiap orang berhak kepada pelajaran. Pelajaran hendaklah diberikan percuma, sekurang-kurangnya pada peringkat awal dan asasnya. Pelajaran teknikal serta profesional hendaklah disediakan untuk umum dan pelajaran tinggi hendaklah mempunyai akses yang sama rata kepada semua orang atas dasar kebolehan.
2. Pelajaran hendaklah ditujukan kepada perkembangan sepenuhnya keperibadian manusia dan ke arah memperkukuhkan lagi rasa hormat bagi hak-hak dan kebebasan asasi manusia, ianya hendaklah memupuk persefahaman, kesabaran dan persahabatan di kalangan semua negara, bangsa atau kumpulan-kumpulan agama, dan hendaklah memajukan segala kegiatan Bangsa-Bangsa Bersatu demi memelihara keamanan.
3. Ibubapa mempunyai hak terdahulu untuk memilih jenis pelajaran yang akan diberikan kepada anak-anak.

Perkara 27.

Anda mempunyai hak untuk berkongsi hasil kesenian dengan komuniti anda. Hasil karya anda sebagai seniman, penulis atau ahli sains hendaklah diberi perlindungan dan anda berhak mendapat faedah daripadanya.

Perkara 27.

1. Setiap orang berhak secara bebas mengambil bahagian dalam kegiatan kebudayaan masyarakatnya, menikmati kesenian dan sama-sama merasai kemajuan sains dan faedah-faedahnya.
2. Setiap orang berhak kepada perlindungan kepentingan-kepentingan moral dan kebendaan hasil dari sebarang penghasilan sains, kesusasteraan atau kesenian yang mana ianya adalah penciptanya.

Perkara 28.

Bagi memastikan hak-hak anda akan dihormati, mesti ada 'peraturan' yang boleh melindunginya. 'Peraturan' ini hendaklah yang diguna pakai diperingkat tempatan dan seluruh dunia.

Perkara 28.

Setiap orang berhak kepada suatu susunan sosial dan antarabangsa dalam mana hak-hak asasi dan kebebasan yang termaktub dalam Perisytiharan ini boleh dijadikan kenyataan sepenuhnya.

Perkara 29.

Anda mempunyai tanggungjawab terhadap komuniti di mana anda sendiri boleh meningkatkan personaliti anda sepenuhnya. Undang-undang hendaklah membenarkan seseorang menghormati orang lain dan juga dihormati

Perkara 29.

1. Setiap orang mempunyai kewajiban terhadap masyarakat hanya dalam mana perkembangan keperibadiannya secara bebas dan seluruhnya termungkin.
2. Dalam mengamalkan hak-hak dan kebebasannya, setiap orang tertakluk hanya kepada batasan-batasan seperti yang ditentukan oleh undang-undang semata-mata bagi tujuan menjamin pengiktirafan dan penghormatan yang sepatutnya terhadap hak-hak dan kebebasan orang lain dan untuk mendekati keperluan-keperluan sepatutnya bagi akhlak, ketenteraman awam dan kebajikan umum dalam masyarakat yang demokratik.
3. Hak-hak dan kebebasan ini tidak boleh sama sekali diamalkan secara bertentangan dengan tujuan-tujuan dan prinsip-prinsip Bangsa-Bangsa Bersatu.

Perkara 30.

Tidak ada masyarakat dan seorang individu pun dalam dunia ini yang boleh melakukan sebarang pencabulan ke atas hak asasi yang telah anda pelajari dalam Perisytiharan ini.

Perkara 30.

Tiada apa-apa jua dalam Perisytiharan ini boleh ditafsirkan sebagai sedia tersirat memberikan kepada mana-mana negara, kumpulan atau perseorangan sebarang hak untuk melibatkan diri dalam apa-apa kegiatan atau melakukan apa-apa perbuatan dengan tujuan memusnahkan apa-apa hak dan kebebasan yang termaktub dalam Perisytiharan ini.

Versi bahasa mudah Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat dipetik dari lampiran ABC – *Teaching Human Rights*, Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Suruhanjaya Tinggi Hak Asasi Manusia (*United Nations Office of the High Commissioner for Human Rights*) Geneva/New York: 2003)

* <http://www.unhchr.ch/udhr/lang/mli.htm>

KONVENSYEN MENGENAI HAK KANAK-KANAK

Diterima Pakai oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

pada 20 November 1989

“Hak asasi” merupakan sesuatu yang perlu dimiliki atau boleh diamalkan oleh setiap kanak-kanak. Hak ini disenaraikan dalam Konvesyen Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Hak Asasi Kanak-Kanak. Hampir setiap negara telah mempersetujui hak asasi ini. Semua hak saling berkaitan antara satu sama lain, dan semuanya sama penting. Kadangkala kita perlu memikirkan tentang hak dari segi apa yang terbaik bagi kanak-kanak dalam sesuatu keadaan dan apa yang kritikal terhadap kehidupan dan perlindungan daripada sebarang kecederaan. Semakin membesar seseorang kanak-kanak itu, semakin bertambah tanggungjawabnya untuk memilih dan mengamalkan haknya.

VERSI BAHASA MUDAH	TEKS ASAL
MUKADIMAH Mukadimah ini mengimbas kembali prinsip-prinsip asas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan peruntukan yang khusus sesetengah triti hak asasi dan perisytiharan yang releven. Hal ini menegaskan hakikat bahawa kanak-kanak disebabkan oleh sifatnya yang lemah, memerlukan jagaan dan perlindungan khusus, dan memberikan penekanan yang khusus terhadap penjagaan utama dan tanggungjawab melindungi oleh sesebuah keluarga.	MUKADIMAH Negara-negara Pihak kepada Konvesyen ini, ‘Menimbangkan’ bahawa mengikut prinsip-prinsip yang diproklamasikan dalam Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, pengiktirafan kemuliaan yang sedia ada dan hak-hak yang sama rata dan tidak terpisah bagi seluruh ahli keluarga manusia ialah asas kebebasan, keadilan dan keamanan di dunia.

Prinsip ini juga menegaskan peri perlunya perlindungan dari segi undang-undang dan lain-lain terhadap seseorang kanak-kanak sebelum dan selepas lahir, peri mustahaknya menghormati nilai budaya masyarakat kanak-kanak itu, dan peranan penting kerjasama di peringkat antara-bangsa dalam memastikan hak kanak-kanak.

Mengingati bahawa rakyat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah, dalam piagam, sekali lagi menegaskan kepercayaan mereka terhadap hak asasi manusia dan kemuliaan serta nilai diri manusia, dan telah bertekad untuk menggalakkan perkembangan sosial dan taraf hidup yang lebih baik kebebasan yang lebih luas,

Mengiktirafkan bahawa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah, dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat dan dalam kovenan Antarabangsa Hak Asasi Manusia, memproklamasikan dan bersetuju bahawa tiap-tiap orang berhak untuk mendapat semua hak dan kebebasan yang dinyatakan dalamnya, tanpa perbezaan apa jua pun, seperti bangsa/ras, warna kulit, jantina bahasa, agama, pandangan politik atau pandangan lain, asal usul bangsa atau sosial, harta atau status kelahiran atau status lain,

Mengenangkan bahawa dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah memproklamasikan, bahawa zaman kanak-kanak kepada jagaan dan bantuan khas,

Meyakini bahawa keluarga, sebagai kumpulan asasi dalam masyarakat dan merupakan persekitaran semua jadi bagi pertumbuhan dan kesejahteraan semua ahlinya dan terutamanya kanak-kanak, hendaklah diberikan perlindungan dan bantuan yang diperlukan supaya ia boleh menjalankan dengan sepenuhnya tanggungjawabnya dalam komuniti.

Mengiktirafkan bahawa kanak-kanak, untuk perkembangan sepenuhnya dan berharmoni bagi personalitinya, patut membesar dalam persekitaran kekeluargaan, dalam suasana yang bahagia, penuh kasih sayang dan persefahaman.

Menimbangkan bahawa kanak-kanak patut bersedia sepenuhnya untuk hidup dalam kehidupan sebagai individu dalam masyarakat, dan dibesarkan dengan semangat keunggulan yang diproklamasikan dalam Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, dan secara khususnya dalam semangat keamanan, kemuliaan, toleransi, kebebasan, kesamaan dan perpaduan.

Mengingati bahawa keperluan untuk memperluas jagaan tertentu kepada Kanak-kanak telah dinyatakan dalam Perisytiharan Geneva mengenai Hak kanak-kanak 1924 dan dalam Perisytiharan Hak Kanak-kanak yang diterima pakai oleh Perhimpunan Agung pada 20 November 1959 dan diiktirafkan dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat, dalam Kovenan Antarabangsa Hak-hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (terutama Perkara 10) dan dalam statut dan surat cara yang berkaitan agensi khusus dan pertubuhan antarabangsa khusus yang bersangkutan-paut dengan kebajikan kanak-kanak.

Mengingati bahawa sebagaimana yang ditunjukkan dalam Perisytiharan Hak Kanak-kanak, “kanak-kanak itu oleh sebab dia belum matang dari segi fizikal dan mental, memerlukan perlindungan dan jagaan khas, termasuklah perlindungan undang-undang yang sewajarnya, sebelum dan juga selepas lahir”,

Mengenangkan peruntukan Perisytiharan mengenai Prinsip-prinsip Sosial dan Perundangan berhubung dengan Perlindungan dan Kebajikan Kanak-kanak, dengan rujukan khas kepada Penempatan Keluarga Angkat dan Pengangkat Kebangsaan dan Antarabangsa; Keadah-kaedah Standard Minimum Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Keadilan Juvana (“Kaedah-kaedah Beijing”); dan Perisytiharan mengenai Perlindungan Wanita dan Kanak-kanak semasa Darurat dan Konflik Bersenjata,

Mengiktirafkan bahawa, dalam semua negara di dunia ini, terdapat kanak-kanak yang tinggal dalam keadaan yang teramat susah, dan bahawa kanak-kanak sedemikian memerlukan pertimbangan khas.

Mengambil kira dengan sewajarnya kepentingan nilai-nilai dan kebudayaan setiap orang bagi perlindungan dan perkembangan yang harmoni kanak-kanak itu.

	<p>Mengiktirafkan kepentingan kerjasama antarabangsa bagi memperbaiki keadaan hidup kanak-kanak dalam tiap-tiap negara, khususnya negara membangun.</p> <p>Telah dipersetujui seperti yang berikut:</p>
<p>Perkara 1.</p> <p>Setiap orang di bawah umur 18 tahun mempunyai hak-hak ini</p>	<p>Perkara 1.</p> <p>Bagi maksud Konvesyen ini, seseorang kanak-kanak bermaksud tiap-tiap manusia di bawah umur lapan belas tahun melainkan jika, di bawah undang-undang yang diterima pakai untuk kanak-kanak itu, dia mencapai umur dewasanya sebelum itu.</p>
<p>Perkara 2.</p> <p>Semua kanak-kanak mempunyai hak-hak ini, tidak kira siapa mereka, di mana mereka tinggal, apa kerja ibu bapa mereka, apa bahasa yang dituturkan, apa agama mereka, sama ada mereka lelaki atau pun perempuan, apa budaya mereka, sama ada mereka hilang upaya, dan sama ada mereka miskin atau kaya. Tidak seorang kanak-kanak pun yang boleh diberi layanan yang tidak sewajarnya</p>	<p>Perkara 2.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Negara-negara pihak hendaklah menghormati dan memastikan bahawa hak-hak yang dinyatakan dalam konvensyen ini diberikan kepada setiap kanak-kanak dalam bidang kuasa mereka, tanpa apa jenis diskriminasi, tanpa mengira bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, agama, pandangan politik atau pandangan lain, warganegara, asal usul etnik, atau sosial, harta, hilang upaya, status kelahiran atau status lain kanak-kanak atau ibu bapa atau penjaganya yang sah. 2. Negara-negara pihak hendaklah mengambil segala langkah yang sesuai untuk memastikan segala langkah yang sesuai untuk memastikan bahawa kanak-kanak itu dilindungi daripada semua bentuk diskriminasi atau hukuman berdasarkan status,

	aktiviti, pandangan yang dilahirkan, atau kepercayaan ibu bapanya, atau penjaganya yang sah.
<p>Perkara 3.</p> <p>Semua orang dewasa hendaklah melakukan apa yang terbaik untuk anda. Apabila orang dewasa membuat keputusan, mereka harus memikirkan tentang bagaimana keputusan mereka itu boleh mendatangkan kesan kepada kanak-kanak.</p>	<p>Perkara 3.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Dalam segala tindakan yang berkenaan dengan kanak-kanak, sama ada diaku janji oleh institusi kebajikan masyarakat awam atau swasta, mahkamah pengadilan, pihak berkuasa pentadbiran atau badan perundangan, kepentingan terbaik bagi kanak-kanak itu hendaklah menjadi pertimbangan utama. 2. Negara-negara pihak mengaku janji untuk memastikan kanak-kanak itu diberi perlindungan dan jagaan yang diperlukan bagi kesejahteraannya, dengan mengambil kira hak dan kewajipan ibu bapanya, penjaganya yang sah di sisi undang-undang, atau individu lain yang bertanggungjawab terhadapnya di sisi undang-undang, dan dalam hal ini, hendaklah mengambil segala langkah perundangan dan pentadbiran yang sewajarnya. <p>Negara-negara pihak hendaklah memastikan bahawa institusi perkhidmatan dan kemudahan yang bertanggungjawab terhadap perlindungan dan penjagaan kanak-kanak mematuhi semua standard yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berwajib,</p>

	terutama dalam bidang keselamatan, kesihatan, dari segi bilangan dan kesesuaian kakitangan mereka serta pengawasan yang berwibawa.
<p>Perkara 4.</p> <p>Pihak kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk memastikan hak-hak anda dilindungi. Mereka seharusnya membantu keluarga anda melindungi hak-hak anda dan mewujudkan suatu persekitaran yang membolehkan anda membesar dan mencapai potensi anda.</p>	<p>Perkara 4.</p> <p>Negara-negara pihak hendaklah mengaku janji segala langkah perundangan dan pentadbiran yang sesuai, dan langkah-langkah lain untuk melaksanakan hak-hak yang diiktiraf dalam Konvensyen ini mengenai hak ekonomi, sosial dan kebudayaan. Negara-negara pihak hendaklah mengaku janji langkah-langkah yang sedemikian, semaksimum mungkin daripada sumber-sumber mereka yang sedia ada dan, jika perlu, dalam rangka kerjasama antarabangsa.</p>
<p>Perkara 5.</p> <p>Keluarga anda mempunyai tanggungjawab untuk membantu anda mempelajari menggunakan hak-hak anda, dan memastikan hak-hak anda dilindungi.</p>	<p>Perkara 5.</p> <p>Negara-negara pihak hendaklah menghor-mati tanggungjawab, hak dan kewajipan ibu dan bapa atau, jika berkenaan, ahli keluarga yang di luar lingkungan terdekat atau komuniti sebagaimana yang telah diperuntukkan oleh adat tempatan, penjaga yang sah di sisi undang-undang dan individu lain yang bertanggungjawab terhadap kanak-kanak itu, untuk memperuntukkan, dengan cara yang selaras dengan keupayaan berkembang kanak-kanak itu, arahan dan bimbingan yang sewajarnya dalam menjalankan hak yang diiktiraf dalam Konvensyen oleh kanak-kanak itu.</p>

Perkara 6.

Anda mempunyai hak untuk hidup.

Perkara 6.

1. Negara-negara pihak mengiktiraf bahawa setiap kanak-kanak mempunyai hak sedia ada untuk hidup.
2. Negara-negara pihak hendaklah memastikan, setakat yang sebanyak mungkin, kelangsungan hidup dan perkembangan kanak-kanak.

Perkara 7.

Anda mempunyai hak memperoleh nama, dan hal ini hendaklah diiktiraf secara rasmi oleh pihak kerajaan.

Perkara 7.

1. Kanak-kanak hendaklah didaftarkan sebaik sahaja dilahirkan dan hendaklah mempunyai hak sejak lahir, mempunyai hak terhadap satu nama, hak untuk memperoleh kerakyatan dan seboleh-bolehnya, hak untuk mengetahui dan dijaga oleh ibu bapanya.
2. Negara-negara pihak hendaklah memastikan pelaksanaan hak ini mengikut undang-undang negara mereka dan kewajipan mereka di bawah surat cara antarabangsa yang berkaitan dalam bidang ini, terutama jika, kanak-kanak itu selainnya tidak mempunyai kewarganegaraan.

Perkara 8.

Anda mempunyai hak terhadap satu pengenalan / identiti - satu rekod rasmi tentang siapa anda. Tiada sesiapa pun yang boleh melucutkan hak ini daripada anda.

Perkara 8.

1. Negara-negara pihak mengaku janji untuk menghormati hak kanak-kanak untuk memelihara identitinya, termasuk kerakyatannya, nama dan hubungan kekeluargaan sebagaimana yang diiktiraf oleh undang-undang tanpa campur tangan yang menyalahi undang-undang.

2. Jika seseorang kanak-kanak dilucuthakan secara menyalahi undang-undang sesetengah atau semua unsur identitinya, Negara-negara pihak hendaklah memberikan bantuan dan perlindungan yang sewajarnya, dengan tujuan untuk mempercepatkan peman-tapan semula identitinya

Perkara 9.

Anda mempunyai hak untuk tinggal bersama-sama ibu bapa anda, kecuali hal ini memudaratkan anda. Anda mempunyai hak untuk tinggal dengan sebuah keluarga yang prihatin terhadap anda.

Perkara 9.

1. Negara-negara pihak hendaklah memastikan bahawa seseorang kanak-kanak tidak dipisahkan daripada ibu bapanya, tanpa kerelaannya, kecuali apabila pihak berkuasa yang berwibawa yang tertakluk kepada kajian semula kehakiman memutuskan, mengikut undang-undang dan tatacara yang diterima pakai, bahawa pemisahan sedemikaian adalah perlu bagi kepentingan terbaik kanak-kanak. Penentuan itu adalah perlu dalam kes tertentu, seperti kes yang melibatkan penganiayaan atau pengabaian kanak-kanak oleh ibu bapa tinggal secara berasingan dan suatu keputusan harus dibuat mengenai tempat tinggal kanak-kanak itu.
2. Dalam mana-mana prosiding menurut perenggan 1 perkara ini, semua pihak yang berkenaan hendaklah diberi peluang untuk menyertai prosiding itu dan melahirkan pendapat mereka.

3. Negara-negara pihak hendaklah menghormati hak kanak-kanak yang terpisah daripada seorang atau kedua-dua ibu bapa mereka untuk mengekalkan hubungan peribadi dan perhubungan terus dengan kedua-dua ibu bapa mereka atas dasar tetap, kecuali jika ia bertentangan dengan kepentingan terbaik kanak-kanak itu.
4. Jika perpisahan tersebut diakibatkan oleh mana-mana tindakan yang dimulakan oleh suatu Negara Pihak, seperti penahanan, pemenjaraan, pembuangan, pengusiran atau kematian (termasuk kematian yang timbul atas apa-apa juga punca semasa seseorang itu berada dalam jagaan Negara Pihak) salah seorang atau kedua-dua ibu bapa atau kanak-kanak itu sendiri, maka Negara Pihak tersebut hendaklah, atas permintaan, memberi ibu bapa, kanak-kanak itu atau, jika wajar, seorang lagi ahli keluarga dengan maklumat yang penting tentang tempat beradanya ahli (ahli-ahli) keluarga yang tidak hadir itu kecuali pemberian maklumat tersebut akan memudaratkan kesejahteraan kanak-kanak itu. Negara-negara Pihak hendaklah memastikan selanjutnya bahawa pengemukaan permintaan sedemikian itu sendiri tidak mendatangkan akibat yang buruk kepada orang (orang-orang) yang berke-
naan.

Perkara 10.

Anda mempunyai hak terhadap satu pengenalan diri / identiti - satu rekod rasmi tentang siapa anda. Tiada sesiapa pun boleh melucutkan hak ini daripada anda.

Perkara 10.

1. Mengikut obligasi Negara-negara Pihak di bawah perkara 9, perenggan 1, permohonan oleh seseorang kanak-kanak atau ibu bapanya untuk memasuki atau meninggalkan sesuatu Negara Pihak bagi maksud penyatuan semula keluarga hendaklah diuruskan oleh Negara-negara Pihak mengikut cara yang positif, berperikemanusiaan, serta cekap. Negara-negara Pihak hendaklah seterusnya memastikan bahawa pengemukaan permintaan itu sendiri tidak mendatangkan akibat yang buruk kepada orang (orang-orang) yang berkenaan.
2. Seseorang kanak-kanak yang ibu bapanya bermastautin di Negara yang berlainan hendaklah mempunyai hak untuk mengekalkan atas dasar tetap, kecuali dalam hal keadaan yang luar biasa, hubungan peribadi dan perhubungan terus dengan kedua-dua ibu bapanya. Dalam pada itu dan mengikut obligasi Negara-negara Pihak di bawah perkara 9, perenggan 1, Negara-negara Pihak hendaklah menghormati hak kanak-kanak dan ibu bapanya untuk meninggalkan mana-mana negara, termasuk negara mereka sendiri, dan untuk memasuki negara mereka sendiri. Hak untuk meninggalkan mana-mana negara hendaklah tertakluk hanya pada

	<p>sekatan yang ditentukan oleh undang-undang dan yang perlu untuk melindungi keselamatan negara, ketenteraman awam, kesihatan awam atau kemoralan atau hak dan kebebasan orang lain dan selaras dengan hak-hak lain yang diiktiraf dalam Konvensyen ini.</p>
<p>Perkara 11.</p> <p>Anda mempunyai hak untuk dilindungi daripada penculikan.</p>	<p>Perkara 11.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Negara-negara pihak hendaklah mengambil langkah-langkah untuk memerangi pemindahan haram dan ketidakbolehpulangan kanak-kanak di luar negara. 2. Dalam hal ini, Negara Pihak hendaklah menggalakkan perjanjian dwipihak atau berbilang pihak atau penyertaan dalam perjanjian yang sedia ada.
<p>Perkara 12.</p> <p>Anda mempunyai hak untuk memberikan pendapat anda, dan untuk orang dewasa mendengar dan mengambil berat tentangnya secara serius.</p>	<p>Perkara 12.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Negara-negara pihak hendaklah menyakinkan kanak-kanak yang boleh membentuk pendapatnya sendiri, hak untuk menyatakan pendapat itu dengan bebas dalam semua perkara yang menyentuh kanak-kanak itu, dengan pendapat kanak-kanak itu diberi pertimbangan yang sewajarnya mengikut umur dan kematangan kanak-kanak itu. 2. Bagi maksud ini, kanak-kanak hendaklah secara khusus diberikan peluang untuk didengar dalam mana-mana

	<p>prosiding kehakiman dan pentadbiran yang menyentuh kanak-kanak itu, sama ada secara langsung, atau melalui seorang wakil atau badan yang sesuai, mengikut cara yang selaras dengan kaedah-kaedah tatacara undang-undang negara.</p>
<p>Perkara 13.</p> <p>Anda mempunyai hak untuk mengkaji sesuatu dan berkongsi pendapat anda dengan orang lain, dengan bersuara, melukis, menulis atau dengan apa juga cara lain kecuali ia membahayakan atau mengganggu seseorang</p>	<p>Perkara 13.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Seseorang kanak-kanak hendaklah berhak kepada kebebasan bersuara; hak ini hendaklah merangkumi kebebasan untuk mencari, menerima dan menyampaikan semua jenis maklumat dan idea tanpa mengira sempadan sama ada secara lisan, bertulis atau cetakan, dalam bentuk lukisan atau melalui apa-apa media lain yang dipilih oleh kanak-kanak itu. 2. Penggunaan hak ini boleh tertakluk kepada sekatan tertentu, tetapi sekatan itu hendaklah hanya sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang dan adalah perlu: <ol style="list-style-type: none"> (a) Untuk menghormati hak atau reputasi orang lain; atau (b) Untuk melindungi keselamatan negara atau ketenteraman awam, atau kesihatan awam atau kemoralan.
<p>Perkara 14.</p> <p>Anda mempunyai hak untuk memilih agama dan kepercayaan anda sendiri. Ibu bapa anda seharusnya membantu anda memutuskan apa yang betul dan yang salah dan apa yang terbaik untuk anda.</p>	<p>Perkara 14.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Negara-negara pihak hendaklah menghormati hak kanak-kanak kepada kebebasan berfikir, berhati nurani dan beragama.

	<ol style="list-style-type: none"> 2. Negara-negara Pihak hendaklah menghormati hak dan kewajiban ibu bapa dan, jika berkenaan, penjaga yang sah di sisi undang-undang, untuk menunjukkan hala tuju kepada kanak-kanak itu dalam menjalankan haknya mengikut cara yang selaras dengan keupayaan berkembang kanak-kanak itu. 3. Kebebasan untuk menunjukkan agama atau kepercayaan seseorang dengan ketara boleh tertakluk hanya kepada batasan-batasan tertentu sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang dan adalah perlu untuk melindungi keselamatan awam, ketenteraman awam, kesihatan awam atau kemoralan atau hak asasi dan kebebasan orang lain.
<p>Perkara 15.</p> <p>Anda mempunyai hak untuk memilih kawan anda sendiri dan menganggotai atau menubuhkan kumpulan, asalkan tidak membahayakan orang lain.</p>	<p>Perkara 15.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Negara-negara pihak hendaklah mengiktiraf hak kanak-kanak kepada kebebasan berpersatuan dan kebebasan berhimpun secara aman. 2. Tiada sebarang sekatan yang boleh dikenakan mengenai penggunaan hak ini, selain sekatan yang dikenakan bagi mematuhi undang-undang dan yang perlu dalam masyarakat demokratik demi kepentingan keselamatan negara atau keselamatan awam, ketenteraman awam, perlindungan kesihatan awam atau kemoralan atau hak asasi dan kebebasan orang lain

Perkara 16.

Anda mempunyai hak terhadap privasi.

Perkara 16.

1. Tiada kanak-kanak boleh dikenakan gangguan dengan sewenang-wenangnya atau yang menyalahi undang-undang terhadap privasi, keluarga, tempat tinggal atau surat-menyuratnya, atau kepada serangan yang menyalahi undang-undang ke atas nama baik dan reputasinya.
2. Kanak-kanak mempunyai hak kepada perlindungan undang-undang terhadap gangguan atau serangan sedemikian.

Perkara 17.

Anda mempunyai hak untuk memberikan pendapat anda, dan untuk orang dewasa mendengar dan mengambil berat tentangnya secara seriusnya.

Perkara 17.

Negara-negara Pihak hendaklah mengiktiraf fungsi penting yang dilaksanakan oleh media massa dan hendaklah memastikan bahawa kanak-kanak itu mempunyai akses kepada maklumat dan bahan daripada pelbagai sumber kebangsaan dan antarabangsa, terutamanya maklumat dan bahan yang ditujukan kepada penggalakkan kesejahteraan sosialnya, kerohaniannya dan kemoralannya, serta kesihatan fizikal serta mentalnya. Dalam hal ini Negara-negara Pihak hendaklah:

- (a) Menggalakkan media massa menyebarkan maklumat dan bahan mengenai faedah sosial dan kebudayaan kepada kanak-kanak mengikut semangat dalam perkara 29;

	<p>(b) Menggalakkan kerjasama antarabangsa dalam penghasilan, pertukaran dan penyebaran maklumat dan bahan sedemikian dari pelbagai sumber kebudayaan, kebangsaan dan antara-bangsa.</p> <p>(c) Menggalakkan penghasilan dan penyebaran buku kanak-kanak;</p> <p>(d) Menggalakkan media massa untuk memberi perhatian tertentu kepada keperluan linguistik kanak-kanak yang tergolong dalam kumpulan minoriti atau yang merupakan penduduk asli;</p> <p>(e) Menggalakkan perkembangan garis panduan yang sesuai bagi perlindungan kanak-kanak daripada maklumat dan bahan yang boleh menjejaskan kesejahteraannya, dengan mengingati peruntukan perkara 13 dan 18.</p>
<p>Perkara 18.</p> <p>Anda mempunyai hak untuk dipelihara oleh ibu bapa anda, jika boleh.</p>	<p>Perkara 18.</p> <p>1. Negara-negara Pihak hendaklah menggunakan usaha terbaik mereka untuk memastikan pengiktirafan prinsip-prinsip bahawa kedua-dua ibu bapa mempunyai tanggungjawab bersama bagi didikan dan perkembangan kanak-kanak. Ibu bapa atau, penjaga yang sah di sisi undang-undang, mempunyai tanggungjawab utama bagi didikan dan perkembangan kanak-kanak kepentingan terbaik kanak-kanak akan menjadi perhatian asas.</p>

	<ol style="list-style-type: none"> 2. Bagi maksud menjamin dan menggalakkan hak yang dinyatakan dalam Konvensyen ini, Negara-negara Pihak hendaklah memberikan bantuan yang sewajarnya kepada ibu bapa dan penjaga yang sah di sisi undang-undang dalam melaksanakan tanggungjawab membesarkan anak mereka dan hendaklah memastikan perkembangan institusi, kemudahan dan perkhidmatan bagi penjagaan kanak-kanak. 3. Negara-negara Pihak hendaklah mengambil segala langkah yang wajar untuk memastikan bahawa kanak-kanak kepada ibu bapa yang bekerja berhak mendapat faedah daripada perkhidmatan dan kemudahan jagaan kanak-kanak yang mereka layak.
<p>Perkara 19.</p> <p>Anda mempunyai hak untuk dilindungi daripada dicerderakan dan didera, dari segi fizikal atau mental.</p>	<p>Perkara 19.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Negara-negara Pihak hendaklah mengambil segala langkah perundangan, pentadbiran, sosial dan pendidikan yang sewajarnya untuk melindungi kanak-kanak daripada segala bentuk keganasan, fizikal atau mental, kecederaan atau penderaan, pengabaian atau perlakuan cuai, penganiayaan seksual, semasa dalam jagaan ibu bapa (ibu bapa ibu bapa), penjaga yang sah di sisi undang-undang (penjaga-penjaga yang sah di sisi undang-undang) atau mana-mana orang lain yang menjaga kanak-kanak itu.

	<p>2. Langkah perlindungan sedemikian hendaklah, sebagaimana sesuai, termasuk tatacara yang berkesan bagi mewujudkan program sosial untuk memperuntukkan sokongan yang perlu bagi kanak-kanak itu dan bagi mereka yang menjaga kanak-kanak itu, serta bagi semua bentuk lain pencegahan dan bagi pengenalan, laporan, rujukan, penyiasatan, rawatan dan tindakan selanjutnya terhadap kes-kes penganiayaan kanak-kanak yang diperihalkan sebelum ini, dan, sebagaimana sesuai, bagi penglibatan kehakiman.</p>
<p>Perkara 20</p> <p>Anda mempunyai hak kepada penjagaan dan bantuan jika anda tidak boleh hidup dengan ibu bapa.</p>	<p>Perkara 20</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Seseorang kanak-kanak yang dilucuthakkan persekitaran kekeluargaannya, secara sementara atau kekal, atau yang mengikut kepentingan terbaiknya sendiri tidak boleh dibenarkan untuk terus tinggal dalam persekitaran itu, berhak mendapat perlindungan dan bantuan khas yang diperuntukkan oleh Negara. 2. Negara-negara Pihak hendaklah mengikut undang-undang negara mereka, memastikan penjagaan alternatif/pilihan bagi kanak-kanak sedemikian. 3. Jagaan sedemikian boleh termasuk, antara lain,

penempatan keluarga angkat, kafala dalam undang-undang Islam, pengangkatan, atau jika perlu penempatan di institusi yang sesuai untuk jagaan kanak-kanak. Apabila mempertimbangkan penyelesaian-penyelesaian, perhatian yang sewajarnya perlu diberikan kepada baiknya kesinambungan dalam didikan kanak-kanak dan kepada latar belakang etnik, agama, kebudayaan dan linguistik kanak-kanak itu.

Perkara 21

Anda mempunyai hak kepada penjagaan dan perlindungan jika anda di ambil sebagai anak angkat atau dalam jagaan ibu bapa angkat.

Perkara 21

Negara-negara Pihak yang mengiktiraf dan/ atau membenarkan sistem pengangkatan hendaklah memastikan bahawa kepentingan yang terbaik kanak-kanak berkenaan hendaklah menjadi pertimbangan yang paling utama dan mereka hendaklah:

- (a) Memastikan bahawa pengangkatan seseorang kanak-kanak itu dibenarkan hanya oleh pihak berkuasa yang berwibawa yang menentukan, mengikut undang-undang dan tatacara yang diterima pakai dan berdasarkan segala maklumat yang berkaitan dan boleh dipercayai, bahawa pengangkatan itu boleh dibenarkan memandangkan kepada taraf kanak-kanak itu mengenai ibu bapa, saudara-mara dan penjaga yang sah di sisi undang-undang dan bahawa , jika,

perlu, orang yang berkenaan telah memberikan persetujuan berpengetahuan kepada pengangkatan itu berdasarkan kaunseling yang diperlukan;

- (b) Mengiktiraf bahawa pengangkatan antara negara boleh dipertimbangkan sebagai suatu cara pilihan mengenai jagaan kanak-kanak, jika kanak-kanak itu tidak dapat dimasukkan dalam sesebuah keluarga angkat atau keluarga pengangkatan atau tidak boleh dalam apa-apa cara yang sesuai dijaga dalam negara asal kanak-kanak itu;
- (c) Memastikan bahawa kanak-kanak yang terlibat dalam pengangkatan antara negara menikmati perlindungan dan standard yang sama dengan yang ada dalam hal pengangkatan negara itu;
- (d) Mengambil segala langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa, dalam pengangkatan antara negara, penempatan itu tidak mendatangkan keuntungan kewangan yang tidak sepatutnya bagi mereka yang terlibat dalamnya;
- (e) Mempromosikan, jika sesuai, objektif perkara ini dengan membuat perkiraan atau perjanjian dwipihak atau berbilang pihak, dan berusaha, dalam rangka ini, untuk memastikan bahawa penempatan kanak-kanak itu dalam negara lain dijalankan oleh pihak berkuasa atau badan yang berwibawa.

Perkara 22

Anda mempunyai hak kepada perlindungan dan bantuan khas jika anda seorang pelarian (jika anda telah dipaksa meninggalkan rumah dan tinggal di negara lain), termasuk semua hak dalam Konvensyen ini.

Perkara 22

1. Negara-negara Pihak hendaklah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa seseorang kanak-kanak yang meminta taraf pelarian atau yang dianggap sebagai pelarian mengikut undang-undang dan tatacara antarabangsa atau domestik yang diterima pakai hendaklah, sama ada tidak ditemani atau ditemani oleh ibu bapanya atau oleh mana-mana orang lain, menerima perlindungan yang sewajarnya dan bantuan kemanusiaan dalam menikmati hak-hak yang diterima pakai yang dinyatakan dalam Konvensyen ini dan dalam suratkara hak-hak asasi manusia antarabangsa atau kemanusiaan yang baginya Negara tersebut menjadi Pihak.
2. Bagi maksud ini, Negara-negara Pihak hendaklah memperuntukkan, sebagaimana yang dianggap wajar oleh mereka, kerjasama dalam apa-apa usaha oleh Bangsa-bangsa Bersatu dan Pertubuhan antara berwibawa atau pertubuhan bukan kerajaan lain yang bekerjasama dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu melindungi dan membantu kanak-kanak sedemikian dan untuk mengesan ibu bapa atau ahli keluarga lain mana-mana pelarian kanak-kanak untuk mendapat maklumat yang diperlukan bagi penyatuannya dengan keluarganya. Dalam hal apabila tiada ibu bapa atau ahli keluarga lain dijumpai, kanak-kanak itu hendaklah diberikan perlindungan yang sama dengan mana-mana kanak-kanak lain yang dilucutkan persekitaran

Perkara 23

Anda mempunyai hak mendapat pendidikan dan penjagaan khas jika anda cacat atau hilang upaya, juga semua hak dalam Konvensyen ini, supaya anda boleh hidup dengan sempurna.

Perkara 23

1. Negara-negara Pihak mengiktiraf bahawa seseorang kanak-kanak yang kurang upaya secara mental atau fizikal patut menikmati kehidupan yang sepenuhnya dan dihormati, dalam keadaan yang memastikan kemuliaan, menggalakkan sikap tidak bergantung, dan memudahkan penglibatan aktif kanak-kanak itu dalam komuniti.
2. Negara-negara Pihak hendaklah mengiktiraf hak kanak-kanak kurang upaya untuk mendapat jagaan khas dan hendaklah menggalakkan dan memastikan peluasan, tertakluk kepada sumber yang ada, kepada kanak-kanak yang layak dan kepada mereka yang bertanggungjawab bagi jagaannya, bantuan yang kerananya permintaan itu dibuat dan yang sesuai dengan keadaan kanak-kanak itu dan bagi hal keadaan ibu bapa atau orang lain yang menjaga kanak-kanak itu.
3. Dalam mengiktiraf keperluan khas bagi seseorang kanak-kanak kurang upaya, bantuan yang diperluas mengikut perenggan 2 perkara ini hendaklah diperuntukkan secara percuma, apabila mungkin, dengan mengambil kira sumber kewangan ibu bapa atau orang lain yang menjaga kanak-kanak itu, dan hendaklah dirangka untuk memastikan

	<p>bahawa kanak-kanak kurang upaya telah mendapat akses yang berkesan kepada dan menerima pendidikan, latihan, perkhidmatan jagaan kesihatan, persediaan untuk bekerja dan peluang rekreasi secara yang sesuai kepada pencapaian kanak-kanak itu sejauh mungkin integrasi sosial dan perkembangan individu, termasuk perkembangan kebudayaan dan kerohanian.</p> <p>4. Negara-negara Pihak hendaklah menggalakkan, dalam semangat kerjasama antarabangsa, pertukaran maklumat yang sewajarnya dalam bidang jagaan kesihatan pencegahan dan rawatan perubatan, psikologi dan fungsi kanak-kanak kurang upaya, termasuk penyebaran dan akses kepada maklumat berkenaan dengan kaedah pemulihan, perkhidmatan pendidikan dan vokasional dengan tujuan membolehkan dan kemahiran mereka, dan untuk meluaskan pengalamannya dalam bidang ini, perhatian yang khusus hendaklah diberikan kepada keperluan negara-negara membangun.</p>
<p>Perkara 24</p> <p>Anda berhak mendapatkan penjagaan kesihatan yang sebaik mungkin, air yang selamat untuk diminum, makanan yang berkhasiat, persekitaran yang bersih dan selamat dan maklumat untuk membantu anda berada dalam keadaan yang baik.</p>	<p>Perkara 24</p> <p>1. Negara-negara Pihak mengiktiraf hak kanak-kanak untuk menikmati standard kesihatan yang tertinggi yang boleh dicapai, dan kepada kemudahan rawatan bagi penyakit dan pemulihan kesihatan. Negara-negara Pihak hendaklah berusaha untuk memastikan bahawa tiada kanak-kanak yang dilucuthakkan aksesnya kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan sedemikian.</p>

2. Negara-negara Pihak hendaklah meneruskan pelaksanaan sepenuhnya hak ini dan khususnya, hendaklah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:
 - (a) Untuk mengurangkan kadar kematian bayi dan kanak-kanak;
 - (b) Untuk memastikan peruntukan bantuan kesihatan dan rawatan kesihatan yang perlu kepada semua kanak-kanak dengan penekanan kepada perkembangan jagaan kesihatan yang utama;
 - (c) Untuk memerangi penyakit dan pemakanan tidak seimbang termasuk rangka kerja jagaan kesihatan yang utama melalui, antara lain, penggunaan teknologi yang sedia ada dan melalui peruntukan makanan berkhasiat yang mencukupi dan air minuman yang bersih, dengan mengambil kira bahaya dan risiko pencemaran alam sekitar;
 - (d) Untuk memastikan jagaan kesihatan sebelum dan selepas bersalin bagi ibu-ibu;
 - (e) Untuk memastikan bahawa semua lapisan masyarakat, khususnya ibu bapa dan kanak-kanak, dimaklumkan, mempunyai akses kepada pendidikan dan disokong dalam penggunaan ilmu pengetahuan asas mengenai kesihatan dan pemakanan kanak-kanak, kebaikan penyusuan ibu, kebersihan dan sanitasi alam sekitar dan pencegahan kemalangan;
 - (f) Untuk mengembangkan jagaan kesihatan melalui pencegahan, bimbingan untuk ibu bapa, dan pendidikan serta perkhidmatan perancangan keluarga.

	<p>3. Negara-negara Pihak hendaklah mengambil segala langkah yang berkesan dan wajar dengan tujuan untuk menghapuskan amalan tradisional yang memudaratkan kesihatan kanak-kanak;</p> <p>4. Negara-negara Pihak mengaku janji untuk mempromosi dan menggalakkan kerjasama antarabangsa dengan tujuan untuk mencapai secara berperingkat realisasi yang sepenuhnya hak yang diiktiraf dalam perkara ini. Dalam hal ini, perhatian yang khusus hendaklah diberikan kepada keperluan negara-negara membangun.</p>
<p>Perkara 25</p> <p>Jika anda hidup dalam penjagaan atau keadaan lain di luar rumah, anda mempunyai hak kepada persekitaran hidup sedemikian ditinjau dengan kerap untuk melihat sama ada keadaan tersebut adalah yang paling wajar.</p>	<p>Perkara 25</p> <p>Negara-negara Pihak mengiktiraf hak seseorang kanak-kanak yang telah ditempatkan oleh pihak berkuasa yang berwibawa bagi maksud jagaan, perlindungan atau rawatan yang diberikan kepada kanak-kanak itu dan juga semua hal keadaan lain yang berkaitan dengan penempatannya.</p>
<p>Perkara 26</p> <p>Anda mempunyai hak kepada pertolongan daripada kerajaan, jika anda miskin dan memerlukan bantuan</p>	<p>Perkara 26</p> <p>1. Negara-negara Pihak mengiktiraf bagi tiap-tiap kanak-kanak hak untuk mendapat faedah daripada keselamatan sosial termasuk insurans sosial, dan hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk merealisasikan sepenuhnya hak ini mengikut undang-undang negara mereka.</p>

2. Faedah-faedah patut, jika wajar diberikan dengan mengambil kira sumber dan hal keadaan kanak-kanak itu dan orang yang mempunyai tanggungjawab untuk memberikan nafkah kepada kanak-kanak itu serta apa-apa pertimbangan lain yang berkaitan dengan permohonan untuk mendapatkan faedah yang dibuat oleh atau bagi pihak kanak-kanak itu.

Perkara 27

Anda mempunyai hak kepada makanan, pakaian, tempat tinggal yang selamat, dan keperluan asasi anda dipenuhi. Anda tidak seharusnya mengalami kekurangan sehingga tidak dapat melakukan banyak perkara yang boleh dilakukan oleh kanak-kanak lain.

Perkara 27

1. Negara-negara Pihak mengiktiraf hak tiap-tiap kanak-kanak kepada taraf hidup yang mencukupi bagi perkembangan fizikal, mental, kerohanian, kemoralan dan sosial kanak-kanak itu.
2. Ibu bapa (ibu bapa - ibu bapa) atau orang lain yang bertanggungjawab terhadap kanak-kanak itu mempunyai tanggungjawab yang utama untuk menjamin, mengikut kebolehan dan keupayaan kewangan mereka, keadaan hidup yang perlu bagi perkembangan kanak-kanak itu.
3. Negara-negara Pihak, mengikut keadaan negara dan mengikut kemampuan mereka, hendaklah mengambil segala langkah yang sewajarnya untuk membantu ibu bapa dan orang lain yang bertanggungjawab terhadap kanak-kanak itu untuk melaksanakan hak ini dan hendaklah, jika diperlukan, memperuntukkan bantuan material dan program sokongan, terutamanya berhubung dengan pemakanan, pakaian dan tempat tinggal.

4. Negara-negara Pihak hendaklah mengambil segala langkah yang sewajarnya untuk menjamin supaya mendapat kembali nafkah untuk kanak-kanak daripada ibu bapa atau orang lain yang mempunyai tanggungjawab kewangan terhadap kanak-kanak itu, baik dalam Negara pihak mahupun dari luar negara. Secara khususnya, jika orang yang mempunyai tanggungjawab kewangan terhadap kanak-kanak itu tinggal dalam negara yang berlainan daripada negara kanak-kanak itu. Negara-negara Pihak hendaklah menggalakkan kesertaan dalam perjanjian antarabangsa atau keputusan yang sedemikian, serta membuat perkiraan lain yang sewajarnya.

Perkara 28

Anda mempunyai hak kepada pendidikan yang baik kualitinya. Anda seharusnya digalakkan belajar hingga ke tahap yang setinggi mungkin.

Perkara 28

1. Negara-negara Pihak mengiktiraf hak tiap-tiap kanak-kanak kepada pendidikan, dan dengan tujuan mencapai hak ini secara berperingkat-peringkat dan atas dasar peluang yang sama, mereka hendaklah, secara khususnya:
 - (a) Menjadikan pendidikan rendah diwajibkan dan diadakan secara percuma kepada semua;
 - (b) Menggalakkan perkembangan pendidikan menengah dalam pelbagai bentuk, termasuk pendidikan am dan vokasional, memastikan pendidikan itu terbuka kepada tiap-tiap kanak-kanak, dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya seperti memperkenalkan pendidikan percuma dan menawarkan bantuan kewangan jika diperlukan;
 - (c) Menjadikan pendidikan tinggi dapat diikuti oleh semua atas dasar

keupayaan melalui tiap-tiap cara yang sewajarnya;

- (d) Menjadikan maklumat pendidikan dan vokasional dan bimbingan diadakan dan terbuka kepada semua kanak-kanak;
- (e) Mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan kehadiran yang tetap di sekolah dan mengurangkan kadar keciciran.

2. Negara-negara Pihak hendaklah mengambil langkah-langkah yang wajar untuk memastikan disiplin di sekolah dikendalikan dengan cara yang sesuai dengan maruah kemanusiaan kanak-kanak dan mematuhi konvensyen sekarang.

3. Negara-negara Pihak hendaklah meningkatkan dan menggalakkan kerjasama di peringkat antarabangsa dalam hal yang berhubung dengan pendidikan, khususnya dengan tujuan membantu membasmi kedaifan dan buta huruf di seluruh dunia dan memudahkan pemerolehan pengetahuan sains dan teknikal dan kaedah pengajaran moden. Sehubungan dengan itu, perhatian yang khusus harus diberikan kepada keperluan negara membangun.

Perkara 29

Pendidikan anda seharusnya membantu anda menggunakan dan mengembangkan bakat dan kebolehan. Pendidikan ini juga seharusnya membantu anda untuk mempelajari cara untuk hidup dengan aman damai, melindungi persekitaran dan menghormati orang lain.

Perkara 29

- 1. Negara-negara Pihak bersetuju bahawa pendidikan kanak-kanak hendaklah dihalatujukan kepada:
 - (a) Perkembangan personaliti, bakat, dan kebolehan mental dan fizikal kanak-kanak pada tahap potensi yang paling tinggi;

- (b) Perkembangan rasa hormat terhadap hak asasi manusia dan kebebasan asasi, dan kepada prinsip-prinsip yang termaktub dalam Piagam Bangsa-bangsa Bersatu;
 - (c) Perkembangan rasa hormat terhadap ibu bapa kanak-kanak, identiti kebudayaan, bahasa dan nilainya sendiri, demi nilai kebangsaan negara tempat tinggalnya, negara asalnya, dan tamadun yang berbeza daripada tamadunnya sendiri;
 - (d) Penyediaan diri kanak-kanak untuk hidup yang bertanggungjawab dalam masyarakat yang bebas, dalam semangat persefahaman, keamanan, toleransi, kesamarataan jantina, dan persahabatan di kalangan semua orang, kumpulan etnik, kebangsaan dan agama, dan orang yang asal usulnya penduduk asli;
 - (e) Perkembangan rasa hormat terhadap persekitaran semula jadi.
2. Tiada bahagian dalam perkara ini atau perkara 28 boleh ditafsirkan sebagai mengganggu kebebasan individu dan badan untuk mewujudkan dan mengarahkan institusi pendidikan, tertakluk sentiasa kepada pematuhan terhadap prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam perenggan 1 perkara ini dan kepada keperluan bahawa pendidikan yang diberikan di institusi sedemikian hendaklah memenuhi standard minimum seperti yang ditetapkan oleh Negara.

Perkara 30

Anda mempunyai hak untuk mengamalkan kebudayaan, bahasa dan agama sendiri – atau mana-mana yang dipilih. Kumpulan minoriti dan penduduk asli memerlukan perlindungan khas dalam hak ini.

Perkara 30

Di Negara yang terdapat kumpulan minoriti etnik, agama atau linguistik, atau penduduk asli, seorang kanak-kanak yang tergolong dalam minoriti sedemikian atau ialah penduduk asli tidaklah boleh dinafikan haknya, dalam komuniti dengan anggota kumpulan yang lain, untuk menikmati kebudayaannya sendiri, untuk menganut dan mengamalkan agamanya sendiri, atau menggunakan bahasanya sendiri.

Perkara 31

Anda mempunyai hak bermain dan berehat.

Perkara 31

1. Negara-negara Pihak mengiktiraf hak setiap kanak-kanak untuk rehat dan masa lapang, untuk melibatkan diri dalam aktiviti permainan dan rekreasi yang sesuai dengan umur kanak-kanak itu dan untuk menyertai secara bebas dalam kehidupan kebudayaan dan kesenian.
2. Negara-negara Pihak hendaklah menghormati dan menggalakkan hak setiap kanak-kanak untuk melibatkan diri sepenuhnya dalam kehidupan kebudayaan dan kesenian dan menggalakkan penyertaan peluang yang sesuai dan sama bagi aktiviti kebudayaan, kesenian, rekreasi dan masa lapang.

Perkara 32

Anda mempunyai hak kepada perlindungan daripada kerja yang membahayakan anda, dan yang menjejaskan kesihatan dan pendidikan. Jika anda bekerja, anda berhak kepada keselamatan dan upah yang wajar.

Perkara 32

1. Negara-negara Pihak mengiktiraf hak setiap kanak-kanak untuk dilindungi daripada dieksploitasi ekonomi dan daripada menjalankan apa-apa kerja yang berkemungkinan berbahaya atau

	<p>mengganggu pendidikan kanak-kanak itu, atau yang memudaratkan kesihatan kanak-kanak atau perkembangan fizikal, mental, kerohanian kemoralan atau sosial kanak-kanak itu.</p> <p>2. Negara-negara Pihak hendaklah mengambil langkah-langkah perundangan, pentadbiran, sosial dan pendidikan untuk memastikan pelaksanaan perkara ini. Dalam hal ini, dan setelah mengambil kira peruntukan yang berkaitan suratcara antarabangsa yang lain, Negara-negara Pihak hendaklah secara khusus:-</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Membuat peruntukan mengenai umur minimum atau umur-umur minimum untuk bekerja; (b) Membuat peruntukan mengenai pengawalseliaan waktu dan keadaan bekerja; (c) Membuat peruntukan mengenai penalti yang sewajarnya atau apa-apa sekatan lain untuk memastikan penguatkuasaan yang berkesan perkara ini.
<p>Perkara 33</p> <p>Anda mempunyai hak untuk dilindungi daripada dadah dan daripada jual beli dadah.</p>	<p>Perkara 33</p> <p>Negara-negara Pihak hendaklah mengambil segala langkah yang wajar, termasuklah langkah-langkah perundangan, pentadbiran, sosial dan pendidikan, untuk melindungi kanak-kanak daripada penggunaan secara haram dadah narkotik dan bahan psikotropik sebagaimana yang ditakrifkan dalam triti antarabangsa yang berkenaan, dan mengelakkan kanak-kanak dalam pengeluaran dan pengedaran bahan itu.</p>

Perkara 34

Anda mempunyai hak supaya bebas daripada gangguan seksual.

Perkara 34

Negara-negara Pihak mengaku janji untuk melindungi kanak-kanak daripada segala bentuk pengeksploitasian seks dan penderaan seksual. Bagi maksud ini, Negara-negara Pihak hendaklah secara khusus mengambil segala langkah kebangsaan, dwipihak dan berbilang pihak yang sewajarnya untuk mencegah:

- (a) Dorongan atau paksaan kanak-kanak untuk terlibat dalam apa-apa aktiviti seks yang menyalahi undang-undang;
- (b) Penggunaan bersifat mengeksploitasi kanak-kanak dalam pelacuran atau mana-mana amalan seks yang menyalahi undang-undang.
- (c) Penggunaan bersifat mengeksploitasi dalam persembahan dan bahan lucah.

Perkara 35

Tiada sesiapaapun boleh melarikan atau menjual anda.

Perkara 35

Negara-negara Pihak hendaklah mengambil segala langkah dalam negara, dwipihak dan berbilang pihak yang sewajarnya untuk mencegah pelarian, penjualan atau perdagangan haram kanak-kanak bagi apa-apa maksud dan dalam apa-apa bentuk.

Perkara 36

Anda mempunyai hak kepada perlindungan daripada apa juga bentuk pengeksploitasian (diambil kesempatan).

Perkara 36

Negara-negara Pihak hendaklah melindungi kanak-kanak daripada apa juga bentuk pengeksploitasian lain yang memudaratkan mana-mana aspek kebajikan kanak-kanak itu.

Perkara 37

Tiada sesiapaupun dibenarkan untuk menghukum anda dengan cara yang zalim atau membahayakan.

Perkara 37

Negara-negara Pihak hendaklah memastikan bahawa :

- (a) Tiada kanak-kanak boleh tertakluk kepada penyeksaan atau layanan atau hukuman lain yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah. Tiada hukuman mati atau pemenjaraan seumur hidup tanpa kemungkinan dilepaskan boleh dikenakan bagi kesalahan yang dilakukan oleh mereka yang berumur di bawah 18 tahun;
- (b) Tiada kanak-kanak yang boleh dilucuthakkan kebebasannya dengan menyalahi undang-undang atau secara sewenang-wenangnya. Penangkapan, penahanan atau pemenjaraan kanak-kanak hendaklah mematuhi undang-undang dan hendaklah digunakan hanya sebagai langkah terakhir dan untuk tempoh masa yang paling sesuai dan paling singkat;
- (c) Tiap-tiap kanak-kanak yang dilucuthakkan kebebasannya hendaklah dilayani dengan perikemanusiaan dan dengan hormat demi maruah diri manusia yang sedia ada, dan mengikut cara yang mengambil keperluan orang yang sama umur dengannya. Secara khusus tiap-tiap kanak-kanak yang dilucuthakkan kebebasannya, hendaklah dipisahkan daripada orang dewasa melainkan jika ia disifatkan demi kepentingan terbaik kanak-kanak itu untuk tidak berbuat demikian, dan hendaklah mempunyai hak untuk mengekalkan perhubungannya dengan keluarganya melalui surat- menyurat dan lawatan,

kecuali dalam hal keadaan yang luar biasa;

- (d) Tiap-tiap kanak-kanak yang dilucuthakkan kebebasannya hendaklah mempunyai hak untuk akses yang cepat kepada bantuan guaman dan bantuan sesuai yang lain serta hak untuk mencabar kesahan pelucuthakkan kebebasannya, di hadapan mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa lain yang berwibawa, bebas dan saksama, dan kepada keputusan yang cepat mengenai apa-apa tindakan yang sedemikian.

Perkara 38

Anda mempunyai hak kepada perlindungan dan kebebasan daripada peperangan. Kanak-kanak di bawah umur 15 tahun tidak boleh dipaksa memasuki angkatan tentera atau terlibat dalam peperangan.

Perkara 38

1. Negara-negara Pihak mengaku janji untuk menghormati dan memastikan rasa hormat terhadap kaedah-kaedah undang-undang kemanusiaan antarabangsa yang diterima pakai bagi mereka dalam konflik bersenjata, yang berkaitan dengan kanak-kanak.
2. Negara-negara Pihak hendaklah mengambil segala langkah boleh laksana untuk memastikan bahawa orang yang belum mencapai umur 15 tahun tidak mengambil bahagian secara langsung dalam permusuhan.
3. Negara-negara Pihak hendaklah menahan diri daripada merekrut mana-mana orang yang belum mencapai umur 15 tahun ke dalam angkatan tentera mereka. Dalam merekrut orang yang telah mencapai umur 15 tahun tetapi belum lagi mencapai umur 18 tahun, Negara-negara Pihak hendaklah berusaha untuk memberikan keutamaan kepada mereka yang paling tua.

VERSI BAHASA MUDAH	TEKS ASAL
	<p>4. Mengikut obligasi mereka di bawah undang-undang kemanusiaan antarabangsa untuk melindungi orang awam dalam konflik bersenjata, Negara-negara Pihak hendaklah mengambil segala langkah boleh laksana untuk memastikan adanya perlindungan dan jagaan kanak-kanak yang terjejas oleh sesuatu konflik bersenjata.</p>
<p>Perkara 39</p> <p>Anda mempunyai hak mendapatkan pertolongan jika anda dcederakan, diabai atau dieksploitasi.</p>	<p>Perkara 39</p> <p>Negara-negara Pihak hendaklah mengambil segala langkah yang wajar untuk menggalakkan pemulihan fizikal dan psikologi dan integrasi semula sosial bagi mangsa kanak-kanak daripada: apa-apa bentuk pengabaian, eksploitasi, atau penyalahgunaan; penyeksaan atau apa-apa bentuk layanan atau hukuman yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau yang menjatuhkan maruah; atau konflik bersenjata. Pemulihan dan integrasi semula sedemikian hendaklah mengambil tempat dalam suasana yang merangsangkan kesihatan, harga diri dan maruah kanak-kanak itu.</p>
<p>Perkara 40</p> <p>Anda mempunyai hak mendapatkan bantuan undang-undang dan layanan yang sama rata dalam sistem kehakiman yang menghormati hak anda.</p>	<p>Perkara 40</p> <p>1. Negara-negara Pihak mengiktiraf hak tiap-tiap kanak-kanak yang dikatakan sebagai, dituduh atau dikenal sebagai seseorang yang telah melanggar undang-undang penal, hendaklah dilayan mengikut cara yang selaras dengan penggalakkan kefahaman kanak-kanak itu mengenai kemuliaan dan harga diri, yang menguatkan rasa hormat kanak-kanak itu terhadap hak asasi manusia dan kebebasan asas orang lain,</p>

dan yang mengambil kira umur kanak-kanak itu dan kebaikan mempromosikan integrasi semula kanak-kanak itu, serta hasrat kanak-kanak itu memainkan peranan yang membina dalam masyarakat.

2. Dalam hal ini, dan setelah mengambil kira peruntukan yang berkaitan suratcara antarabangsa, Negara-negara Pihak hendaklah, secara khususnya, memastikan bahawa:
 - (a) Tiada kanak-kanak yang boleh dikatakan sebagai, dituduh atau dikenal sebagai seseorang yang telah melanggar undang-undang penal, dengan sebab perbuatan atau peninggalan yang tidak dilarang oleh undang-undang negara atau antarabangsa pada masa perbuatan atau peninggalan itu dilakukan.
 - (b) Tiap-tiap kanak-kanak yang dikatakan sebagai, dituduh atau dikenal sebagai seseorang yang telah melanggar undang-undang penal, mempunyai sekurang-kurangnya jaminan yang berikut:
 - (i) Untuk dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah mengikut undang-undang;
 - (ii) Untuk dimaklumkan dengan segera dan secara terus mengenai pertuduhan-pertuduhan terhadapnya dan, jika wajar, melalui ibu bapanya atau penjaganya yang sah di sisi undang-undang, dan diberi bantuan guaman atau bantuan lain yang sewajarnya dalam penyediaan dan pembentangan pembelaannya;
 - (iii) Menjadikan perkara itu diputuskan tanpa berlengah-lengah oleh pihak

berkuasa yang berwibawa, bebas dan saksama atau oleh badan kehakiman dalam suatu pembicaraan yang adil mengikut undang-undang, dengan adanya bantuan guaman atau apa-apa bantuan lain yang sewajarnya, melainkan jika dianggap bukan demi kepentingan terbaik kanak-kanak itu, khususnya, dengan mengambil kira umurnya atau keadaannya, ibu bapanya atau penjaganya yang sah di sisi undang-undang;

- (iv) Untuk tidak dipaksa memberikan testimoni atau mengaku bersalah; untuk memeriksa atau diperiksa saksi belot dan, untuk mendapatkan penglibatan dan pemeriksaan saksi bagi pihaknya di bawah keadaan sama rata;
- (v) Jika dianggap telah melanggar undang-undang penal, untuk mendapatkan keputusan ini dan apa-apa langkah yang dikenakan berbangkit daripadanya, dikaji semula oleh pihak berkuasa yang berwibawa, bebas dan saksama yang lebih tinggi atau badan kehakiman mengikut undang-undang;
- (vi) Untuk mendapatkan bantuan seorang penterjemah dengan percuma, jika kanak-kanak itu tidak boleh dan tidak memahami atau bercakap dalam bahasa yang digunakan;
- (vii) Untuk menjadikan privasinya dihormati sepenuhnya pada semua peringkat prosiding.

	<p>3. Negara-negara Pihak hendaklah cuba menggalakkan pewujudan undang-undang, tatacara, pihak berkuasa dan institusi yang secara khusus untuk diterima pakai bagi kanak-kanak yang dinyatakan sebagai, dituduh atau dikenal sebagai seseorang yang telah melanggar undang-undang penal, dan secara khususnya:</p> <p>(a) Penetapan umur minimum, yang di bawah umur itu kanak-kanak hendaklah dianggap tidak mempunyai keupayaan untuk melanggar undang-undang penal;</p> <p>(b) Pada bila-bila masa yang sesuai dan wajar, langkah-langkah untuk berurusan dengan kanak-kanak sedemikian tanpa menggunakan prosiding kehakiman, dengan syarat hak asasi manusia dan perlindungan di sisi-sisi undang-undang dihormati sepenuhnya.</p> <p>4. Berbagai-bagai peruntukan seperti, perintah jagaan, bimbingan dan penyeliaan; kaunseling; cubaan akhlak; jagaan keluarga angkat; program latihan pendidikan dan program latihan vokasional dan alternatif lain kepada jagaan oleh institusi hendaklah boleh didapati untuk memastikan bahawa kanak-kanak itu diuruskan kesejahteraan mereka mengikut cara yang sewajarnya dan berpadanan dengan kedua-dua hal keadaan dan kesalahan itu.</p>
<p>Perkara 41</p> <p>Jika undang-undang negara anda memperuntukkan perlindungan yang lebih</p>	<p>Perkara 41</p> <p>Tiada apa-apa jua dalam Konvensyen ini yang boleh menyentuh apa-apa peruntukan</p>

<p>baik terhadap hak anda daripada perkara dalam Konvensyen ini, maka undang-undang tersebut hendaklah diterima pakai.</p>	<p>yang lebih berfaedah kepada merealisasikan hak kanak-kanak yang terkandung dalam:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Undang-undang sesebuah negara pihak; atau (b) Undang-undang antarabangsa yang berkuatkuasa di dalam negara itu.
<p>Perkara 42</p> <p>Anda berhak mengetahui hak anda! Orang dewasa harus tahu tentang hak-hak ini dan membantu anda mempelajari tentangnya</p>	<p>Perkara 42</p> <p>Negara-negara Pihak mengaku janji untuk menjadikan prinsip-prinsip dan peruntukan-peruntukan Konvensyen diketahui umum dengan cara yang sesuai dan aktif, baik kepada orang dewasa mahupun kanak-kanak.</p>
	<p>Perkara 43</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bagi maksud memeriksa perkembangan yang dibuat oleh Negara-negara Pihak dalam merealisasikan obligasi yang diaku janji dalam Konvensyen ini, maka hendaklah ditubuhkan sebuah jawatankuasa mengenai hak kanak-kanak, yang hendaklah menjalankan fungsi- fungsi yang diperuntukkan kemudian daripada ini. 2. Jawatankuasa ini hendaklah terdiri daripada sepuluh orang pakar yang mempunyai pendirian moral yang mulia dan kecekapan yang diiktiraf dalam bidang-bidang yang diliputi oleh Konvensyen ini. Anggota Jawatankuasa ini hendaklah dipilih oleh Negara-negara Pihak daripada kalangan rakyat mereka, dan hendaklah memberi khidmat atas sifat peribadi mereka, dengan pertimbangan diberikan kepada pengagihan geografi yang saksama , serta sistem perundangan yang utama.

3. Anggota-anggota Jawatankuasa ini hendaklah dipilih melalui undi rahsia daripada senarai orang-orang yang dicalonkan oleh Negara-negara Pihak. Setiap Negara Pihak boleh menamakan satu orang daripada kalangan rakyatnya sendiri.
4. Pemilihan awal Jawatankuasa hendaklah diadakan tidak terkemudian daripada enam bulan selepas tarikh mula berkuatkuasanya konvensyen ini, dan selepas itu tiap-tiap tahun kedua. Sekurang-kurangnya empat bulan sebelum tarikh setiap pemilihan, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu hendaklah mengajukan suatu surat kepada Negara-negara Pihak, menjemput mereka untuk mengemukakan pencalonan mereka dalam masa dua bulan. Setiausaha Agung hendaklah kemudiannya menyediakan satu senarai mengikut abjad bagi semua orang yang dicalonkan, yang menunjukkan nama Negara-negara Pihak yang mencalonkan mereka dan hendaklah mengemukakan senarai itu kepada Negara-negara Pihak Konvensyen ini.
5. Pemilihan hendaklah diadakan dalam mesyuarat-mesyuarat Negara-negara Pihak, yang dipanggil oleh Setiausaha Agung di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Dalam mesyuarat itu, yang kuorumnya ialah dua pertiga daripada Negara-negara Pihak, orang yang dipilih sebagai anggota Jawatankuasa itu hendaklah mereka yang mendapat undi terbanyak dan majoriti mutlak undi wakil Negara-negara Pihak yang hadir dan mengundi.

6. Anggota-anggota Jawatankuasa ini hendaklah dipilih bagi tempoh empat tahun. Mereka adalah layak bagi pemilihan semula sekiranya dicalonkan semula. Tempoh bagi lima anggota yang dipilih pada pemilihan pertama akan tamat pada penghujung tahun kedua; sebaik sahaja selepas pemilihan pertama, nama-nama lima orang anggota ini hendaklah dipilih dengan cabutan undi oleh Pengerusi mesyuarat.
7. Jika seseorang anggota Jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan atau mengisytiharkan bahawa oleh apa-apa sebab lain dia tidak lagi dapat melaksanakan kewajipan Jawatankuasa, Negara-negara Pihak yang mencalonkan anggota tersebut hendaklah melantik seorang lagi pakar daripada kalangan rakyatnya untuk berkhidmat selama baki tempoh itu, tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa.
8. Jawatankuasa hendaklah menetapkan kaedah-kaedah tatacaranya sendiri.
9. Jawatankuasa hendaklah memilih pegawainya bagi tempoh dua tahun.
10. Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah lazimnya diadakan di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau mana-mana tempat lain yang sesuai sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa. Jawatankuasa hendaklah pada lazimnya bersidang setiap tahun. Jangka masa mesyuarat hendaklah ditentukan dan dikaji semula, jika perlu,

oleh suatu mesyuarat Negara-negara Pihak Konvensyen ini, tertakluk kepada kelulusan Perhimpunan Agung.

11. Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu hendaklah memperuntukkan kakitangan dan kemudahan yang diperlukan bagi pelaksanaan berkesan fungsi Jawatankuasa di bawah Konvensyen ini.
12. Dengan kelulusan Perhimpunan Agung, anggota Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Konvensyen ini hendaklah menerima saraan daripada sumber Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang diputuskan oleh Perhimpunan.

Perkara 44

1. Negara-negara Pihak mengaku janji untuk mengemukakan kepada Jawatankuasa, melalui Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, laporan mengenai langkah-langkah yang telah diterima pakai oleh mereka yang menguatkuasakan hak-hak yang diiktiraf dalam Konvensyen ini dan mengenai kemajuan yang dibuat mengenai hak-hak yang dinikmati itu:
 - (a) Dalam masa dua tahun selepas mula berkuatkuasanya Konvensyen bagi Negara-negara Pihak yang berkenaan,
 - (b) Selepas itu, tiap-tiap lima tahun.
2. Laporan yang dibuat di bawah perkara ini, hendaklah menunjukkan faktor-faktor dan kesukaran, jika ada, yang menjejaskan tahap penunaian obligasi di

bawah Konvensyen ini. Laporan ini juga hendaklah mengandungi maklumat yang mencukupi untuk memberi Jawatankuasa pemahaman yang komprehensif mengenai pelaksanaan Konvensyen di Negara Pihak yang berkenaan.

3. Suatu Negara Pihak yang telah mengemukakan laporan komprehensif awal kepada Jawatankuasa, tidak perlu dalam laporan yang dikemukakan selepas itu mengikut perenggan 1(b) perkara ini, mengulangi maklumat asas yang diberikan dahulunya.
4. Jawatankuasa boleh meminta daripada Negara-negara Pihak maklumat lanjut yang berkaitan dengan pelaksanaan Konvensyen ini.
5. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan kepada Perhimpunan Agung, melalui Majlis Ekonomi dan Sosial, tiap-tiap dua tahun, Laporan mengenai aktivitinya.
6. Negara-negara Pihak hendaklah memastikan laporan mereka boleh didapati secara meluas kepada orang awam di negara mereka sendiri.

Perkara 45

Untuk merangsangkan pelaksanaan yang berkesan Konvensyen dan untuk menggalakkan kerjasama antarabangsa dalam bidang yang diliputi oleh Konvensyen:

- (a) Agensi-agensi khusus, Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa

Bersatu dan organ Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang lain berhak untuk diwakili pada masa pertimbangan pelaksanaan peruntukan Konvensyen ini sebagaimana termasuk dalam ruang lingkup mandat mereka. Jawatankuasa boleh menjemput agensi-agensi khusus itu, Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan badan-badan lain yang berwibawa yang dianggap wajar untuk memberikan khidmat nasihat pakar mengenai pelaksanaan Konvensyen dalam bidang yang termasuk dalam ruang lingkup mandat mereka masing-masing. Jawatankuasa boleh menjemput Agensi-agensi khusus, seperti Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan organ Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang lain untuk mengemukakan laporan mengenai pelaksanaan Konvensyen dalam bidang yang termasuk dalam ruang lingkup aktiviti mereka;

- (b) Jawatankuasa hendaklah menghantar, sebagaimana yang dianggap wajar, kepada Agensi-agensi khusus, Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan badan-badan lain yang berwibawa, apa-apa laporan daripada Negara-negara Pihak yang mengandungi suatu permintaan, atau menunjukkan keperluan bagi bantuan teknik atau nasihat, berserta dengan pemerhatian dan cadangan, jika ada, mengenai permintaan atau keperluan ini;
- (c) Jawatankuasa boleh mengesyorkan kepada Perhimpunan Agung untuk

	<p>meminta Setiausaha Agung mengaku janji bagi pihaknya kajian mengenai isu-isu khusus yang berhubung dengan hak kanak-kanak;</p> <p>(d) Jawatankuasa boleh membuat cadangan dan syor am berdasarkan maklumat yang diterima menurut perkara 44 dan 45 Konvensyen ini. Cadangan dan syor am itu hendaklah dihantar kepada mana-mana Negara Pihak yang berkenaan dan melaporkan kepada Perhimpunan Agung, berserta dengan ulasan, jika ada, daripada Negara-negara Pihak.</p>
	<p>Perkara 46</p> <p>Konvensyen ini adalah terbuka untuk ditandatangani oleh semua negara pihak.</p>
	<p>Perkara 47</p> <p>Konvensyen ini adalah tertakluk kepada ratifikasi. Surat cara ratifikasi hendaklah didepositkan dengan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.</p>
	<p>Perkara 48</p> <p>Konvensyen ini hendaklah terus terbuka untuk penyertaan oleh mana-mana Negara Pihak. Surat cara penyertaan hendaklah didepositkan dengan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.</p>
	<p>Perkara 49</p> <p>1. Konvensyen ini hendaklah mula dikuatkuasakan pada hari ketiga belas berikutan dari tarikh surat cara ratifikasi atau penyertaan yang kedua puluh</p>

didepositkan dengan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

2. Bagi setiap Negara Pihak yang meratifikasi atau menyertai Konvensyen ini selepas didepositkan surat cara ratifikasi atau penyertaan yang kedua puluh, Konvensyen hendaklah mula berkuatkuasa pada hari ketiga belas selepas surat cara ratifikasi atau penyertaan oleh Negara Pihak berkenaan didepositkan.

Perkara 50

1. Mana-mana Negara Pihak boleh mencadangkan sesuatu pindaan dan memfailkan pindaan itu dengan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Setiausaha Agung hendaklah sesudah itu memaklumkan kepada Negara-negara Pihak mengenai cadangan pindaan, dengan permintaan supaya mereka membayangkan sama ada mereka menyokong suatu sidang Negara-negara Pihak diadakan bagi maksud mempertimbangkan dan mengundi cadangan itu. Jika sekiranya, dalam masa empat bulan daripada tarikh pemakluman itu, sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Negara-negara Pihak menyokong diadakan sidang itu, maka Setiausaha Agung hendaklah memanggil sidang itu di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Apa-apa pindaan yang diterima pakai oleh majoriti daripada Negara-negara Pihak yang hadir dan mengundi di sidang itu hendaklah dikemukakan kepada Perhimpunan Agung untuk kelulusan.

	<p>2. Sesuatu pindaan yang diterima pakai mengikut perenggan 1 perkara ini hendaklah berkuat kuasa apabila pindaan itu diluluskan oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan diterima oleh dua pertiga majoriti Negara-negara Pihak.</p> <p>3. Apabila sesuatu pindaan mula berkuatkuasa, pindaan itu hendaklah mengikat semua Negara Pihak yang menerimanya, manakala Negara-negara Pihak yang lain masih terikat dengan peruntukan Konvensyen ini dan apa-apa pindaan terdahulu yang diterima oleh mereka</p>
	<p>Perkara 51</p> <p>1. Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu hendaklah menerima dan mengedarkan, kepada semua Negara Pihak, teks reservasi yang dibuat oleh Negara-negara Pihak pada masa ratifikasi dan penyertaan.</p> <p>2. Sesuatu reservasi yang tidak secocok dengan tujuan dan maksud Konvensyen ini tidak dibenarkan.</p> <p>3. Reservasi boleh ditarik balik pada bila-bila masa melalui pemberitahuan yang bermaksud sedemikian yang ditujukan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, yang hendaklah memberitahu semua Negara Pihak. Pemberitahuan itu hendaklah mula berkuatkuasa dari tarikh yang pemberitahuan itu diterima oleh Setiausaha Agung</p>

	<p>Perkara 52</p> <p>Negara Pihak boleh memutuskan Konvensyen ini melalui pemberitahuan bertulis kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Pemutusan ini mula berkuatkuasa setahun selepas tarikh penerimaan pemberitahuan itu oleh Setiausaha Agung.</p>
	<p>Perkara 53</p> <p>Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dilantik sebagai pendeposit Konvensyen ini.</p>
	<p>Perkara 54</p> <p>Konvensyen ini, yang teksnya dalam bahasa Arab, Cina, Inggeris, Perancis, Rusia dan Sepanyol adalah sama sah, hendaklah didepositkan dengan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.</p> <p>Pada menyaksikan hal di atas, wakil penuh Kerajaan yang bertandatangan di bawah, yang diberi kuasa sewajarnya oleh Kerajaan masing-masing, telah menandatangani Konvensyen ini.</p>

Versi bahasa mudah CRC ini (kenyataan pengenalan dan perkara 1-42) dipetik daripada dokumen UNICEF-Kanada yang terdapat dalam laman webnya (www.unicef.ca). Versi bahasa mudah CRC Mukadimah dipetik daripada *ABC – Teaching Human Rights*, Pejabat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Pesuruhjaya Hak Asasi Manusia (Geneva/ New York :2003).

PENGENALAN KEPADA ISTILAH HAK ASASI MANUSIA

(Petikan daripada : *Human Rights: A Handbook for UN Staff*, hlm. 2-5)

Apakah hak asasi manusia?

Hak asasi manusia biasanya difahami sebagai hak yang dipunyai manusia secara sedia ada/semula jadi. Konsep hak asasi manusia menerima hakikat bahawa setiap insan berhak untuk menikmati hak asasinya tanpa membezakan bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, agama, pandangan politik atau pandangan lain, asal usul bangsa atau sosial, harta benda, status kelahiran atau status lain.

Hak asasi manusia dijamin dari segi undang-undang oleh *undang-undang hak asasi manusia*, yang melindungi individu dan kumpulan daripada sebarang tindakan yang mengganggu gugat kebebasan dasar dan maruah manusia. Hak-hak ini dinyatakan dalam triti, undang-undang antarabangsa adat, kumpulan prinsip, dan sumber lain undang-undang. Undang-undang hak asasi manusia meletakkan kewajipan kepada negara pihak untuk bertindak dengan cara khusus dan melarang negara tersebut daripada terlibat dengan aktiviti-aktiviti tertentu. Walau bagaimanapun, undang-undang tidak menetapkan hak asasi manusia. Hak asasi manusia merupakan hak sedia ada yang diperoleh setiap insan yang lahir sebagai manusia. Triti dan sumber lain undang-undang berperanan untuk *melindungi* secara formal individu dan kumpulan terhadap sebarang tindakan atau pengabaian tindakan oleh kerajaan yang mengganggu hak asasi yang dinikmati oleh mereka.

Berikut ialah beberapa ciri yang amat penting hak asasi manusia:

- Hak asasi manusia diasaskan pada *penghormatan terhadap maruah dan harga diri setiap orang*;
- Hak asasi manusia bersifat *sejagat*, bererti hak ini digunakan secara sama rata/adil dan tanpa diskriminasi bagi semua manusia;
- Hak asasi manusia bersifat *tak terpisah*, dengan maksud bahawa tidak seorang pun yang boleh dirampas hak asasinya; hak ini boleh dibataskan dalam situasi tertentu (misalnya, hak kepada kebebasan boleh disekat sekiranya seseorang itu didapati bersalah melakukan jenayah oleh mahkamah undang-undang);
- Hak asasi manusia *tak boleh dibahagi, saling berhubung dan saling bergantung*, kerana tidak cukup sekadar menghormati sesetengahnya dan tidak menghormati yang lain. Dari segi amalannya, pelanggaran sesuatu

hak akan sering kali menjejaskan penghormatan terhadap beberapa hak yang lain. Oleh yang demikian, semua hak hendaklah dilihat sebagai sama penting dan justeru itu adalah sama perlunya menghormati maruah dan harga diri setiap orang.

Undang-undang hak asasi manusia antarabangsa

Penyataan formal hak asasi sedia ada adalah melalui *undang-undang hak asasi manusia antarabangsa*. Satu siri triti hak asasi manusia dan surat cara lain telah wujud sejak tahun 1945 yang memberikan bentuk perundangan kepada hak asasi manusia sedia ada. Penubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, menyediakan forum yang unggul bagi pengembangan dan penerimaan surat cara hak asasi manusia. Surat cara lain telah diterima pakai di peringkat rantau mencerminkan masalah hak asasi manusia tertentu wilayah berkenaan. Kebanyakan negara juga telah menerima pakai perlembagaan dan undang-undang lain yang melindungi secara formal hak asasi manusia pada dasarnya. Seringkali, bahas yang digunakan oleh negara-negara tersebut diambil secara langsung daripada surat cara hak asasi manusia antarabangsa.

Undang-undang hak asasi manusia antarabangsa sebahagian besarnya terdiri daripada triti dan adat, serta antaranya, perisytiharan, garis panduan dan prinsip.

Triti

Triti ialah perjanjian yang dibuat oleh negara-negara yang perlu diikat oleh peraturan-peraturan tertentu. Triti antarabangsa mempunyai nama-nama yang berbeza seperti *kovenan*, *piagam*, *protokol*, *konvensyen*, *persetujuan* dan *perjanjian*. Di sisi undang-undang triti mengikat negara-negara yang telah bersetuju diikat oleh peruntukan triti – dengan kata lain merupakan *pihak* dalam triti.

Sesebuah negara boleh menjadi *pihak* suatu triti secara *ratifikasi*, *penyertaan* atau *pewarisan*. Ratifikasi ialah pengungkapan formal oleh negara terhadap persetujuan yang perlu terikat oleh sesuatu triti (semasa tempoh triti dibuka untuk ditandatangani) boleh meratifikasinya. Ratifikasi terdiri daripada dua tindakan prosedur: pada peringkat dalam negara ratifikasi memerlukan persetujuan badan perlembagaan yang wajar (biasanya ketua negara atau parlimen). Pada peringkat antarabangsa, menurut peruntukan yang relevan dalam triti tersebut, surat cara ratifikasi hendaklah dihantar secara formal kepada badan penyimpan yang mungkin merupakan sebuah pertubuhan negara atau antarabangsa seperti, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Penyertaan berkaitan dengan persetujuan untuk diikat oleh sebuah negara yang belum menandatangani surat cara sebelum ini. Negara-negara meratifikasi triti sebelum atau selepas triti mula berkuatkuasa. Hal ini juga sama dengan yang berlaku bagi penyertaan.

Sesebuah negara juga boleh menjadi pihak sesuatu triti secara *pewarisan*, iaitu yang berlaku mengikut peruntukan tertentu triti tersebut atau melalui Perisytiharan.

Kebanyakan triti tidak terlaksana sendiri. Di sesetengah negara, triti adalah lebih tinggi kedudukannya berbanding dengan undang-undang dalam negeri, di beberapa negara lain triti diberi status perlembagaan, manakala di negara-negara selebihnya pula hanya beberapa peruntukan triti digabungkan dalam undang-undang dalam negeri.

Sesebuah negara boleh, dalam meratifikasi suatu triti, memasukkan persyaratan ke dalam triti tersebut, menunjukkan bahawa, manakala ia bersetuju diikat oleh sebahagian besar peruntukannya, negara tersebut boleh tidak bersetuju untuk diikat oleh peruntukan-peruntukan tertentu. Walau bagaimanapun, persyaratan tidak boleh mengalahkan matlamat dan tujuan triti. Tambahan lagi, meskipun jika sesebuah negara bukan pihak sesuatu triti atau jika ia telah memasukkan persyaratan, negara tersebut masih boleh terikat oleh peruntukan triti tersebut, yang telah menjadi sebahagian daripada undang-undang adat antarabangsa atau merupakan kaedah-kaedah umum undang-undang antarabangsa, seperti larangan terhadap penyeksaan.

Adat

Undang-undang adat antarabangsa (atau ringkasnya “adat”) ialah istilah yang digunakan untuk menghuraikan amalan umum dan tetap yang diikuti oleh negara yang diperoleh daripada rasa kewajipan undang-undang. Oleh itu, misalnya, manakala Perisytiharan Sejagat Hak Asasi Manusia bukan sendirinya suatu triti yang mengikat, sesetengah peruntukannya mempunyai ciri-ciri Undang-undang adat antarabangsa.

Perisytiharan, resolusi dll. yang diterima pakai oleh badan-badan di bawah Bangsa-bangsa Bersatu

Norma-norma umum undang-undang antarabangsa - prinsip dan amalan yang akan dipersetujui oleh kebanyakan negara - sering kali dinyatakan dalam *Perisytiharan, proklamasi, kaedah standard, syor dan prinsip*. Manakala negara-

negara dari segi undang-undang tidak terikat oleh bentuk-bentuk pernyataan ini, walau apapun ia mewakili persetujuan bersama yang luas bagi pihak masyarakat antarabangsa dan, oleh itu mempunyai kekuatan moral yang tidak boleh disangkal, dari segi amalan oleh Negara-negara dalam mengatur hubungan antarabangsa mereka. Nilai surat cara sedemikian, terletak pada pengiktirafan dan penerimaannya oleh sebilangan besar negara-negara, dan tanpa ikatan undang-undang pun, prinsip-prinsip tersebut boleh dilihat sebagai pengisytiharan prinsip-prinsip yang diterima dengan meluas dalam masyarakat antarabangsa.

Nota: Petikan ini merupakan cetak ulang tambahan (*annex*) *ABC – Teaching Human Rights*, Pejabat Bangsa-bangsa Bersatu Pesuruhjaya bagi Hak Asasi Manusia (Geneva/New York : 2003).



- **Lampiran 1**

Senarai Peserta Bengkel Penulisan Asia Tenggara mengenai Pembentukan Garis Panduan Pengajaran Hak Asasi Manusia

- **Lampiran 2**

Pasukan Kaji Semula Serantau mengenai Pelan Pengajaran Hak Asasi Manusia bagi Sekolah-sekolah di Asia Tenggara

- **Lampiran 3**

Gambar foto yang diambil semasa Bengkel Penulisan Asia Tenggara dan Mesyuarat Pasukan Kaji semula Serantau



Drawing: **Vanicha Ngamsaeng**
Mariviththaya School, Srisaked Province, Thailand

Lampiran 1

Senarai Peserta Bengkel Penulisan Asia Tenggara
Mengenai Pembentukan Garis Panduan Pengajaran
Hak Asasi Manusia
Manila, Filipina, 19-27 Jun, 2001

List of Participants

Vietnam

- 1. Dr. Nguyen Duc Quang - Secretary**
International Education Project
Head of Education Activities
National Institute of Educational Science
- 2. Dr. Nguyen Thanh Houn - Head**
Comparative Pedagogic Section
National Institute of Education Science
- 3. (Mrs.) Dr. Luu Thu Thuy - Vice Director**
Moral and Civil Education Center
National Institute of Educational Science
- 4. Mrs. Ngo Tu Hien - Researcher**
National Institute of Educational Science
101 Tran Hung Dao Street, Hanoi, Vietnam
tel: (844) 942-3893 fax: (844) 822-1521
e-mail: Pham Kim Phuong <dinhpuong@bdvn.vnd.net>
Hien Ngo Tu <ngotuhien@hotmail.com>

Indonesia

- 1. Ms. Dewi Kuanri - Teacher**
Cianjur Primary School
Jl. Siliwangi No. 5, Cianjur, Indonesia
- 2. Mr. Yoseph Lewar - Teacher**
Frater Junior High School
Jalan Jenderal Sahmad Yani No. 50
85225 Kupang, West Timor, Indonesia
tel: (62380) 832-214 fax: (62380) 821-954
e-mail: Yoseph Lewar <lamalewa@yahoo.com>

3. Mr. Daniel Frans Bessie - Lecturer of Moral Education

Faculty of Teacher Training and Education
Nusa Cendana State University
Jl Soeharto No. 72, Kupang, West Timor, Indonesia
tel: (62380) 822-515 fax: (62380) 821-954

4. Ms. Noor Indrastuti - Curriculum Developer

Curriculum Centre of BALITBANG
Department of National Education
Pusat Kurikulum, Jl. Gunung Sahari Raya No. 4,
Senen, Jakarta Pusat
tel: (6221) 380-4248 ext. 257; 846-7850 fax: (6221) 350-8084
e-mail: Noor Indrastuti <nindrast@netcape.net>

Cambodia

1. Ms. Chin Yahan - member of Curriculum Committee and Team Leader of Writer Group

Department of Pedagogical Research and Curriculum Building
Ministry of Education, Youth and Sports,
185, Norodom Blvd, Phnom Penh, Cambodia
tel: (85523) 211-409 fax: (85523) 210-369
e-mail: <prd@camnet.com.kh>

2. Ms. Ly Kheng - Trainer

Regional Teacher Training Center of Kampong Cham, Village 6,
Veal Vong commune, Kampong Cham district,
Kampong Cham province, Cambodia

3. Mr. Yi Dara - Child Right Officer

Save the Children Australia - Cambodia Project
30, st. 9 (P.O. Box 52), Tonle Bassac,
Chamcak Mon, Phnom Penh, Cambodia
tel: (85523) 214-334; 363-433, fax: (85523) 360 381
e-mail: <scacro@bigpond.com.kh>

4. Mr. Pheng Horn - Staff

Education Department
The Cambodian League for the Promotion and Defense of
Human Right (LICADHO)
B.P. 499, No. 103, Street # 97, Phnom Penh, Cambodia
tel: (85523) 360-965 fax: (85523) 360-965; 346-901
e-mail: <licadho@camnet.com.kh>

Thailand

1. Ms. Siriporn Nuanyong - Teacher

Pakkred Secondary School

101/111 Changwattana Rd., Pakkred

Nouthaburi 11120 Thailand

tel: (622) 960-6026, (622) 960-6038

fax: (622) 5830686

e-mail: <siriporn@pk.ac.th>

2. Mr. Charnvit Taratiphyakul

Bangkapi School

69 Serithai Rd., Bangkapi, Bangkok 10240, Thailand

tel: (622) 377-5870, (622) 375-7325 (school)

(622) 375-6017 (home)

fax: (622) 3770312

e-mail: Mr. Chanvit Taratiphyakul <mr_chanvitt@hotmail.com>

3. Ms. Chitima booncum

Mater Dei School

543 Ploenchit Road, bangkok 10330, Thailand

tel: (622) 252-6316; 254-9724 to 26

fax: (622) 253-9785; 255-3023

4. Ms. Gedganda kongtawelert

Mont Fort School

118/2 Moo 5 Orm-Muang Road

Muang District, Chiangmai 50000, Thailand

tel: (6653) 272-642

fax: (6653) 274-640

e-mail: <gedganda@montfort.ac.th>

5. Ms. Preeyanoot Surinkaew

Mont Fort School

118/2 Moo 5 Orm-muang Rd.

Muang District, Chiangmai 50000, Thailand

tel: (6653) 274-642

fax: (6653) 274-640

e-mail: <metta@operamail.com>

Malaysia

1. Dr. Yeoh seng Guan

Sunway College

5 Jalan Kolej, Bandar Sunway 46150, Petaling jaya, Malaysia

fax: (603) 735-8633

e-mail: <yeohsg@hotmail.com>

2. Mr. S. Arutchelvan

Suara Rakyat Malaysia (SUARAM)

383, 1st Floor, Jalan 5/59, Petaling Gardens

46000 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

tel: (603) 7784-3525 fax: (603) 7784-3526

e-mail: <suaram@geocities.cam>; <parti_sosialis@hotmail.com>

website: www.suaram.org

Philippines

1. Ms. Arlene Mangaser

Teacher I

Southern Support Command Elementry School

Zamboanga city, Philippines

tel: (6363) 991-316

2. Ms. Nancy Castillo

Secondary School Teacher II

Zamboanga National High School - Main

Tetuan, Zamboanga city, Philippines

tel: (6362) 991-0805; 993-1354

3. Ms. Elizaberth P. Vistro

Secondary School Master Teacher

Turac National High School

San Carlos city, Pangasinan, Philippines

tel: (6375) 532-2611

4. Ms. Rebecca P. Lacanlale

Secondary School master Teacher

Commonwealth High School

Eco Street, Commonwealth, Quezon city

Metro Manila, Philippines

tel: (632) 932-9223

LIST OF RESOURCE PERSONS AND FACILITATORS

1. Dr. Valai na Pombejr

Adviser

Asia-Pacific Network for International Education and Values Education (APNIEVE)

c/ o UNESCO Principal Regional Office for Asia and the Pacific
920 Sukhumvit Road

P.O. Box 967, Prakanong Post Office, Bangkok 10110, Thailand

tel: (662) 391-0577; 391-0703 fax: (622) 391-0866

e-mail: Supimol VIJARNPOL <v.supimol@unesco-bkk.org>

2. Dr. Fe Hidalgo

Undersecretary

Department of Education, Culture and Sports

University of Life Complex (ULTRA)

Meralco Avenue, Pasig city, Metro Manila, Philippines

tel: (632) 633-7202 fax: (632) 636-4879

e-mail: <hidalgo@i-next.net>

(note: Dr. Hidalgo was still the Asst. Secretary of DECS during the writeshop)

3. Dr. Ma. Serena Diokno

Editor

The Southeast Asian Studies Bulletin

Southeast Asian Studies Regional Exchange Program Council,
Manila Secretariat

Unit E La Milagrosa Townhouse, 10 Valley View Street, Alta Vista,

Loyola Height, Quezon city, Metro Manila, Philippines

tel:/ fax (632) 437-3859

e-mail: <seasrep@cssp.upd.edu.ph>

4. Dr. Sirilus Belen

Technical Staff

Centre of Curriculum and Educational Facilities Development Office

Educational and Cultural Research and Development

Ministry of Education and Culture

Jalan Gunung Sahari Raya No. 4, Jakarta, Indonesia

tel: (6221) 380-4248 fax: (6221) 350-8084

e-mail: <tweetyepe@astaga.com>

5. Mr. Jefferson R. Plantilla

Chief Researcher

HURIGHTS OSAKA

1-2-1500 Benten 1-chome, Minato-ku, Osaka 552-0007, Japan

tel: (816) 6577-3578 fax: (816) 6577-3583

e-mail: <jeff@hurights.or.jp>

6. Mr. Sarawut Pratoomraj

Coordinating Committee of Human Right Organizations of Thailand
109 Shuthisanwinijchai, Samsen-Nok,
Huaykwang, Bangkok 10310, Thailand
tel: (622) 275-4231 (ext. 2), 693-4683 fax: (662) 693-4683
e-mail: <cchrot@ksc15.th.com>;
Sarawut Pratoomraj <tutud@hotmail.com>

7. Ms. Felice Yeban

Professor
Peace and Wold Order Studies Unit
Philippines Normal University
Manila, Philippines
tel: (632) 527-0366
e-mail: <yeban@compass.com.ph>

8. Ms. Ana Elzy E. Ofreneo

Director
Education, Research Training Office
Commission on Human Rights
U.P. Diliman, Quezon City 1101, Philippines
tel:/ fax: (632) 928-4471
e-mail: <ofreneo@compass.com.ph>

9. Dr. Corazon Echano

Assistant Chief
Curriculum Development Division
Bureau of Secondary Education
Deperment of Education, Culture and Sport
University of Life Complex (ULTRA)
Meralco Avenue, Pasig city, Metro Manila, Philippines
tel:/ fax: (632) 632-1361 ext: 2064

10. Dr. Lydia A. Agno

Professor
College of Education
University of the Philippines
Diliman, Quezon city, Metro Manila, Philippines.

11. Mr. Noel Miranda

Education Program Specialist II
Bureau of Secondary Education
Department of Education, Culture and Sports
University of Life Complex (ULTRA)
Meralco Avenue, Pasig city, Metro Manila, Philippines
tel:/ fax: (632) 632-1361 ext. 2052

12. Mr. Jan Banquicio

Director

National Educators Academy of the Philippines (NEAP)

Department of Education, Culture and Sports

University of Life Complex (ULTRA)

Meralco Avenue, Pasig city, Metro Manila, Philippines

tel:/ fax: (632) 633-7237

ORGANIZING COMMITTEE MEMBER

Judge Aurora P. Navarette-Recina - Chairperson

Ms. Ana Elzy E. Ofreneo

Ms. Susan Nuguid

Commission on Human Rights

State Accounting and Auditing Center

University of the Philippines Complex

Commonwealth Avenue, Diliman,

Quezon city, Metro Manila, Philippines

tel: (632) 929-0102

e-mail: <apnr@chr.gov.ph>

Dr. Fe Hidalgo - Undersecretary

Ms. Zaida T. Azcueta

Ms. Nerissa L. Losaria

Department of Education, Cultrure and Sports

University of Life Complex (ULTRA)

Meralco Avenue, Pasig city, Metro Manila, Philippines

tel: (632) 633-7237

fax: (632) 633 7237

Prof. Yashio Kawashima - Director

Mr. Jefferson R. Plantilla

Asia-Pacific Human Rights Information Center

15, 2-1-1500, Benten, 1-chome, minato-ku,

Osaka, 552-0007 Japan

tel: (816) 6577-3578

fax: (816) 6577-3583

e-mail: <webmail@hurights.or.jp>

website: www.hurights.or.jp

Lampiran 2

Pasukan Kaji Semula Serantau
Mengenai Pelan Pengajaran Hak Asasi Manusia
Bagi Sekolah-sekolah di Asia Tenggara

MEMBERS OF THE REGIONAL REVIEW TEAM

1. Dr. Nguyen Thanh Hoan

Expert

Department of Comparative Education

National Institute of Educational Science

Ministry of Education and Training

101 Tran Hung Dao Street, Hanoi, Vietnam

tel: (844) 942-3893

fax: (844) 822-1521

e-mail: <dinhphuong@bvn.vnd.net>;<hhoan1212@yahoo.com>

2. Ms. Chin Yahan

Head, Social Study Section

Department of Pedagogic Research

Ministry of Education, Youth and Sports,

185, Norodom Blvd, Phnom Penh, Cambodia

tel: (85523) 211-409

fax: (85523) 215-096

e-mail: <chin_yahan@yahoo.com>;<prd@camnet.com.kh>

3. Dr. Valai na Pombejr

Adviser

Asia-Pacific Network for International Education and values Education
(APNIEVE)

c/o UNESCO asia and Pacific Regional, Bureau for Education

920 Sukhumvit Road

P.O. Box 967, Prakanong Post Office, bangkok 10110, Thailand

tel: (662) 391-0577; 391-0703

fax (662) 391-0866

e-mail: Supimol VIJARNPOL <v.supimol@unesco-bkk.org>

4. Dr. Sirilus Belen

Technical Staff

Centre of Curriculum and Educational

Facilities Development Office

Educational and Cultural Research and Development

Ministry of Education and Culture

Jalan Gunung Sahari Raya No.4, Jakarta, Indonesia

tel: (6221) 380-4248

fax: (6221) 350-8084

e-mail: <epeandradi@yahoo.com>;<kopcil956@yahoo.co.uk>

5. Prof.Dr.Chiam Heng Keng

Commission

Human Rights Commission of Malaysia

Tingkat 29, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut,

5350 Kuala Lumpur, Malaysia

tel: (603) 2612-5600

fax: (603) 2612-5620

e-mail: <humanrights@humanrights.com.my>;

<chiamhk@um.edu.my>

6. Ms. Zaida T. Azcueta

Chief

Staff Development Division, Human Resource Development Service

Department of Education

DepEd Complex, Meralco Avenue, Pasig city,

Metro Manila, Philippines

tel:/ fax: (632) 633-7237

Lampiran 3

Gambar foto yang diambil semasa Bengkel Penulisan Asia Tenggara dan Mesyuarat Pasukan Kaji Semula Serantau









